

"KERANA itulah, langkah telah diambil untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi di bawahnya supaya mengamalkan 'Tekad Pemudulan Terhadap Orang Ramai.' - Titah sempena menyambut Hari Keputeraan baginda ke-53 pada 15 Julai, 1999.



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"SESUNGGUHNYA Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang menyucikan diri." Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 222.

TAHUN 46 BILANGAN 6 RABU 7 FEBRUARI, 2001/1421 رابو 13 ذوالقعدة، PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

Hubungan Brunei - New Zealand terus erat

BANDAR SERI BEGAWAAN, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Yang Amat Berhormat Sir Michael Hardie-Boys, Gabenor Jeneral New Zealand dan Yang Berhormat Puan Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand bersempena dengan Hari Waitangi hari ini.

Dalam perutusan baginda, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei

Darussalam dengan New Zealand. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda berharap Tuan Yang Terutama Yang Amat Berhormat Sir Michael Hardie-Boys, Gabenor Jeneral, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat New Zealand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada Yang Berhormat Puan Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand, baginda mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat New Zealand sempena dengan Hari Waitangi.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan New Zealand. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Berhormat Puan Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan memotong kek hari puja usia yang disempakan oleh Kelab Wanita Antarabangsa Brunei (IWCB) pada 3 Februari lepas (atas). Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia yang disempakan oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) pada 4 Februari lepas (gambar bawah). Berita lanjut di muka 16.

Sambutan Hari Puja Usia DYTMM Pengiran Isteri



Utamakan anak tempatan

Oleh
Abu Bakar HAR

JERUDONG, 3 Februari. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adanan mengesyorkan agar Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) lebih mengutamakan pengambilan anak-anak tempatan dalam sama-sama memberikan sokongan yang padu kepada pihak kerajaan dalam menangani masalah pengangguran di kalangan belia-belia yang mencari pekerjaan.


Beliau menegaskan sebagai salah sebuah syarikat yang telah lama bertapak di negara ini berharap supaya BSM akan meneruskan dalam mengutamakan pengambilan anak-anak tempatan selaras dengan hasrat kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai anak-anak tempatan berkhidmat di sektor swasta serta memberi peluang secara meluas kepada anak tempatan yang berkebolehan untuk menyandang jawatan yang lebih tinggi dan mencabar dalam syarikat berkenaan.

Dato Paduka Awang Haji Adanan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) Sendirian Berhad menyatakan perkara tersebut di Majlis Pelancaran Rasmi Logo Baru Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong.

"Di era milenium ini BSM haruslah bersedia dalam menghadapi pelbagai cabaran baru untuk terus berjaya dan tidak berpuas hati dengan apa yang dicapai, tetapi semestinya secara berterusan menyesuaikan diri mengikut perubahan dan perkembangan pasaran dan persekitaran," jelas Dato Paduka.

Sebagai usaha mengembangkannya perusahaan, memberikan perkhidmatan yang bermutu dan efisien serta berusaha meningkatkan perkhidmatan ke tahap yang cemerlang yang boleh dijadikan sebagai landasan untuk mencapai hasrat menjadi pilihan utama pelanggan, BSM perlulah mengekalkan kredibilitinya di samping menerokai peluang-peluang perniagaan baru.

Tegasnya, BSM sebagai salah sebuah syarikat



yang telah lama bertapak di negara ini telah menghadapi pelbagai perubahan serta mencapai kemajuan yang ketara seperti dengan siapnya projek 'reformat' di Kilang Penapisan Minyak Brunei di Seria pada tahun 1993 di mana sejak itu negara tidak lagi mengimport keseluruhan produk minyak yang dipasarkan di negara ini.

Begitu juga jelas Dato Paduka, BSM telah memainkan peranan utama dalam memastikan bekalan minyak ULG (termasuk pembekalan LPG - Liquid Petroleum Gas) bagi menjana kuasa yang mencukupi dan 'reliable' untuk kegiatan perindustrian, perusahaan, pihak perinderaan dan para pengguna yang memerlukan di negara ini di samping mengikut tanggungjawab dalam sama-sama mengembangkannya ekonomi seperti yang dihasratkan oleh negara.

Dalam hubungan ini, beliau menyarankan supaya pihak pengurusan stesen-stesen minyak di negara ini berusaha meningkatkan perkhidmatan yang lebih efisien dan cemerlang kepada pelanggan di samping tidak mengabaikan aspek keselamatan, kesihatan dan pencemaran alam sekitar.

Ini termasuk peraturan daripada aspek perselesaan, keselamatan, kebersihan dan lain-lain seperti yang dipersyaratkan oleh pihak yang berwajib di negara ini, agar dipatuhi semata-mata bagi memastikan perniagaan tersebut beroperasi mengikut peraturan yang dikuatkuasakan serta bagi memelihara dan menjaga keselamatan dan menghindarkan daripada pencemaran alam sekitar demi kepentingan umum dan masyarakat di negara ini.

Majlis pelancaran logo tersebut selain dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pengusaha-pengusaha stesen minyak ia juga disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan dari BSM termasuk Pengarah Urusannya, Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
ثَمُورُهُ دَانَ مَهَا ثِيَابُهَا

Dari Sidang Pengarang

7 FEBRUARI, 2001 BERSAMAAN 1421 ذوالقعدة، 13

BANGSA YANG HEBAT

UNTUK menjadi bangsa yang hebat, rakyat dan penduduk sesebuah negara itu mesti sanggup atau mampu melakukan yang hebat-hebat juga. Kenyataan ini bukan tuntutan baru tetapi memang begitulah hakikatnya sepanjang zaman sejak manusia 'menjalami' dunia ini. Bangsa yang lemah yang tidak mempunyai apa-apa untuk diketengahkan yang menjadikan orang lain takut atau galat sudah pasti tidak akan dihormati, sebaliknya akan menjadi mangsa kepada bangsa yang hebat dan kuat.

Sukat-sukat kehebatan itu pula ada berbagai-bagai, ia tidak tertumpu kepada satu-satu bidang sahaja. Secara kasar kehebatan itu sering dilihat dari segi kehandalan dalam peperangan dan kecanggihan senjata yang digunakan. Ada sesetengah orang berpendapat, kehebatan sesebuah negara itu dilihat dari segi kekuatan ekonominya. Mereka berpendapat, tanpa kekuatan ekonomi, kehebatan angkatan perang tidak akan wujud dan pembuatan senjata canggih tidak dapat dilaksanakan di samping pembangunan yang lain juga akan turut terjejas.

Hakikat ini memang tidak dapat dinafikan, kerana masing-masing negara di seluruh dunia sedang bekerja keras untuk membangun ekonomi mereka. Negara-negara miskin dan mundur pula terpaksa berjuang untuk mendapatkan belas kasihan negara-negara yang sudah mendapat gelaran 'gergasu ekonomi' dunia.

Namun demikian, negara-negara miskin dan mundur ini tidak pula sewenang-wenangnya untuk dimamah dan menjadi mangsa oleh negara-negara yang hebat, angkatan perang atau ekonominya. Kerana walaupun mundur atau miskin tidak semua negara-negara tersebut layak untuk semata-mata menjadi habuan pemangsanya. Mereka masih ada maruah dan kekuatan jati diri yang menjadi benteng pertahanan dan survival mereka.

Mereka mungkin hebat dari segi menjunjung titah perintah Allah dan menegakkan agama Allah di bumi mereka dan mereka mendapat keberkatan dan perlindungan daripada Allah. Ada juga negara dalam golongan ini yang mempunyai segelintir rakyatnya yang mempunyai kebolehan-kebolehan tertentu yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa sehingga imej bangsa dan negaranya turut terangkat. Mereka ada yang muncul sebagai pemuka kemasyarakatan, ahli-ahli sukan, pendakwah, ahli sains, penulis dan sebagainya yang mendapat pengiktirafan dunia. Kecemerlangan seumpama itu juga merupakan satu kehebatan yang tidak boleh dipandang ringan.

Alhamdulillah, kita di Negara Brunei Darussalam walaupun kecil dari segi saiz dan penduduknya, namun kita telah tersenarai sebagai salah sebuah negara yang kaya, makmur, aman dan damai di dunia. Ini juga sudah merupakan sebahagian daripada kehebatan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kita. Kehebatan ini tercetus dari kebijaksanaan pemimpin kita iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kehebatan baginda bukan sahaja menyerlah dari segi kepimpinan baginda yang berjaya membawa Negara Brunei Darussalam merdeka, maju dan makmur malahan juga penglibatan baginda sendiri di arena antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam telah mampu membuktikan kepada dunia kehebatannya yang tersendiri termasuklah dalam memainkan peranannya di peringkat antarabangsa melalui pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Baru-baru ini lima orang wanita rakyat negara ini telah mencipta nama di peringkat antarabangsa setelah mereka berjaya menakluki Gunung Kilimanjaro di Afrika, iaitu gunung berapi yang tertinggi di dunia, gunung tertinggi di Afrika dan gunung keempat tertinggi di dunia. Para wirawati negara itu ialah Dayang Norhayati binti Abu Bakar, Dayang Hajah Norimah binti Damit, Dayang Faridah binti Japang, Dayang Nona Elis binti Mohammad Hassan dan Dayang Jenny Tan Fen Ling.

Pendakian Gunung Kilimanjaro memang sudah terkenal dengan lapan dan kesukarannya, namun dengan kehebatan lima wirawati negara itu kemuncak tertinggi Kilimanjaro telah dapat ditakluki dan bersama mereka berkibar dengan megahnya bendera Negara Brunei Darussalam. Misi pengembaraan mereka ialah untuk memperkenalkan Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat antarabangsa melalui ekspedisi ke salah satu destinasi terkenal di dunia iaitu Gunung Kilimanjaro. Mereka juga membawa bersama logo Tahun Melawat Brunei 2001 sebagai satu cara mempromosikan bagi menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara ini. Langkah mereka itu memang kena pada masanya di mana kita sedang berusaha untuk menarik sebanyak mungkin pelancong dan bahkan pelabur ke negara kita. Dengan membuat promosi sedemikian itu masyarakat antarabangsa akan dapat mengenali negara kita dan seterusnya terpenggal untuk datang menikmati keindahan dan kemakmuran negara ini.

Kejayaan tersebut sekali gus mengangkat nama dan imej negara di mata dunia bahawa 'Brunei sanggup'. Kebanggaan kita terhadap kejayaan ini lebih-lebih lagi kerana ia dilakukan oleh wanita. Kita yakin dengan semangat kesetiaan dan cintakan negara kejayaan demi kejayaan akan menyusuli kemudian oleh anak Brunei bukan sahaja di bidang pengembaraan tetapi juga di bidang-bidang lain yang masih terbuka luas yang boleh mendatangkan kebanggaan dan mengangkat imej bangsa dan negara untuk menjadi bangsa yang hebat.

KETAHANAN DIRI HENDAKLAH SENTIASA KUKUH

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULILLAH
Rabbal 'Alamin, Was-salatu Wassalam 'Ala Asyrafil Ambiyai Walmursaleen, Sayidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi Aja'ma'en.

Saya merasa bertuah kerana dapat bersama-sama biskita di Kampong Belabau, Daerah Tutong pada hari ini, lebih-lebih lagi majlis pertemuan ini bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri 1421 Hijrah iaitu sesudah kita bersama-sama dengan umat Islam di seluruh dunia menunaikan ibadah puasa dalam bulan Ramadan.

Dalam tempoh 17 tahun, iaitu sejak tahun 1983, Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak jemunya menyeru dengan gigihnya penduduk Kampong Belabau, Daerah Tutong ini untuk memahami ajaran-agama Islam, alhamdulillah, penduduk kampung ini telah diberikan hidayah oleh Allah Subhanahu Wataala sehingga terbuka hati mereka, dan mereka beramai-ramai memeluk agama Islam.

Pada akhir tahun 1983, Dayang Hanizah binti Abdullah, yang nama asalnya Tani anak Linggan telah memeluk agama Islam, disusuli oleh Dayang Zarinah binti Abdullah yang nama asalnya Bushnan anak Uset, kemudian satu Majlis Pengislaman Beramai-ramai berjumlah 37 orang telah diadakan pada tahun 1993 di Rumah Panjang Kampong Belabau, dan pada tahun 1997, keluarga Awang Muhammad Ismail bin Haji Sulaiman yang nama asalnya Jumbun anak Sa telah mendapat penghormatan, beliau dan keluarganya memeluk agama Islam di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena dengan keberangkatan baginda ke Kampong Belabau ini, bagi Majlis Penyerahan Anak-anak Kunci Rumah Bantuan Yayasan



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1421 Hijrah bersama saudara-saudara baru Kampong Belabau pada 18 Syawal, 1421/14 Januari, 2001 Masihi bertempat di Kampong Belabau, Daerah Tutong.

Sultan Haji Hassanah Bolkiah kepada saudara-saudara baru di Kampong Belabau ini. Dan pada tahun berikutnya pula, beberapa keluarga lagi memeluk agama Islam. Jumlah orang Islam di kampung ini seramai 170 orang, 80 orang daripadanya menetap di kampung ini, hanya tinggal dua keluarga saja lagi yang belum memeluk agama Islam.

Ini adalah suatu rahmat Allah Subhanahu Wataala kepada Negara Brunei Darussalam, khasnya kepada penduduk Kampong Belabau, Daerah Tutong ini, Allah mengurniakan hidayah kepada mereka sehingga mereka berjaya memeluk agama Islam. Menurut laporan, bahawa mereka rajin menghadiri kelas mukaddam, kelas membaca Al-Quran, membaca Surah Yaasin, mendalami pelajaran-pelajaran fardu ain dan fardu kifayah. Pada masa ini, terdapat 12 orang daripada kalangan mereka telah menunaikan fardu haji dengan bantuan Majlis Ugama Islam.

Saya amat gembira dengan maklumat tersebut, tambahan lagi dengan tertubuhnya Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baru di kampung ini, badan kebajikan ini berjaya menubuhkan Pasukan Dikir dan Pasukan Hadrath, di samping mengukuhkan beberapa acara keagamaan seperti menyambut hari-hari kebesaran Islam.

Saya sangatlah berharap supaya penduduk-penduduk Kampong Belabau ini akan terus berusaha dengan gigihnya mendalami ajaran-agama Islam, dan mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh, sehingga mereka berjaya dan mempunyai ketahanan diri yang kukuh, dan tidak dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir yang boleh merosakkan akidah dan keimanan mereka.

Perkara ketahanan diri khasnya segi akidah, sangatlah penting, kerana kita di Negara Brunei Darussalam ini telah pernah mengalami adanya usaha-usaha dan anasir-anasir yang ingin

mempengaruhi orang-orang Islam, termasuklah di pedalaman, supaya orang-orang Islam berasa ragu-ragu terhadap keimanan, dan ajaran-agama Islam itu, mereka berusaha supaya orang-orang Islam meninggalkan ajaran-agama Islam, dan amalan-amalan agama Islam, dan supaya orang-orang Islam beralih kepada ajaran-agama yang lain daripada agama Islam.

Perkara ini pernah berlaku di Kampong Benutan, Daerah Tutong ini pada suatu masa yang lalu, dan adalah tidak mustahil, usaha-usaha dan gerakan-gerakan yang sedemikian, yang ingin menyelewengkan orang-orang Islam daripada keimanan mereka, sehingga orang-orang Islam itu meninggalkan ajaran-agama Islam dan beralih kepada agama yang lain, akan berlaku kembali di masa kini, dan di masa akan datang.

Maka ketahanan diri sebagai orang Islam itu hendaklah sentiasa kukuh. Pusat Da'wah Islamiyah dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab mengenai perkara ajaran, asuhan, didikan dan bimbingan mengenai dengan ajaran-agama Islam itu, maka hendaklah biskita jangan segan-segan berhubung dengan pihak-pihak tersebut bagi mencapai tujuan memperkukuhkan lagi ketahanan diri itu, khasnya dari segi akidah, dan amalan-amalan menurut ajaran-agama Islam.

Di samping itu, ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu, imam-imam dan guru-guru agama yang bertugas di kampung-kampung dan mukim ini berke-wajipan memata-matai perkara-perkara dan usaha-usaha yang ingin menceroobihi kesucian agama Islam itu, jika sekiranya terdapat orang atau anasir yang ingin merosakkan akidah dan kepercayaan orang-orang Islam, maka hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak-pihak yang berkenaan, umpamanya kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Pegawai Daerah, kadi daerah, supaya perkara tersebut akan dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Saya mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya di atas kesudian biskita menjemput saya ke mari, dan menghadiri Majlis Hari Raya bersama-sama biskita pada hari ini. Semoga Allah memberkati usaha biskita ini, dan semoga Allah sentiasa memelihara kitani, tetap beriman kepada Allah, dan sentiasa taat mengerjakan suruhan-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya. Amin.

Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SAYA sangatlah berharap supaya penduduk-penduduk Kampong Belabau ini akan terus berusaha dengan gigihnya mendalami ajaran-agama Islam, dan mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh, sehingga mereka berjaya dan mempunyai ketahanan diri yang kukuh, dan tidak dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir yang boleh merosakkan akidah dan keimanan mereka.



MAJLIS Doa Selamat dan Doa Kesyukuran Istiadat Bersiram dilaksanakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (kiri). Sementara gambar kanan, kelihatan sebahagian menteri kabinet yang hadir di majlis tersebut.

MAJLIS DOA SELAMAT DAN DOA KESYUKURAN ISTIADAT BERSIRAM

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Februari. - Majlis Doa Selamat dan Doa Kesyukuran Istiadat Bersiram Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah sempena selamat meluaran seorang puteri iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah, cunda kedua kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berlangsung di Istana Nurul Iman hari ini.

Majlis yang dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz itu didahului dengan bacaan Surah Al-Faatihah diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon yang juga kemudiannya mengetuai persembahan dikir bersama pegawai-pegawai masjid.

Sementara itu di perkarangan Istana Nurul Iman sebanyak 17 das tembakan meriam dilepaskan sebagai tanda Majlis Doa Selamat dan Doa Kesyukuran Istiadat Bersiram.

Doa dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon, sementara doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.


Majlis dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, pehin-pehin manteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan berserta isteri yang ditempatkan di tempat yang berasingan.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah merupakan puteri kedua kepada Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim.

Yang Teramat Mulia telah selamat meluaran puteri kedua pada hari Rabu, 27 Rejab, 1421 Hijrah bersamaan 25 Oktober, 2000 jam 4.30 pagi.

Oleh Bolhassan HAB dan Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh Halim HS
Pg. Rafee PDPHM dan Masri Osman



MAJLIS tersebut diserikan dengan persembahan dikir yang disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid.



ISTERI-ISTERI menteri kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan turut hadir di majlis berkenaan (gambar atas kiri dan kanan).



ماجو بڠساكو سجاھترا نگاراكو

MAJU BANGSAKU SEJAHTERA NEGARAKU



DITERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



Majlis Doa Kesyukuran sempena Puja Usia

JERUDONG, 30 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkekenan berarakat mengahadiri Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia.

Majlis Doa Kesyukuran telah disembahkan oleh isteri-isteri menteri-menteri kabinet, isteri-isteri timbalan-timbalan Menteri, isteri-isteri setiausaha-setiausaha tetap, isteri Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan isteri-isteri timbalan-timbalan setiausaha tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di majlis yang berlangsung di Kelab Padang Tembak Trap dan Skeet di sini dijunjung oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi majlis berkenaan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Sejurus selepas keberangkatan Duli Yang Teramat

Mulia berserta kerabat-kerabat diraja yang lain dijunjung bagi sesi ramah mesra bersama para isteri pembesar-pembesar negara yang hadir yang diteruskan kemudian dengan sesi bergambar ramai.

Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah binti Abdullah dalam sembah alu-aluannya selaku Pengerusi majlis antaranya menyentuh mengenai aktiviti yang telah dilaksanakan oleh kumpulan isteri-isteri para pembesar negara tahun lalu.

Antara aktiviti itu jelasnya ialah mengadakan lawatan bersama keluarga masing-masing ke Kampung Rampayoh Labi dan berkesempatan mengikuti aktiviti mengetam padi bersama Biro Wanita di kawasan setempat di samping membeli hasil kraf tangan penduduk di sana.

Sebelum acara dilanjutkan, doa selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Dura'tul Ain

binti Haji Abu Bakar.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung untuk memotong kek hari puja usia sebagai acara kemuncak majlis.

Di majlis ini Duli Yang Teramat Mulia juga berkekenan menerima kad sembah ucapan dan berkekenan menerima sumbangan derma daripada pihak penganjur bagi kegiatan Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda (PAPDA) yang mana Duli Yang Teramat Mulia sebagai Penaung persatuan berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkekenan menyerahkan sumbangan derma tersebut kepada Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Intan selaku wakil PAPDA.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkekenan menerima junjung ziarah daripada isteri para pembesar negara yang hadir.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkekenan memotong kek hari puja usia yang disembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia oleh para isteri pembesar negara (atas).

Liputan Siti Muslihat HS Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA dan Masri Osman

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkekenan menerima cenderamata daripada Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkekenan menyerahkan sumbangan derma daripada pihak penganjur bagi kegiatan Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda (PAPDA) kepada wakil persatuan itu, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Intan (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia serta kerabat-kerabat diraja yang lain ketika berangkat di majlis itu.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkekenan berarakat mengahadiri Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia.

Brunei - Malaysia terus eratkan hubungan di bidang pertahanan

BERAKAS, 29 Januari. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus mengeratkan hubungan dua hala dalam bidang pertahanan dan ketenteraan demi untuk kepentingan bersama.

Untuk menyokong langkah ini Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak membuat kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di pejabat Yang Amat Mulia di Bolkiah Garrison.

Menteri Pertahanan Malaysia berada di negara ini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari dengan membawa seramai 17 orang rombongan tentera yang termasuk tiga orang ahli korporat.

Dalam pertemuan tersebut kedua-dua pihak telah membincangkan hal-hal yang boleh meningkatkan hubungan pertahanan dan ketenteraan bagi kedua-dua buah negara.

Di samping itu Negara Brunei Darussalam dan Malaysia juga telah sering mengadakan latihan ketenteraan di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Angkatan

Oleh
Abdullah Asgar

Tentera Malaysia (ATM) yang bertujuan bagi menguji kecekapan, kelengkapan dan taktik dalam peperangan.

Ini adalah lawatan beliau kedua setelah dilantik semula menjadi Menteri Pertahanan yang sebelum itu Menteri Pendidikan.

Terdahulu daripada itu,

Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia menerima tabik hormat dari anggota-anggota Batalion Ketiga, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Hadir di majlis tersebut ialah kedua-dua Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Kani.



MENTERI Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak ketika membuat kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith. - Gambar oleh Ramli Tengah.



MENTERI Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Najib ketika membuat kunjungan muhibah kepada Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Shariffudin. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Awg. Mohd. Imizham rekrut terbaik semua jurusan

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 26 Januari. - Rekrut 4538 Awang Mohd. Imizham bin Haji Ismail muncul sebagai rekrut terbaik dalam semua jurusan bagi Rekrut Polis Lelaki Skwad 1/2000.

Manakala terbaik dalam undang-undang dan pekerjaan polis jatuh kepada Rekrut 4564 Awang Zadrinata bin Mohd. Zaini dan Rekrut 4492 Awang Bahmin bin Pengarah Haji Abdullah Suni muncul sebagai terbaik dalam lawad dan latihan luar.

Majlis yang berlangsung sempena Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Skwad 1/2000 di Padang Kawad Pusat

Latihan Polis Gadong telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Dalam pengambilan rekrut 1/2000, seramai 63 pelatih telah berjaya menjalani latihan yang mengambil masa sembilan bulan dengan mengikuti pelbagai latihan.

Terdahulu daripada itu majlis bermula dengan memeriksa perbarisan oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei selaku tetamu kehormat.

Selain di hadiri oleh pegawai-pegawai kanan polis, upacara pagi itu juga menyaksikan kehadiran kaum keluarga rekrut yang berjaya menamatkan latihan dengan perasaan riang dan gembira.

Lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan kepolisian

GADONG, 26 Januari. - Era globalisasi dan teknologi maklumat merupakan satu fenomena perkembangan moden yang memang tidak dapat dielakkan bagi memastikan negara untuk terus berdaya saing di dalam arena antarabangsa dan juga serantau.

Selain daripada membawa kemajuan, dalam masa yang sama era globalisasi telah banyak mengubah budaya fikir dalam kehidupan masyarakat di negara ini dan ia juga merupakan satu cabaran yang baru dan berat bagi Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub menjelaskan perkara tersebut di Upacara Tamat Latihan Rekrut Polis Lelaki Skwad 1/2000 di Padang Kawad Pusat Latihan Polis di sini.

Tambahnya, menyedari akan hakikat itu, beliau menyeru anggota Pasukan Polis Diraja Brunei supaya akan sentiasa bersikap dinamik dan progresif seiringan dengan perubahan dan keadaan masa.

Terdahulu daripada itu, Pesuruhjaya Polis mengingatkan rekrut-rekrut yang baru me-

Oleh
Abu Bakar HAR

namatkan latihan supaya mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat iaitu supaya terus berusaha menimba ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang tugas kepolisian bagi melengkapkan diri selaku seorang pegawai polis dalam menghadapi tugas yang berat,

bertanggungjawab kepada keselamatan dan keamanan negara.

Dalam hubungan ini rekrut-rekrut tamat latihan perlu mempunyai sikap ketahanan diri di samping mengekalkan tahap disiplin yang tinggi dan mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan gejala-gejala sosial yang tidak bermaruah apatah lagi kepada perkara-perkara yang melanggar undang-

undang, tegas Dato Paduka Seri.

Pasukan Polis Diraja Brunei selaku ejen penguatkuasa undang-undang yang tertua di negara ini, Dato Paduka Seri menegaskan bahawa sesiapa saja anggota polis yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti berunsur negatif tidak akan mempunyai tempat di dalam pasukan polis dengan erti kata Pasukan Polis Diraja Brunei tidak akan tera-

gak-agak mengenakan tindakan disiplin atau tindakan tatatertib dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana anggota yang didapati terlibat melakukan sebarang perkara jenayah.

Majlis berakhir dengan penyampaian hadiah kepada rekrut-rekrut terbaik dalam pelbagai jurusan yang disampaikan oleh tetamu kehormat.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub menerima tabik hormat daripada Rekrut Polis Lelaki Skwad 1/2000 yang menamatkan latihan. Majlis berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Polis, Gadong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub menyampaikan hadiah kepada seorang rekrut terbaik dalam salah satu jurusan di Upacara Tamat Latihan Rekrut Polis Lelaki Skwad 1/2000. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Negara laksanakan Strategi Serampang Dua Mata



BERAKAS, 29 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan Strategi Serampang Dua Mata di mana sumber-sumber hidrokarbon yang ada dimajukan sepenuhnya untuk memenuhi permintaan semasa dan dalam masa yang sama mengambil inisiatif untuk mengenal pasti simpanan (reserves) baru.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut dalam sembah alu-aluannya di Majlis Pelancaran Kawasan Baru Petroleum berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Ber-

hormat menteri-menteri kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, perwakilan asing, setiausaha-setiausaha tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa pada tahun 1966, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan kajian seismic 2 dimensi - 2 D di perairan zon ekonomi eksklusif (EEZ), seluas 25,000 kilometer untuk mengenal pasti potensi peluang-peluang baru petroleum.

Pada tahun 1998, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah meningkatkan usaha dan mengenal pasti dua blok di kawasan air dalam seluas 10,000 kilometer persegi yang telah dibuat kajian tiga dimensi (3D) berpotensi untuk dieksplorasi.

Menurut Yang Berhormat, pembukaan kawasan-kawasan baru itu menandakan satu lagi sejarah dalam industri minyak dan gas di negara ini di mana untuk pertama kalinya kawasan-

Oleh Sahari Akim

kawasan itu akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di bawah sistem tawaran terbuka bertepatan dengan pelaksanaan sistem perjanjian baru mengenai kontrak perkongsian pengeluaran (PSC).

Untuk kesesuaian bersama, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membahagikan kandungan perjanjian (PSC) tersebut kepada syarikat-syarikat minyak dan gas berkenaan pada 23 Oktober tahun lepas untuk membolehkan mereka meneliti dan seterusnya memberikan maklum balas kepada kerajaan.

"Saya sukacita memaklumkan bahawa komen yang diterima telah pun dikaji di mana pengubahsuaian yang perlu dan beberapa inisiatif mengenai PSC telah dibuat untuk memastikan perjanjian tersebut lebih menarik dan bertenaga (viable).

Kita berkeyakinan bahawa pengubahsuaian itu akan menjadi pendorong serta tarikan kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang hadir pada pagi ini," tekan Yang Berhormat.

Di majlis itu, Yang Berhormat juga menekankan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan keutamaan bagi kemajuan yang berterusan kepada industri petroleum di negara ini.

Yang Berhormat seterusnya mengulaskan syarikat-syarikat minyak dan gas untuk menjalankan usaha eksplorasi petroleum di kawasan-kawasan baru yang masih belum lagi diterokai.

Negara Brunei Darussalam menikmati kemakmuran daripada hasil industri minyak dan gas sejak beberapa dekad lampau, di mana komoditi tersebut sehingga kini masih kekal merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara meskipun pelbagai usaha dibuat untuk mempelbagaikan sumber ekonomi.

Sistem perkhidmatan awam Meletakkan keutamaan kepada pelanggan

RIMBA, 29 Januari. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair berkata, "Peningkatan di dalam persaingan iklim ekonomi antarabangsa dan jangkaan orang awam atau keperluan pelanggan dalam perkhidmatan awam terus tertumpu dalam memperbaiki hasil perkhidmatannya. Akan tetapi jika tuntutan tersebut diabaikan ianya boleh menjejaskan imej sistem perkhidmatan awam di negara ini dan imej negara."

Dato Paduka Haji Hazair menggariskan perkara tersebut di Majlis Seminar Setengah Hari Mengenai Dengan Kepuasan Pelanggan/Tumpuan Pelanggan Dalam Perkhidmatan Awam bagi setiausaha-setiausaha tetap dan timbalan setiausaha tetap yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Dato Paduka Haji Hazair menambah, melalui konsep yang berorientasikan pelanggan bukannya baru di dalam perkhidmatan awam di negara ini dan ia seharusnya bertukar keadaan daripada bersifat tidak aktif dan reaktif kepada aktif dan berinisiatif.

Dato Paduka seterusnya menambah, arahan panduan meletakkan keutamaan kepada orang awam atau mendahulukan pelanggan telah kerap kali dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sehubungan dengan itu katanya, perkhidmatan awam telah memperkenalkan piagam pelanggan atau dikenali sebagai Tekad Pemedulian Orang Ramai

Oleh Abu Bakar HAR

(TPOR) sejak tahun 1995 yang dihasratkan untuk memenuhi tanggungjawab kepada orang ramai.

Seminar telah dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Latihan Pengurusan Sekretariat Komanwel, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Institut Perkhidmatan Awam.

Seminar disampaikan oleh seorang penceramah dari Australia yang menumpukan kepada kepentingan strategi meluas dan nilai-nilai pendekatan berorientasikan pelanggan kepada pengurusan sektor awam dengan menggariskan penggunaan utama dalam agensi-agensi moden.

Dalam memastikan pengetahuan dan pengalaman dikongsi bersama, seminar tersebut juga akan diadakan bagi ketua-ketua jabatan dan timbalannya yang akan diadakan dan diikuti berikutnya dengan bengkel bagi pegawai-pegawai perhubungan awam.

Dengan mendapat faedah dan maklumat serta pengalaman daripada seminar tersebut, diharap agar pegawai-pegawai yang terlibat akan mendapat faedah daripada perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam dalam usaha meningkatkan pelaksanaan TPOR dan membangunkannya dengan lebih berkesan, cekap dan memandu kepada perkhidmatan pelanggan yang mengikut sistem dan budaya kerja.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika hadir di Majlis Seminar Mengenai Dengan Kepuasan Pelanggan/Tumpuan Pelanggan Dalam Perkhidmatan Awam. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba. - Gambar oleh Hamadi HM.



SEMBAHYANG berjemaah dan doa kesyukuran sempena ulang tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Hamadi HM.

Doa Kesyukuran Puja Usia

Oleh Abu Bakar HAR

JERUDONG, 28 Januari. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) telah mengadakan sembahyang berjemaah dan doa kesyukuran sempena ulang tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Majlis yang diselenggarakan dengan membaca Surah Yaasiin itu berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam di sini. Hadir di majlis tersebut ialah Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Sementara itu beberapa persatuan bukan kerajaan juga mengadakan majlis serupa secara berasingan. Antaranya ialah Perkumpulan Kebajikan Isteri-isteri dan Keluarga-keluarga Polis (PEKERTI) dan Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota, PAPDA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat menjayakan Persidangan APEC 2000.



BAGINDA (tengah), sementara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri) di Majlis Jamuan Penghargaan Sempena APEC 2000.



SEBAHAGIAN daripada penaja-penaja Persidangan APEC 2000 juga sempat junjung ziarah ke hadapan majlis baginda (atas dan kanan).



BAGINDA bertanyakan sesuatu kepada sebahagian peserta bagi persembahan kebudayaan.

Berangkat ke Majlis Jamuan Penghargaan Sempena APEC 2000



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna juga berangkat di Majlis Jamuan Penghargaan Sempena APEC 2000.



Mohamed

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama para wartawan tempatan yang sama-sama menjayakan Persidangan APEC 2000.



KEMESRAAN Kemesraan nampak terbayang di raut wajah baginda semasa berkenan menerima junjung ziarah daripada sebahagian Ahli Jawatankuasa Perubatan.



Gambar-gambar oleh
Amat HM, Haji
Masmaleh HMA
dan Hamadi HM

BERBUAL MESRA Kesempatan sebahagian anggota media untuk berbual mesra bersama baginda merupakan detik yang sangat ditunggu-tunggu.



CUKUP ISTIMEWA Sebahagian sukarelawan gembira bergambar ramai dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas).

BAGINDA berkenan berbual mesra dengan pemuzik daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan).

SUKARELAWAN juga tidak ketinggalan bagi sama-sama beramah mesra dan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda.



Dalam perkhidmatan awam

'Fikir bersama' perlu

Oleh Sahari Akim

RIMBA, 1 Februari. - "Fikir bersama" dan "hati bersih bersama" adalah asas ke arah menjayakan konsep bekerjasama dalam perkhidmatan awam dan pembangunan Negara Brunei Darussalam.

"Inilah 'competitive age' yang wajib dihidupkan semula disemua peringkat dalam perkhidmatan awam," tegas Dato Paduka Malai Haji Ali, ketika berucap merasmikan Seminar Dan Bengkel Kaunseling di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Seminar Dan Bengkel dua hari bertemakan Komunikasi: Punca Kebahagiaan dan Kemudharatan anjuran bersama Persatuan Kaunseling Brunei (PERKAB), Jabatan Psikologi Pendidikan, UBD dan IPA itu dihadiri oleh ahli-ahli Persatuan PERKAB, guru-guru sekolah menengah dan rendah serta pegawai dan kakitangan kerajaan.

Dato Paduka menambah, 'fikir bersama' adalah satu perkara wajib dalam agama Islam yang wajib diamalkan dalam kehidupan seharian dan kerjaya baik di peringkat organisasi, individu dan keluarga untuk kejayaan di dunia dan di akhirat.

Beliau seterusnya menekankan bahawa 'syura' 'taubat' dan 'tazkiah' adalah tuntutan agama yang boleh menjamin 'Al-Falaah' ataupun kejayaan kepada manusia di dunia dan di akhirat.

Tiga perkara itu tambah Dato Paduka, adalah merupakan konsep Islam yang 'universal', ciptaan Allah Subhanahu Wataala yang sentiasa benar dan boleh menjamin kejayaan.

Syura, taubat dan tazkiah jelas Dato Paduka, merupakan perkara yang benar maka dari itu ia adalah sistem yang merangkumi 'hablum minallah' dan 'hablum minannas'.

Pada majlis itu beliau juga memetik sebahagian ayat yang terkandung dalam Surah Al-Faatiha ayat 6 yang antara lain bermaksud 'Tunjukilah aku jalan yang lurus' di mana Islam menggalakkan supaya umatnya sentiasa berdaya maju, mencapai kejayaan dan kecemerlangan dengan mengenal pasti setiap kesalahan dan kesilapan yang dilakukan dan mencari jalan penyelesaiannya dengan mengamalkan konsep taubat.

Ke arah itu ujarinya, taubat hendaklah dibudayakan sebagai satu kaedah bagi mempertingkatkan keupayaan kerana ia merupakan satu pendekatan yang menjana kepada peningkatan kesedaran terhadap nilai-nilai yang lebih baik dan progresif.

Dalam konteks Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam adalah merupakan ciri-ciri yang berkaitan penilaian prestasi kerja.

Perubahan yang diperlukan dalam konsep 'taubat' secara tidak langsung akan mewujudkan konsep 'lahir' iaitu leadership (kepimpinan); analysis (muhasabah diri); hollatic (bersih hati); imagination (daya imaginasi) dan Reality (realiti).

Katanya, konsep lahir menumpukan perhatian kepada lapan ciri yang terdapat dalam penilaian prestasi kerja iaitu kepimpinan, komitmen, komunikasi, membuat keputusan, pengetahuan kerja, kebolehpercayaan, pengurusan dan inovasi.

Dato Paduka juga menerangkan bahawa konsep LAHIR bertepatan dengan nilai-nilai yang terdapat dalam hasrat negara yang dijemakan melalui falsafah MIB dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang bertujuan untuk menjadikan perkhidmatan awam di negara ini sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang

sihat dan selamat di bawah inayah petunjuk Allah Subhanahu Wataala.

Menurut Dato Paduka konsep LAHIR dan Taubat boleh direalisasikan melalui pendekatan 'Group Therapy' atau Halaqah Fikir mengikut kaedah 4M iaitu 'Muraqabah (memerhati kesalahan diri sendiri); Muhasabah (menilai kekurangan dan kelemahan); Mu'atabah (membuat kritikan diri) dan Mujahadah (memperbaiki diri).

Melalui pendekatan 'Group Therapy' itu jelas Dato Paduka, matlamat untuk mencapai produktiviti tinggi dan kejayaan dalam perkhidmatan awam di negara ini akan menjadi kenyataan.

Sempena seminar itu satu pameran 'Membangun Ummah Menurut Ajaran Islam' juga telah dilancarkan di samping penjualan buku berjudul 'Kecemerlangan Diri, Organisasi dan Ummah', yang dijual dengan harga promosi \$10.00 senaskah.



MENTERI Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib dan isteri diraikan di Majlis Makan Malam oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan isteri di Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Menteri Pertahanan Malaysia diraikan

Oleh Sahari Akim

JERUDONG, 29 Januari. - Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Isteri, Yang Berbahagia Datin Sri Rosmah binti Mansor telah diraikan dalam satu Majlis Makan Malam oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Isteri, Datin Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor di Kelab Polo Jerudong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith serta Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib berada di negara ini

bagi lawatan rasmi tiga hari yang bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-dua negara di samping mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran di bidang pertahanan, keselamatan serta hal-ehwal semasa.

Di samping mengadakan perbincangan, semasa di negara ini Yang Berhormat juga antaranya telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman dan mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith serta mengadakan lawatan ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Sertai bahas sedunia di Johnnesburg

Oleh Ahat HI

BERAKAS, 28 Januari. - Serombongan lima orang penuntut yang diketuai oleh Cikgu Mohammad Abdoh telah berlepas ke Afrika Selatan bagi menyertai Kejohanan Bahas Sedunia Sekolah-sekolah Kali Ke-13 di Johannesburg yang bermula dari 29 Januari hingga 7 Februari.

Sejurus sebelum rombongan tersebut berlepas, majlis penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam telah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Haji Ahim bin Adis yang mewakili Pengarah Ko-Kurikulum, Awang Haji Antin bin Ahad.

Rombongan yang diketuai oleh Cikgu Mohammad Abdoh

dan para peserta terdiri daripada Dzairenny Muslim, Kathrina Daud, Christina Chong, Kevin Lo dan Fadzlani Anuar itu akan memulakan kempen pusingan awal di Sekolah Johannesburg.

Pertandingan bahas bahasa Inggeris pada dasarnya adalah salah satu daripada kegiatan kurikulum bermula pada tahun 1996 dan pada tahun 1997 pula diadakan bengkel bagi guru-guru yang kemudian menubuhkan Kelab Bahas di sekolah dan pada tahun itu juga kali pertama diadakan Pertandingan Bahas Kebangsaan Sekolah-sekolah.

Selanjutnya pula, tahun 1998 Negara Brunei Darussalam telah menghantar kumpulan bahas ke Jemputan Pertandingan Bahas Singapura yang berjaya melangkah ke peringkat separuh akhir.

Kemudian pada tahun 1999, Negara Brunei Darussalam menghantar empat orang peserta ke London bagi penyertaan Bahas Sedunia Sekolah-sekolah Ke-11 dan mereka memperolehi pencapaian yang menggalakkan menduduki tangga ke 15 daripada 31 negara peserta.

Kecemerlangan pasukan bahas negara terus menyerlah dalam penyertaan tahun 2000 di Pittsburgh, USA dengan menewaskan pasukan Israel, Slovenia, Ukraine, Holland, Jerman dan hanya tewas dalam kedudukan tipis kepada Pakistan.



PEGAWAI Pelajaran, Awang Haji Ahim bin Adis ketika menyerahkan bendera Negara Brunei Darussalam kepada Cikgu Mohammad Abdoh yang mengetuai rombongan lima orang penuntut di Kejohanan Bahas Sedunia Sekolah-sekolah Kali Ke-13 di Johannesburg. - Gambar oleh Ramli Tengah.

BLNG buka pasarannya ke India, China dan ASEAN

BERAKAS, 30 Januari. - Pelan induk 30 tahun Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) akan membuka pasarannya ke negara-negara seperti India, China, Republik Filipina dan Thailand di samping pembeli berkontrak yang ada sekarang iaitu tiga syarikat di Jepun dan satu di Korea.

BLNG juga dalam 30 tahun akan datang akan menjadikan sumber gas sebagai tenaga bagi menghasilkan tenaga elektrik pada skala besar selain daripada yang ada sekarang.

Malahan setelah kerja-kerja tambahan dan pelebaran BLNG yang bermula tahun ini, BLNG menjangkakan pada tahun 2008, kargo pertamanya akan mula diekspor.

BLNG juga pada tahun 2013 akan menggantikan tujuh tanker pengangkutannya Kelas B kepada enam tanker Kelas A yang lebih besar dengan kapasiti 135,000 juta padu gas dan berteknologi tinggi demi untuk memenuhi keperluan pembeli-pembeli. Kesemua pembaharuan ini memerlukan pelaburan kira-kira \$2.1 bilion.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Ketua Eksekutif BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab dalam kertas kerjanya ketika berlangsungnya Persidangan dan Pameran Sempena Pelancaran Kawasan

Oleh Abdullah Asgar

Baru Petroleum Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurutnya, langkah ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan memperkukuhkan industri minyak dan gas dan dalam masa yang sama mempelbagaikan ekonomi negara.

Di samping itu tambahnya, BLNG juga akan menambah pengeluaran gas kepada empat juta tan setahun menjelang 2005 berbanding pengeluaran yang ada sekarang dua juta tan setahun.

BLNG katanya, juga akan terus meningkatkan pengeluaran gas di sepanjang 20 tahun akan datang pada 7.5 juta tan setahun.

Ini dibuat jelasnya, bagi menampung keperluan para pembelinya yang semakin meningkat terutama pembeli-pembeli tiga syarikat dari Jepun dan satu lagi dari Korea.

Seminar dua hari ini dihadiri oleh peserta-peserta antarabangsa yang berurusan niaga dalam industri minyak dan gas yang berminat dengan kawasan-kawasan baru petroleum negara yang mencari gas minyak dan gas di perairan dalam negara di luar pantai yang telah dikaji mampu-

nyai simpanan besar minyak dan gas yang belum diterokai.

Seminar ini juga diselenggarakan dengan pameran

an mengenai industri minyak yang mula ditemui dalam tahun 1929 dan gas negara sejak penemuannya dalam tahun 1970 dulu.



KETUA Eksekutif BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah semasa membentangkan kertas kerja di Persidangan dan Pameran sempena Pelancaran Kawasan Baru Petroleum Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Halim HS.

Perolehi kemahiran setinggi-tingginya

LAMBAK KANAN, 1 Februari. - Pelajar-pelajar di negara ini disaran mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab bagi membuat persediaan-persediaan dalam menghadapi dan mengharungi kehidupan masa depan yang lebih mencabar dengan pelbagai kemajuan dan persaingan.

Mereka hendaklah mengambil peluang dan kesempatan itu untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak-banyaknya dan memperolehi kemahiran setinggi-tingginya dengan usaha yang rajin, tabah dan gigih menghadapi dan mengharungi rintangan-rintangan dan cabaran-cabaran yang mendatang.

Saranan ini dibuat oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim ketika berucap sebelum merasmikan Majlis Suai Kenal Bagi Penuntut-penuntut Baru Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam sesi Februari 2001 di sini.

Jelasnya, kesusahan dan rintangan adalah ujian Allah, maka sentiasalah bersabar dan cekalkan hati berbekalkan keimanan

Oleh Abdullah Asgar

dan ketakwaan dalam menghadapi sebarang cabaran dalam menentang hawa nafsu, dan menegakkan kebenaran kerana Allah tidak akan membebaskan hamba-Nya dengan perkara yang tidak bertanggung jawabnya dan Allah sentiasa bersama-sama orang-orang yang bersabar.

"Zaman muda bukanlah zaman untuk bersuka ria dan membuang masa, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengingatkan umatnya seperti maksud hadisnya, "Rebutlah peluang masa muda sebelum tua, masa senang sebelum susah, masa sihat sebelum sakit dan masa hidup sebelum mati." untuk diisi dengan perkara-perkara yang baik mahupun yang buruk walau seberat manapun tetap ada perhitungan dan balasannya di sisi Allah," kata Dato Paduka.

Ujarnya, pelajar janganlah menjadikan zaman muda yang hanya sekali itu sebagai jalan

untuk melakukan dosa, kerana satu kesilapan yang dilakukan semasa muda meninggalkan kesan penyesalan sepanjang hayat.

Seramai 113 orang penuntut baru diterima bagi menjalankan kursus jangka pendek setahun setengah dalam enam kursus pengajian yang termasuk elektrik, elektronik iaitu bagi sijil kejuruan kebangsaan gred dua dan tiga, pertukangan dan pemasangan paip bagi sijil kejuruan kebangsaan gred tiga dan mendandan rambut bagi sijil vokasional kebangsaan.

Temu bual PELITA BRUNEI bersama Awang Haji Nujaimin bin Haji Awang Damit @ Nasir mengatakan kerana minat yang mendalam, beliau mencalonkan diri untuk melanjutkan pengajian di sekolah itu dalam bidang elektrik.

Awang Haji Nujaimin, 21 tahun sebelum ini menuntut di Sekolah Menengah Berakas dalam tingkatan lima, bercita-cita untuk meneruskan pengajian ke Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal (MTSSR) dalam bidang yang sama.

Manakala itu seorang lagi penuntut, Awang Goh Chee Soon bekas seorang penuntut di Sekolah Menengah Jamalul alam (SMJA) juga berminat dalam bidang yang diceburi kerana beliau merasa yakin dalam kursus yang diambilnya.

Sementara itu Dayang Hajah Amalina binti Haji Kifli, 21 tahun yang juga menceburi dalam bidang elektrik pula ingin mencuba, kerana beliau berpendapat tidak banyak kaum wanita meminati bidang ini.

Katanya, jika lulus nanti, beliau akan melanjutkan pengajian ke MTSSR.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Suai Kenal Bagi Penuntut-penuntut Baru Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam. - Gambar oleh Halim HS.



AWANG Haji Nujaimin bin Haji Awang Damit @ Nasir.



AWANG Goh Chee Soon.



DAYANG Hajah Amalina binti Haji Kifli.



PENUNTUT-PENUNTUT baru Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam semasa membaca ikrar. - Gambar oleh Halim HS.

Mereka hendaklah mengambil peluang dan kesempatan itu untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak-banyaknya dan memperolehi kemahiran setinggi-tingginya dengan usaha yang rajin, tabah dan gigih menghadapi dan mengharungi rintangan-rintangan dan cabaran-cabaran yang mendatang.

PEMBUKAAN RASMI KAWASAN BARU PETROLEUM NBD



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan memegang salah satu peralatan yang digunakan dalam kerja-kerja cari gali minyak.



DATO Paduka Awang Haji Hamdillah, Ketua Pegawai Eksekutif BLNG menyebarkan taklimat kepada Duli Yang Teramat Mulia (atas).



PEGAWAI-PEGAWAI dari syarikat-syarikat petroleum yang menyertai pameran menyebarkan taklimat kepada Duli Yang Teramat Mulia (kiri dan kanan).



TEKNOLOGI.... Pelbagai teknologi canggih dan terbaharu juga dipamerkan oleh syarikat-syarikat petroleum dari dalam dan luar negeri.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima pesambah sejurus merasmikan Majlis Pelancaran Pembukaan Rasmi Kawasan Baru Petroleum di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC) (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba di Bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan produk-produk dan bahan-bahan yang dipamerkan di salah sebuah ruang pameran (atas). Sementara gambar kanan, sebahagian daripada tetamu dan perwakilan syarikat luar negeri yang menghadiri Majlis Pelancaran Pembukaan Rasmi Kawasan Baru Petroleum.

DULI Yang Teramat Mulia berjabat mesra dan seterusnya berkenan menerima cenderamata daripada seorang pegawai salah sebuah syarikat petroleum yang menyertai pameran (atas kiri). Sementara gambar atas tengah, seorang pegawai daripada syarikat petroleum luar negeri menyampaikan taklimat mengenai syarikatnya kepada Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat melawat ke ruang pameran dan seterusnya berkenan menandatangani buku pelawat (atas kanan).

Gambar-gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM dan Masri Osman.





MENTERI Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib semasa membuat kunjungan ke Markas Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. - Gambar oleh Hamadi HM.

Menteri Pertahanan M'sia lawat ATUDB

TUNGKU, 30 Januari. - Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini membuat kunjungan ke Markas Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, di sini.

Sepanjang lawatan, Menteri Pertahanan Malaysia mendengar penerangan mengenai perkembangan dan kemajuan ATUDB yang disampaikan oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Sharifuddin bin Haji Mohammad.

Yang Berhormat juga menyaksikan kemudahan-

Oleh Samle HJ

an-kemudahan yang terdapat di situ.

Lawatan Menteri Pertahanan Malaysia itu dihasratkan bagi mengukuhkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin bagi kedua-dua buah negara khusus di bidang pertahanan.

Sepanjang berada di negara ini, Yang Berhormat telah disertai oleh isteri dan beberapa pegawai kanan yang lain.

Pendidikan kesihatan akan diperluaskan

BERAKAS, 31 Januari. - Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Awang Haji Affandi berkata peranan dan penekanan tentang pentingnya promosi kesihatan dan pendidikan kesihatan kepada pesakit akan diperluaskan dan dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan asasi yang komprehensif.

Selain itu tambahnya, pemindahan perkhidmatan pesakit luar di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) ke Pusat Kesihatan yang baru juga akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Beliau menyatakan perkara itu ketika menyampaikan ucapan di Majlis Perasmian Kursus Diploma Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi Bagi Pengambilan Kedua (2001-2004) di Kementerian Kesihatan di sini.

Menurut beliau lagi, Bengkel Kaunseling Berhenti Merokok akan dianjurkan pada Mac ini sebagai sebahagian daripada program pencegahan dan promosi kesihatan.

Terdahulu daripada itu, katanya, pihaknya telah pun memulakan program pencegahan khususnya yang berkaitan dengan kesihatan wanita, iaitu pengesanan kanser rahim.

Majlis perasmian kursus tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad.

Menurut siaran akhbar Kementerian Kesihatan, Kursus Diploma Penjagaan Kesihatan Asasi Bagi Pengambilan Kedua dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam dan St. George's Hospital Medical School, London.

Seramai 11 orang doktor (sembilan doktor tempatan dan dua doktor ekspatriat) akan mengikuti Diploma Penjagaan Kesihatan Asasi yang dijangka bermula Februari ini, yang mana akan dikendalikan oleh pakar-pakar dan pensyarah-pensyarah dari St. George's Hospital Medical School.

Sementara itu, dalam pengambilan pertama kursus yang sama yang dilancarkan pada bulan Februari tahun lepas, seramai 12 orang doktor menjalani kursus.

Program profesional ini adalah bagi doktor-doktor yang berminat dalam bidang penjagaan

Oleh Hj. Ahmad HS

kesihatan asasi yang mana mereka diberi peluang yang istimewa untuk menjalani kursus dalam negeri. Dengan ini mereka boleh meneruskan khidmat mereka di hospital dan klinik di mana mereka ditugaskan di negara ini.

Kursus ini akan memberikan peluang untuk melanjutkan daripada peringkat Diploma kepada peringkat Sarjana (Masters), memudahkan peserta untuk menduduki peperiksaan Membership Royal College General Practitioners (MRCGP).

Program ini merupakan sebahagian daripada program pembelajaran perubatan lanjutan yang diatur oleh Kementerian Kesihatan bagi memberikan kelulusan tambahan kepada doktor-doktor perubatan yang berkhidmat dengan kerajaan di negara ini.

Menurut siaran itu lagi, baru-baru ini seramai enam orang telah berjaya lulus peperiksaan MRCP Bahagian I dan II yang telah dikendalikan di negara ini. Di masa yang sama seramai dua orang doktor tempatan sedang mengikuti latihan dalam negeri dalam bidang pembedahan kepala dan leher, dua orang dalam bidang pembedahan umum dan tiga orang dalam bidang perbidanan dan sakit puan.

Seramai 84 orang doktor tempatan yang terdiri daripada sembilan orang pakar, 16 orang pegawai perubatan dan 10 orang pegawai perigian telah berkhidmat dengan pihak kerajaan.

Doktor-doktor yang telah kembali ke tanah air untuk berkhidmat diberikan peluang untuk menjalani latihan lanjutan dalam negeri dan luar negeri, diharapkan akan mempertingkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan doktor-doktor dalam penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan ke arah penjagaan yang lebih berkualiti kepada pesakit.

Berikutan dengan pengiktirafan Rumah Sakit RIPAS sebagai sebuah institusi pendidikan perubatan oleh Universiti Queensland, seramai enam orang penuntut perubatan dari Australia dan seorang penguasa sedang berada di negara ini untuk menjalani latihan. Kumpulan pertama ini diberikan latihan oleh doktor-doktor yang berkhidmat di negara ini.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan, semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Rasmi Logo Baru Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM). Berita lanjut di muka 1. - Gambar oleh Pg. Rafie PDPHM.

Terima sumbangan derma

GADONG, 27 Januari. - Bakal-bakal haji Pasukan Polis Diraja Brunei hari ini menerima sumbangan derma kewangan di majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis di sini.

Sumbangan derma yang merupakan aktiviti tahunan pasukan itu telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Oleh Bolhassan HAB

Majlis telah diserikan dengan ceramah oleh Awang Haji Ismail bin Sulaiman dari Pusat Da'wah Islamiah, yang antara lain menasihatkan mereka yang hendak menunaikan rukun Islam kelima itu agar berniat dengan tulus ikhlas.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Awang Haji Affandi semasa berucap merasmikan Kursus Diploma Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi Bagi Pengambilan Kedua (2001-2004), di Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Peranan manusia dalam pemberian perkhidmatan perlu diberi penekanan

Oleh Sahari Akim



PENGARAH Perkhidmatan Pengurusan, Awang Haji Sapawi ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta bengkel (kiri). Sebahagian daripada peserta bengkel 'Customer Focus In The Public Service' semasa menghadiri bengkel berkenaan di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba (kanan). - Gambar oleh Amat HM.

GADONG, 1 Februari. - Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Haji Sapawi berkata, persoalan bentuk dan proses perubahan, perancangan strategik dan kemandirian sistem-sistem pengurusan perlu dibina atas dasar kesedaran, kesediaan dan komitmen yang tinggi daripada anggota organisasi secara total.

Kesedaran dan komitmen yang berlaku kepada kakitangan organisasi adalah manifestasi kekuatan daya ubah sesebuah organisasi.

Justeru persoalan perubahan ini adalah minda yang menyebabkan berlakunya anjakan paradigma untuk melihat cabaran perubahan itu satu peluang bagi digarap untuk mencipta kekuatan dengan sumber dan kemahiran yang ada.

Beliau yang menyatakan perkara itu ketika menjadi tetamu kehormat di Majlis Penutup Bengkel 'Customer Focus In The Public Service' yang diilangungkan di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba di sini.

Menurutnya, jika ini berlaku, persoalan bentuk, proses sistem, prosedur, persekitaran kerja dan perancangan strategik dapat dilakukan atas dasar muafakat dan tanggungjawab bersama di kalangan anggota organisasi.

"Dengan itu tuntutan perubahan yang paling asas ialah mengakui bahawa perubahan mesti dilakukan mengikut keperluan semasa. Masa berubah, cita rasa dan nilai berubah, pasaran dan begitu juga cara bekerja berubah," katanya.

Justeru itu, jelasnya, organisasi dan individu yang bersaing dalam pasaran dan perkhidmatan juga harus berubah. Daripada kenyataan ini apa yang kita dapat cetuskan ialah perubahan cara berfikir dan bertindak amat penting dalam sebuah organisasi.

Komitmen merupakan kekuatan organisasi

Oleh Haji Ahmad HS

Beliau berkata, memiliki program pemulihan yang kental, organisasi akan lebih berupaya menjadi proaktif serta mempunyai pelan luar jangka pendek bagi menghadapi permasalahan semasa dan ini akan menjadikan organisasi sentiasa berbekalkan strategik yang penting untuk menangani khidmat yang tidak baik.

"Oleh itu, setiap khidmat diberi kepada pelanggan bertujuan utama untuk memberi kepuasan pelanggan menerusi kerja yang disampaikan, memuakan pada kali pertama ia disediakan kepada pelanggan dan menguruskan setiap runutan dengan berkesan," ujarnya.

Dalam ucapannya beliau menekankan, di antara aktiviti pemulihan yang mesti ditekankan oleh organisasi ialah program peningkatan mutu perkhidmatan, program menemui janji pelanggan seperti yang dijanjikan dalam Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR).

Katanya, perkara utama yang mesti diketuai oleh organisasi apabila membangunkan organisasi ialah menentukan sistem perkhidmatan berada pada landasan asas yang betul iaitu dengan menyemak semua sistem dan proses penyampaian perkhidmatan.

Di majlis itu, beliau juga menyampaikan sijil-sijil kepada peserta-peserta bengkel yang dihadiri oleh pegawai-pegawai perhubungan awam daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan selama dua hari ini.

Katanya, hasil daripada laporan yang diterima oleh pihak pengurusan dalam tahun 1999 menunjukkan bahawa hanya 54 kementerian dan jabatan yang menyatakan mempunyai TPOR dan 15 mempunyai TPOR bagi pelanggan dalaman, 17 menubuhkan jawatankuasa pemantauan, 12 kementerian dan jabatan yang menyatakan kekerapan pemantauan sistem pemulihan perkhidmatan.

"Keadaan ini sungguh kurang menggalakkan di mana kita sendiri seolah-olah tidak menghiraukan keperluan pelanggan bagi organisasi masing-masing," tegasnya.

Bengkel yang dikendalikan oleh seorang pakar daripada Australia, Awang Richard Martin adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi pelaksanaan TPOR di kementerian dan jabatan kerajaan.

RIMBA, 30 Januari. - Masyarakat antarabangsa memberikan penekanan kepada penggunaan ICT untuk meningkatkan perkhidmatan yang diberikan tetapi melupakan elemen manusia yang merupakan peneraju dan tulang belakang kepada keseluruhan sistem tersebut.

Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Haji Sapawi menyatakan perkara tersebut dalam ucapan alu-aluannya di Seminar 'Kepuasan Pelanggan/Fokus Pelanggan Dalam Perkhidmatan Awam' berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Walau bagaimanapun tambah Awang Haji Sapawi, sudah tiba masanya kita perlu memberikan penekanan yang lebih kepada peranan manusia dalam pemberian perkhidmatan.

Nilai-nilai murni dan tatasusila yang sesuai dengan cara hidup Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) seperti bertolak ansur, jujur, berbudi bahasa, hormati-menghormati, dedikasi dan inda camah mata merupakan ciri-ciri yang harus dikekalkan dan dipertingkatkan seperti yang terkandung dalam Rukun Akhlak dan Etika Perkhidmatan Awam.

Menurutnya, konsep kepuasan pelanggan dan fokus pelanggan bukanlah merupakan sistem baru kerana dalam memenuhi tanggungjawab sosial dan akauntabiliti, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengusahakan Piagam Pelanggan pada tahun 1995 yang dikenali sebagai Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) yang merupakan sebahagian daripada langkah atau strategi ke arah merealisasikan wawasan 'Perkhidmatan Awam Abad Ke-21'.

"Tahun-tahun ke hadapan ini adalah sangat mencabar bagi perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam. Ia bukan sahaja disebabkan penglibatan kita dalam merealisasikan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 tetapi adalah juga disebabkan perkhidmatan awam kini menjalani perubahan pantas yang menghendaki kesediaan bagi menghadapi cabaran globalisasi dan ekonomi baru," jelas Awang Haji Sapawi.

Dalam ucapannya, Awang Haji Sapawi juga memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai tahun lepas yang antara lain menekankan :

"Salah satu cara untuk memelihara rahmat supaya berpanjangan ialah dengan meluruskan dasar-dasar kita. Dalam pentadbiran, kita mestilah jujur, efisien, adil dan bersih juga terbuka dan sensitif dengan mengambil berat terhadap kepentingan-kepentingan umum."

Awang Haji Sapawi menekankan bahawa perkhidmatan awam menghendaki perubahan semasa dalam menghadapi harapan-harapan baru sama ada dari segi perkhidmatan mahupun keperluan-keperluan lain.

Perkhidmatan awam ujarnya, menghendaki dasar-dasar yang baik serta inovatif untuk meneruskan usaha mencapai kecemerlangan di samping merumuskan dasar-dasar awam yang mantap untuk kemajuan negara.

Awang Haji Sapawi berpendapat dalam menghadapi cabaran dan keperluan masa hadapan, perkhidmatan awam hendaklah bersedia menerima pendapat orang ramai mengenai isu-isu penting di samping menerima pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang baru dan berfaedah.

Terdapat banyak teguran dan sungutan yang berfaedah daripada orang ramai mengenai perkhidmatan yang diberikan sama ada semasa majlis-majlis perjumpaan sosial mahupun melalui media tempatan.

Perkara tersebut menurutnya, merupakan cabaran perkhidmatan awam untuk memperbaiki perkhidmatan yang diberikan yang mana jika diabaikan dan gagal menganganinya, ia secara berterusan akan mencemarkan imej baik perkhidmatan awam dan juga negara.

Ketika berucap, Awang Haji Sapawi juga menerangkan bahawa pada tahun 1999, hanya terdapat tujuh kementerian dan 47 jabatan yang telah menyiapkan Piagam Pelanggan atau Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) bagi keperluan perkhidmatan kepada orang ramai.

Yang perlu diambil perhatian tambah Awang Haji Sapawi ialah hanya dua kementerian dan 15 jabatan yang telah membentuk mekanisme pengawas atau jawatankuasa.

Seminar yang dihadiri oleh timbalan-timbalan ketua jabatan pada sebelah petang juga telah dihadiri oleh ketua-ketua jabatan di sebelah paginya, manakala seminar pertama bagi setiausaha-setiausaha tetap dan timbalan setiausaha tetap telah diadakan sehari sebelumnya.

Seminar yang diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Teknikal, Sekretariat Komanwel, United Kingdom, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Institut Perkhidmatan Awam itu mengundang Awang Richard Martin dari Jabatan Pendidikan, Latihan dan Hal-Ehwal Belia, Australia untuk memberikan ceramah.



SEORANG pakar dari Australia, Awang Richard Martin ketika mengendalikan Bengkel 'Customer Focus In The Public Service' yang dihadiri oleh timbalan-timbalan ketua jabatan-jabatan kerajaan. - Gambar oleh Haji Masmaiah HMA.

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ditubuhkan

Sambutan Hari Puja Usia anjuran PAPDA

BERAKAS, 4 Februari. - Majlis Sambutan Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam terus diadakan oleh pelbagai persatuan di negara ini.

Kali ini majlis sambutan yang sama disembahkan oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini dijunjung oleh ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PAPDA yang diketuai oleh pengerusinya, Dr. Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.

Duli Yang Teramat Mulia sejeurus keberangkatan berkenan menerima sembah bunga yang disembahkan oleh seorang ahli persatuan berkenaan.

Pengerusi jawatankuasa sambutan, Dayang Nurul Izzati binti Mohd. Asri dalam sembah alu-aluannya di awal majlis antaranya menyembahkan berbilang-bilang menjunjung kasih atas prihatin Duli Yang Teramat Mulia ke arah tertubuhnya Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang terletak di Kampong Bengkurong.

Oleh Siti Muslihat HS

Pusat ini katanya, membolehkan ahli-ahli biasa PAPDA mengikuti aktiviti-aktiviti yang diunggakannya dalam memenuhi keperluan para ahli yang ada.

Dalam hubungan ini para ahli biasa PAPDA jelasnya, akan memanfaatkan semua kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pusat Ehsan tersebut khususnya dan aktiviti-aktiviti persatuan amnya.

Seperti juga di majlis-majlis sambutan yang lain, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan memotong kek sebagai acara kemuncak majlis.

Persembahan hiburan daripada Kumpulan Semandung PAPDA menyerikan suasana sambutan yang sebahagian besarnya mengalunkan irama nyanyian tradisi tempatan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia selaku Penaung PAPDA berkenan menerima junjung ziarah daripada para ahli yang hadir yang terdiri daripada ahli bersekutu dan ahli biasa.

PAPDA didaftarkan pada 28 Oktober, 1984 sebagai badan bukan kerajaan di negara ini dengan keramaian lebih 600 orang ahli.

IWCB terus beri bantuan kebajikan

GADONG, 3 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia yang disembahkan oleh Kelab Wanita Antarabangsa Brunei (IWCB).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di majlis yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini dijunjung oleh Yang Dipertua IWCB, Ungku Datin Hajah Fanzah serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi sambutan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.

Sejeurus selepas keberangkatan, Duli Yang Teramat Mulia berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain terlebih dahulu berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi IWCB.

Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada pengerusi jawatankuasa penganjur, Puan Fay Holman yang antaranya mengumumkan mengenai usaha kelab tersebut untuk menubuhkan laman webnya dalam sedikit masa lagi ke arah memberikan maklumat mengenai kegiatan dan berita-berita mengenai kelab berkenaan.

Sementara itu, Yang Dipertua IWCB, Ungku Datin Hajah Fanzah dalam sembah alu-aluannya pula menggariskan, IWCB akan terus mengadakan kegiatan-kegiatan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada mereka yang kurang bernasib baik

Oleh Siti Muslihat HS

ke arah mencapai matlamatnya untuk mendapat pengiktirafan dari Kelab Wanita Antarabangsa yang beribu pejabat di The Hague, Holland.

IWCB tahun ini selain menumpukan perhatian ke arah e-dagang melalui internet jelasnya, juga akan memberikan perhatian ke arah projek kemasyarakatan seperti keselamatan jalan raya bersama pihak-pihak berkenaan dalam memberikan kesedaran kepada ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak dalam kenderaan.

Di majlis ini Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek dan kemudian berkenan menerima sumbangan berjumlah \$1,000,000 bagi Persatuan Kanak-Kanak Cacat, KACA yang kemudiannya diserahkan kepada wakil Persatuan KACA.

Majlis sambutan diserikan dengan beraneka persembahan kebudayaan termasuk nyanyian, tarian dan pakaian tradisi dari ahli-ahli IWCB yang berbilang bangsa.

IWCB ditubuhkan pada bulan Ogos 1988 dengan tujuan untuk menyatukan kaum wanita yang berbilang-bilang bangsa dalam sama-sama membantu projek-projek yang difikirkan sesuai untuk ditangani oleh kaum wanita berkenaan.

Kelab ini bergabung dengan Majlis Wanita pada tahun 1990. Ahli-ahlinya juga termasuk isteri para perwakilan asing di negara ini yang dikategorikan sebagai ahli kehormat.

BERAKAS, 5 Februari. - Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini menubuhkan jabatan baru yang dipanggil Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Kementerian Pendidikan.

Jabatan baru itu tambahnya, berperanan untuk memulakan pelaburan kepada generasi muda dan penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi di negara ini.

Perkara ini dinyatakan oleh beliau di Majlis Perasmian Hari Terbuka dan Pameran Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam dengan kerjasama Pusat Serantau SEAMEO-VOC TECH di Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Lambak Kanan di sini.

Menurutnya, penubuhan jabatan baru ini, rancangan penggunaan ICT dalam pendidikan diharap akan mencapai nisbah komputer pelajar 1:5 di peringkat pelajaran menengah dan 1:2 di peringkat pelajaran rendah.

Jabatan ini juga jelasnya akan melibatkan program latihan kepada guru-guru yang terlibat.

Beliau seterusnya berkata pertumbuhan ekonomi dan daya persaingan sebuah negara sebenarnya tidak banyak bergantung kepada sumber-sumber asli, tetapi tegasnya lebih bergantung kepada kecerdasan dan tahanan rakyatnya, dalam erti kata lain harta negara yang paling berharga.

Dalam hubungan ini ujamnya, Negara Brunei Darussalam juga mengutamakan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

"Pernyataan pelaburan dalam pendidikan pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja disifatkan perkara biasa tetapi sewajarnya sebagai perkara luar biasa, jangan ditanggah-tangguh, jangan dikatakan tidak berduit, jangan dikatakan tidak mustahak, jangan kita 'provide leadership' yang tidak baik dan tidak sempurna," tegasnya.

Menurut beliau lagi, memandangkan rakyat adalah satu-satunya sumber kita maka katanya kita perlu memastikan mereka terutama sekali

Oleh Haji Ahat HI

generasi muda cukup bersedia selengkap-lengkapannya untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

Selaras dengan perkembangan dan perubahan struktur sistem pendidikan di negara ini jelasnya, Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam telah pun meluluskan 86 buah kursus iaitu tujuh kursus di peringkat Higher National Diploma, 27 kursus di peringkat National Diploma, 13 di peringkat Pra-National Diploma dan 38 kursus di peringkat pertukangan.

Ke arah itu katanya, Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional telah melantik pemeriksa-pemeriksa luar bagi menyelaras dan memeriksa kursus-kursus yang dijalankan di semua institusi pendidikan teknik dan vokasional bagi memenuhi 'standard' serta syarat-syarat pensijilan dan peperiksaan yang diluluskan oleh majlis.

Di majlis itu Pemangku Menteri Pendidikan turut menyaksikan penyampaian tiket kepada dua orang penuntut dan dua orang guru bagi menghadiri latihan kursus di Malang Vocational Institute, Surabaya, Republik Indonesia yang disumbangkan oleh Pengerusi Kumpulan Industri Sabli, Awang Haji Sabli.

Pemangku Menteri Pendidikan juga merasmikan Hari Terbuka itu dengan memotong reben dan kemudian menyaksikan pameran-pameran yang dihasilkan oleh penuntut-penuntut.

Terdapat tiga kursus ditawarkan di Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam iaitu Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred 2 yang mengandungi elektrik, elektronik, mengecat dan menghias serta menyusun batu bata.

Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred 3 iaitu elektrik, elektronik, pertukangan dan pemasangan paip, mengecat dan menghias, penyusunan batu bata, pertukangan kayu, pembuatan perabot dan almari serta jahitan dan pembuatan baju. Sijil Vokasional Kebangsaan pula mengandungi kursus mendandan rambut dan kraf bangunan.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad semasa menyaksikan Pameran Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam dengan kerjasama Pusat Serantau SEAMEO-VOC TECH di Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Lambak Kanan. - Gambar oleh Ramli Tengah.



MAJU BANGSAKU SEJAHTERA NEGARAKU

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Pembukaan kawasan baru seluas 10,000 kilometer persegi di luar pantai

MEMPERTINGKATKAN LAGI INDUSTRI MINYAK DAN GAS

JERUDONG, 27 Januari. - Kerajaan buat kali pertamanya membenarkan perlaksanaan satu projek yang berpotensi iaitu pembukaan kawasan baru yang mempunyai keluasan sejumlah kira-kira 10,000 kilometer persegi di luar pantai untuk dicari gali dan dimajukan bagi industri minyak dan gas negara.

Ini adalah ke arah mempertingkatkan lagi industri minyak dan gas seterusnya menambah jumlah simpanan negara.

Dalam hal itu kerajaan senti-

asa menyarankan kepada keempat-empat syarikat BSP supaya akan dapat sama-sama mendukung hasrat negara dalam meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat kecil dan sederhana di negara.

Bagi tujuan tersebut Rangka Kerja Kemajuan Peniaga Tempatan (Local Business Development Framework) kini telah selesai dikemaskinikan.

Apa yang diketengahkan dalam rangka kerja itu ialah memberikan peluang-peluang yang dibukakan kepada syarikat-syarikat tempatan serta juga kemudahan bagi mengukuhkan lagi kedudukan mereka

OLEH ABDULLAH ASGAR

dengan membolehkan syarikat-syarikat tempatan beralih daripada satu kategori kontrak kepada kategori kontrak yang lebih tinggi.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Lembaga Minyak dan Gas Brunei (BOGA) dan Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah Syarikat-Syarikat Shell Petroleum Brunei dan Gas Cecair

Asli Brunei (BSP/BLNG) berkata demikian di Majlis Malam Lembaga Pengarah-Pengarah Minyak dan Gas bertempat di Kelab Polo Jerudong.

Schubungan dengan itu, menurut Yang Berhormat, pihak kontraktor-kontraktor tempatan akan secara berperingkat membuktikan yang mereka mampu berkecimpung di dalam kategori-kategori kontrak yang lebih mencabar.

"Tahun lalu kita telah menyaksikan banyak peningkatan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Lembaga Minyak dan Gas Brunei (BOGA) dan Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah Syarikat-Syarikat Shell Petroleum Brunei dan Gas Cecair Asli Brunei (BSP/BLNG) ketika berucap di Majlis Malam Lembaga Pengarah-Pengarah Minyak dan Gas. Majlis berlangsung di Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

dan pencapaian BSP, BLNG, Pemasaran Brunei Shell (BSM) dan Brunei Shell Tankers (BST) di antaranya peningkatan pengeluaran daripada purata 177,000 tong minyak sehari pada tahun 1999 kepada 192,000 tong sehari.

Penemuan Padang Bagan Disember lalu yang mana dianggarkan telah menambah sebanyak lebih 65 juta tong minyak dan 3.8 bilion kubik meter gas kepada jumlah simpanan minyak dan gas negara," jelas Yang Berhormat.

Katanya, di tahun yang sama Brunei Refinery dan juga Brunei LNG telah memperolehi ISO 14001 serta ia merupakan pengiktirafan yang pertama kepada mana-mana projek LNG.


Jelas Yang Berhormat selanjutnya, bagaimanapun, dalam kesemua kejayaan yang diperolehi sepanjang tahun lalu terdapat juga beberapa insiden-insiden yang mendukungkan termasuklah satu kejadian letupan akibat kebocoran paip gas di kawasan H-14 Perumahan BSP.

Adalah difahamkan tegasnya, pelbagai langkah telah diambil oleh pihak BSP bagi mengelakkan kejadian seperti ini tidak berlaku lagi, termasuklah melaksanakan 'Asset Base Reorganisaion Programme' bagi membolehkan kawalan dan penjagaan yang lebih teratur dan rapi terhadap aset-aset syarikat tersebut.

Selain daripada itu kata Yang Berhormat lagi, adalah tidak dinafikan yang masa hadapan industri minyak dan gas negara ini akan terus membuka lebih banyak peluang seperti pelaburan dan pekerjaan.

Dalam masa yang sama menurut Yang Berhormat juga akan membawa cabaran-cabaran baru kepada kita semua iaitu dengan adanya perkembangan teknologi dan berharap peningkatan keupayaan anak-anak tempatan selaku aset negara akan dapat mengimbangi cabaran-cabaran tersebut.

Majlis juga diselenggarakan dengan pertandingan drama sketsa dan karaoke bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Brunei Shell.



GAMBAR HIASAN Ke arah mempertingkatkan hasil industri minyak dan gas dan seterusnya menambah jumlah simpanan negara, kerajaan telah membenarkan pembukaan kawasan baru di luar pantai untuk dicari gali dan dimajukan.

Projek Perumahan Kampong Katok bagi yang berpendapatan rendah

GADONG, 23 Januari. - Pelbagai usaha di bawah Program Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek telah dan sedang diunkayahkan oleh Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan menghadapkan beberapa sokongan yang dihasratkan untuk mengeratkan perkembangan serta kemajuan perusahaan kecil dan sederhana di negara ini.

Projek pembinaan rumah di Kampong Katok 'A' dan 'B' bagi mereka yang berpendapatan rendah merupakan satu lagi sokongan Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam di bawah program pelan tindakan tersebut.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam, pemberian tawaran yang bermula pada bulan Oktober, 2000 telah melihat 11 pakej yang mengandungi 260 buah rumah itu diberikan kepada 11 pengusahanya kecil dan sederhana tempatan, sementara dua lagi pakej

Oleh Bolhassan HAB

akan ditawarkan dalam masa terdekat.

Daripada jumlah tersebut, 121 buah rumah daripada lima pakej dijangka siap pertengahan tahun ini, manakala 139 buah rumah daripada enam pakej selebihnya akan siap pada awal tahun 2002.

Sebagai tanda kesyukuran kerana berjalan dengan baiknyanya pembinaan perumahan itu, satu Majlis Doa Selamat telah diadakan di tapak salah sebuah rumah bagi projek berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengiran Dato Laila Utama Haji Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul

Bandar Pengiran Haji Ali.

Perlaksanaan projek itu antara lain ialah untuk memulihkan kegiatan sektor pembinaan di negara ini melalui penglibatan bukan sahaja kontraktor-kontraktor tempatan, tetapi juga pembekal-pembekal dan peniaga-peniaga barang tempatan dengan penekanan kepada penggunaan produk-produk tempatan seperti atap, simen, bata, kayu, cat, peralatan elektrik dan sebagainya.

Apa yang jelas, dengan terlaksananya projek perumahan itu akan dapat menambah stok rumah perpindahan kerajaan untuk diberikan kepada pemohon-pemohon yang berhak.

Kenyataan itu menambah, projek berkenaan juga dijangka dapat meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan sekali gus kesan-kesan limpahan ke atas kegiatan-kegiatan ekonomi yang lainnya.



TIMBALAN Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail ketika berucap di Majlis Program Pembangunan Eksekutif Kali Ke-5 bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Hamadi HM.

Amalkan aspek-aspek etika kerja

Oleh Siti Muslihat HS

TUNGKU, 29 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam telah menganjurkan Program Pembangunan Eksekutif Kali Ke-5 bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan di negara ini.

Program latihan itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Semasa berucap di majlis yang berlangsung di Pusat Perkhidmatan Komputer Universiti Brunei Darussalam di sini, Awang Haji Ibrahim menekankan pentingnya setiap pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan mengamalkan sebelas aspek-aspek etika kerja

yang telah dibukukan yang berhubung kait dengan nilai dan prinsip-prinsip budaya kerja cemerlang yang patut diamalkan.

"Pembentukan sikap bekerja yang patut diamalkan oleh setiap pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, adalah dihasratkan untuk mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang benar-benar cekap, berkesan, bersih dan amanah," jelasnya lagi.

Dalam hubungan ini, beliau melahirkan harapan agar kursus ini akan memberikan hasil yang boleh digunakan untuk menerapkan nilai-nilai dan ciri-ciri etika kerja ke dalam perkhidmatan awam khususnya dan di dalam kementerian dan jabatan masing-masing pada keseluruhannya.

Beliau juga memberikan penekanan agar program ini boleh memberikan bimbingan dan pemikiran pembaharuan kepada peserta-peserta dan seterusnya kepada jabatan masing-masing.

Program latihan ini dihadiri oleh 13 orang pegawai-pegawai kanan kerajaan Bahagian 1 dan akan diadakan secara sepenuh masa sehingga 19 Mei depan.

Antara tujuan program latihan itu ialah untuk memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan mengenai teknik-teknik pengurusan baru.

Semasa latihan para peserta juga akan diberikan projek untuk disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.



AWANG SAIMAN BIN HAJI ABDUL RAHMAN ... "Kami telah mengendalikannya lebih 300 pakej sejak bulan Januari ini saja." - Gambar oleh Hamadi HM.

bulan-bulan yang akan datang.

Kumpulan pelancong dari Taiwan berada di negara ini selama tiga hari.

Lebih ramai pelancong tiba

MUARA, 26 Januari. - Negara Brunei Darussalam menerima lebih ramai pelancong sejak awal tahun 2001 khususnya

bersempena Tahun Melawat Brunei.

Sejumlah 160 orang ahli

rombongan pelancong dari Taiwan tiba di Terminal Feri Muara setelah melalui pelayaran sejam dari Labuan.



SEKUMPULAN pelancong Taiwan ketika tiba di Terminal Feri Muara dialu-alukan oleh Pengarah Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin setelah membuat pelayaran melalui Labuan ke negara ini. - Gambar oleh Hamadi HM.

وقت ۲ سببوع باکی دایره تولوع دعبه سالو مینیت دان دایره بلایت دعبه تیگ مینیت، سببوع فرض جمعة لسلوروه نگارا پرونی دار السلام دموای دری فوکل 12.45 لغاری.

SUJUD TILAWAH DAN SUJUD SYUKUR

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

HUKUM SUJUD TILAWAH

SUJUD tilawah adalah sunat menurut pendapat jumhur ulama. Manakala Imam Abu Hanifah (Imam Mazhab Hanafi) berkata bahawa sujud tilawah itu wajib sama ada ke atas pendengar atau pembaca.

Hukum sunat ini bersandarkan hadis yang diriwayatkan oleh Al-Syaikhain (Al-Bukhari dan Muslim) daripada Ibnu Umar katanya yang maksudnya:

"Bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membaca Al-Quran, lalu Baginda membaca satu surah yang di dalamnya ada ayat 'sajdah', maka Baginda pun bersujud lalu kami pun sujud bersama-sama Baginda sehingga sesetengah daripada kami tidak mendapati tempat untuk meletakkan dahinya."

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu tentang fadilat melakukan sujud tilawah, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Apabila anak Adam itu membaca ayat Al-Quran yang menuntut untuk sujud, syaitan akan mengasingkan dirinya lalu menangis dan berkata: 'Celakalah! Anak Adam telah diperintahkan untuk sujud ia pun sujud, maka baginya balasan Syurga, dan aku diperintahkan untuk sujud maka aku enggan, maka balasan bagiku adalah neraka.'" (Hadis riwayat Ibnu Majah).

AYAT-AYAT SAJDHAH DI DALAM AL-QURAN

Ayat-ayat yang disunatkan sujud setelah membacanya, menurut Mazhab Asy-Syaf'ie, adalah seperti berikut:


1. Ayat ke-206 dari Surah Al-A'raaf.
2. Ayat ke-15 dari Surah An-Ra'ad.
3. Ayat ke-50 dari Surah An-Nahl.
4. Ayat ke-109 dari Surah Al-Isra'.
5. Ayat ke-58 dari Surah Maryam.
6. Ayat ke-17 dari Surah Al-Hajj.
7. Ayat ke-77 dari Surah Al-Hajj.
8. Ayat ke-60 dari Surah Al-Furqan.
9. Ayat ke 25 hingga 26 dari Surah An-Naml.
10. Ayat ke-15 dari Surah Al-Sajdah.
11. Ayat ke-38 dari Surah Fush Shilat.
12. Ayat ke-62 dari Surah Al-Najm.
13. Ayat pertama dari Surah Al-Insyiqaaq.
14. Ayat ke-21 dari Surah Al-Insyiqaaq.
15. Ayat ke-19 dari Surah Al-'Alaq.

Untuk mengenali ayat-ayat sajdah itu pada kebiasaannya, di dalam mushaf ditanda dengan garis dan di penghujung ayat itu ditanda dengan tanda yang berbentuk seakan-akan dom masjid, sementara itu di bidainya tertulis perkataan sajdah.

Adapun hikmah pengkhususan sujud pada tempat-tempat atau ayat-ayat yang tersebut di atas kerana ayat-ayat tersebut adalah merupakan pujian bagi mereka yang bersujud dan celaan bagi yang tidak bersujud sama ada secara terang-terangan ataupun secara isyarat sebagaimana yang dinaikkan oleh Imam Al-Qalyubiyi perkataan Ibnu Hajar. (Al-Hasyiyatan 1/235).

BILA WAKTU SUNAT SUJUD TILAWAH ITU DILAKUKAN?

Sujud tilawah itu sunat dilakukan apabila ayat sajdah itu dibaca di luar sembahyang bukan pada waktu-waktu yang makruh



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

menunaikan sembahyang sama ada ia bertujuan untuk melakukan sujud atau tidak.

Begitu juga sunat melakukan sujud tilawah ketika dalam sembahyang jika dibacakan ayat sajdah tersebut. Tetapi tidak disunatkan melakukan sujud tilawah jika membaca ayat sajdah itu semata-mata bertujuan (qasad) untuk melakukan sujud, kecuali jika ia membacanya pada sembahyang fardu Subuh pada hari Jumaat adalah sunat ia melakukan sujud tilawah sekalipun ia bertujuan membacanya untuk sujud.

Berdasarkan keterangan di atas tidak sunat melakukan sujud pada waktu makruh menunaikan sembahyang sekalipun ayat 'sajdah' dibaca di luar sembahyang begitu juga ketika dalam sembahyang dengan tujuan membaca ayat sajdah itu untuk melakukan sujud. Bahkan jika dibaca dalam sembahyang dengan qasad sujud tilawah lalu dia bersujud maka batallah sembahyangnya itu.

HUKUM MEMBACA AYAT SAJDHAH

Jika ayat sajdah itu dibaca pada waktu yang dimakruhkan menunaikan sembahyang bukan untuk tujuan sujud, tidaklah dilarang membacanya tetapi tidak disunatkan bersujud padanya, namun jika dia bersujud juga tidaklah batal sujudnya itu. Begitu juga jika dibaca ayat sajdah pada waktu makruh tersebut dengan tujuan melakukan sujud tilawah selepas waktu makruh maka tidaklah disunatkan sujud dan hukum bacaannya pada ketika itu pula adalah makruh.

Berlainan halnya jika dibaca pada waktu makruh atau sebelumnya dengan maksud untuk sujud pada waktu makruh maka dihukumkan bacaannya itu haram dan sujud tersebut adalah batal dan tidak dikira. (Al-Hasyiyatan 1/235)

SYARAT-SYARAT SUJUD TILAWAH

Di dalam kitab Al-Majmuk menurut Ashhab Syaf'ieyah bahawa hukum sujud tilawah itu sama seperti hukum sembahyang sunat dari segi syarat-syarat sahnya sujud itu, syarat-syarat itu adalah seperti berikut:

- (i) Bersih daripada hadas kecil atau besar dan juga bersih daripada najis sama ada pada tubuh badan, pakaian dan juga tempat.
- (ii) Orang yang hendak melakukan sujud tilawah itu juga di kehendaki dalam keadaan menutup aurat.
- (iii) Untuk melakukannya hendaklah menghadap kiblat.
- (iv) Hendaklah masuk waktunya ketika melakukan sujud itu.

Bilangan 113 Bahagian Kedua

Adapun masuknya waktu sujud itu ialah sejeurus sahaja ia selesai membaca atau mendengar keseluruhan ayat sajdah. Jika sekiranya ia bersujud sebelum lagi habis ayat itu dibacanya atau didengarnya maka sujud tilawah itu tidak sah dan tidak memadai.

SUJUD TILAWAH DI DALAM SEMBAHYANG

Cara untuk melaksanakan sujud tilawah itu ada dua keadaan iaitu ketika dalam keadaan bersembahyang dan di luar sembahyang.

Sujud tilawah boleh dilakukan di dalam sembahyang, bahkan hukumnya adalah sunat, sama ada sembahyang itu dilakukan secara persendirian atau berjemaah. Kedudukan makmum pula untuk melakukan sujud tilawah itu, bergantung kepada imam. Jika imam bersujud kerana ayat sajdah iaitu ayat yang menuntut sujud, maka wajib ke atas makmum mengikuti perbuatan imam dengan melakukan sujud itu kerana jika tidak, maka batallah sembahyangnya.

Sebaliknya jika imam tidak melakukannya maka makmum adalah tidak dikehendaki untuk melakukan sujud. Jika dilakukannya juga, maka sembahyangnya menjadi batal. Akan tetapi harus dan sunat hukumnya bagi makmum melakukan sujud tilawah selepas selesai memberi salam dengan syarat jarak di antara sujud dan salam itu tidak lama.

Jika sekiranya makmum tidak mengetahui bahawa imam telah melakukan sujud tilawah sehinggalah imam mengangkat kepalanya daripada sujud, maka tidaklah batal sembahyang makmum itu. Dia dimaafkan kerana tertinggalnya daripada perbuatan imamnya itu dan juga tidak dikehendaki melakukan sujud.

Sujud tilawah adalah sunat dilakukan di dalam sembahyang sama ada pada sembahyang yang dinyirinkan bacaan (jahar) atau pada sembahyang yang dibaca secara suara perlahan (sir). Walau bagaimanapun bagi sembahyang yang tidak disunatkan menyirinkan suara, sujud tilawah itu sunat dibuat oleh imam setelah dia selesai menunaikan sembahyang supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan makmum. (Nihayah Al-Muhtaj 2/100).

Diambil daripada illah di atas (sembahyang yang dibaca secara suara perlahan) maka begitu juga halnya pada sembahyang yang disunatkan menyirinkan suara (jahar), sunat (mustahab) bagi imam melakukan sujud tilawah setelah selesai sembahyang, jika (diketahui) jarak di antara imam dan makmum itu jauh sehingga dia tidak mendengar bacaan imam atau tidak dapat melihat perbuatan imam atau diselangi oleh dinding dan sebagainya bagi mengelakkan kekeliruan para makmum. (Nihayah Al-Muhtaj 2/100)

Adapun cara melakukannya ketika di dalam sembahyang hendaklah dia sujud dengan disunatkan dia bertakbir tanpa mengangkat tangannya kerana tangan tidak diangkat ketika hendak melakukan sujud di dalam sembahyang.

Selepas sujud iaitu bangun dari sujud tersebut untuk bangkit semula meneruskan sembahyangnya, maka disunatkan ia bertakbir. Dia tidak wajib berniat untuk menunaikan sujud tilawah di dalam sembahyang kerana ia sudah terkandung di dalam niat sembahyang (iaitu dengan terkandungnya niat sujud itu kerana bacaannya) sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Khatib. (Al-Hasyiyatan 1/238). Tetapi jika ia berniat juga hendaklah jangan dilafazkan kerana dengan lafaz itu boleh menyebabkan sembahyangnya itu terbatal.

Bersambung

MENGINGATI (mematuhi perintah) dan mensyukuri nikmat atau kurnia Allah Subhanahu Wataala amat digalakkan dalam Islam kerana perkara ini merupakan salah satu anjuran daripada-Nya. Tambahan pula hanya dengan rasa syukur, takwa dan beriman kepada-Nya jua kita akan menjadi hamba Allah yang sempurna dan mendapat keberkatan hidup di dunia dan akhirat kerana dengan memiliki sifat yang dituntut ini, Allah Subhanahu Wataala akan mudah membalas dengan kebaikan.

Kenyataan ini terbukti dalam Al-Quran menerusi firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 152 yang tafsiran-Nya:

"Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku)."

Selain itu, cara yang dituntut untuk mengingat-Nya ialah dengan menyebut nama-Nya (Allah) banyak-banyak kerana Allah Subhanahu Wataala telah menguntukkan keampunan dan pahala yang besar. Perkara ini dijelaskan di dalam firman-Nya

dalam Al-Quran Surah Al-Ah-zaab ayat 35 yang tafsirannya:

"Dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, -Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar."

Melalui ayat tersebut amat jelas menyatakan bahawa orang-orang yang banyak menyebut nama Allah (berzikir) akan memperoleh keampunan

Kebaikan di sebalik mensyukuri nikmat Allah melalui zikir dan selawat

منوجوكر رضوان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

dan ganjaran pahala berlipat ganda (besar). Dari itu, perlulah bagi kita umat Islam sering ingat-mengingati di antara satu dengan yang lain untuk memperbanyakkan zikir supaya kita sama-sama mendapat keuntungan di dunia dan akhirat kelak.

Zikir sebagaimana difahami

ertinya mengingat atau menyebut dengan lidah akan nama Allah dan mengaku dalam hati. Dalam erti kata berbentuk mentauhidkan, menyucikan, memuji dan mengagungkan-Nya dan semumpamanya.

Di samping berzikir, kita disarankan agar ingat untuk berselawat. Berselawat bermakna kita

memohon keutamaan dan kedudukan yang paling tinggi untuk junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam pada itu, jika kita berselawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kita akan memperoleh jawapan selawat dan salam daripada Baginda secara tidak diragui sebab selawat dan salam itu akan disampaikan oleh Malaikat kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam secara terus; seolah-olah membuka kesempatan bercakap dengan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri. Sebagaimana sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang maksudnya:

"Tiadalah seseorang memberi (mengucapkan) salam kepada,

daku, melainkan Allah Azzawajalla akan mengembalikan rohku sehingga aku dapat menjawab salamnya."

Demikianlah beruntung bagi kita umat Islam yang sentiasa mengingati Allah di samping tidak lupa berselawat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka jika tindak-tanduk kehidupan harian kita sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wataala dengan cara yang dianjurkan seperti berzikir disertai selawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, akan menjadikan kita sentiasa dalam ketenangan dan ketenteraman kerana zikir dan selawat itu merupakan ubat bagi hati kita. Selain itu, kita akan memperoleh syafaat di akhirat nanti.

Sastera dan Budaya

سسترادان بودايا

ADAT ADALAH KEKUASAAN

DASAR ADAT ISTIADAT YANG UTAMA

DASAR utama dalam susunan adat istiadat ialah Raja dan Muafakat. Apabila sesuatu peraturan itu telah menjadi adat maka setiap masyarakat akan mematuhi, walaupun tiada sesuatu hukuman akan dikenakan kepada sesiapa yang melanggarnya, sehingga diciptakan satu bidalan yang berbunyi:

'Biar mati anak jangan mati adat'

Ertinya melanggar adat itu adalah dianggap suatu perbuatan yang lebih berat daripada membunuh, kerana perkara itu membawa erti mencerooboh peribadi masyarakat bangsa. Memang tidak dinafikan bahawa adat juga melambangkan sesuatu masyarakat atau kaum. Sesungguhnya ungkapan ini menitikberatkan kepada adat melebihi daripada yang lain.

Namun pernahkah kita terfikir bidalan di atas akan membunuh masyarakat atau kaum itu sendiri. Anak yang dilahirkan adalah sebagai penyambung warisan yang diperturunkan. Adat pula

sesuatu yang berharga untuk dipertahankan sebagai identiti. Jika anak penyambung adat itu dibiarkan mati, siapa pula yang hendak mewarisi adat yang dipertahankan? Akan tetapi adat yang sudah dianuti itu boleh dikendurkan jika diharapkan kepada sesuatu masyarakat atau muafakat seperti kata bidalan:

'Alah adat tegal (oleh muafakat)'

Daripada bidalan ini dapatlah kita memahami bahawa adat itu adalah tertakluk kepada keputusan muafakat yakni adat itu adalah dipunyai oleh masyarakat. Bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini dasar adat yang paling utama ialah taat kepada raja. Yang menjadi pegangan orang-orang tua berhubung dengan perkara ini seperti:

'Rakyat Melayu pantang derhaka kepada raja'

Ini telah menjadi darah daging kepada orang Brunei. Bila sesuatu perselisihan terjadi maka ucapan ini sering kita dengar daripada orang-orang tua. Adat kita melarang kita derhaka kepada orang tua terutama pemimpin. Akan tetapi bukan tegah-tegahan yang dikenakan kepada rakyat saja, pada raja pun ada suatu susunan kata seperti:

"Raja tidak boleh zalim"

Kedua-dua pegangan yang disebutkan ini telah menjadi dasar utama kepada adat istiadat bangsa kita dan dengan perpaduan bangsa kita dapat diwujudkan, negara kita dapat berdiri teguh. Kemudian kedua-dua ayat tersebut diikat pula dengan ayat yang lain iaitu:

"Raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja"

Ayat ini jika difahami dengan teliti dapatlah kita erti

kan bahawa diantara raja dan rakyat itu tidak dapat dipisahkan. Di antara keduanya adalah saling erat-mempereratkan, satu dengan yang lain. Ketua adat adalah raja, jadi adat dengan rakyat saling melengkapi di antara satu dengan lain. Ketiga ungkapan yang terakhir di atas tadi terjadilah sosial kontrak di antara raja dan rakyat.

ADAT BERSENDIKAN AGAMA

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sistem pemerintahannya berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja. Jika dihiraukan secara ringkas, negara ini adalah diperintah oleh raja, berkebudayaan Melayu dan berakidah Islam (Ahli Sunnah Wal-Jamaah). Sesudah agama Islam menjadi agama rasmi Negara Brunei Darussalam iaitu bermula daripada zaman Sultan Muhammad Shah, penyusunan adat istiadat diraja telah pun disesuaikan dengan hukum Islam terutama di zaman pemerintah Sultan Sharif Ali. Masyarakat Melayu Brunei, faktor agama diambil kira.

*Adat Bersendikan Hukum
Hukum bersendikan
Kitabullah,
Kuat Adat tak Gaduh
Hukum*

DILIHAT daripada adat orang-orang Brunei yang menitikberatkan konsep 'siapa tua dituakan', dan salah satu takrif konsep tersebut ialah menuakan siapa sahaja yang tua daripada kita. Amalan berawar galat juga tetap dipelihara oleh kita.

OLEH HAMIDAH HO

Siri Kedua

*Kuat Hukum tak Gaduh
Adat
Ibu Hukum Muafakat
Ibu Adat Muafakat*

Daripada kata-kata adat di atas nampak tegas bukan saja adat dan syarak (hukum Islam) isi-mengisi dan kuat-menguatkan satu sama lain tetapi juga dapat berdamping menurut keadaan.

Kuasa pemerintahan adalah diserahkan oleh rakyat kepada raja dengan mencurahkan ketaatsetiaan mereka kepada baginda. Sebagai bangsa Melayu kita juga harus insaf keutuhan dan keunggulan bangsa Melayu itu adalah kerana rajanya yang berketurunan Melayu. Jadi dalam mengakui kepimpinan raja itu ia hanya akan sempurna dan bermanfaat jika kita mampu meletakkan baginda di tempat yang sewajarnya.

Ketahanan adat menjadi kunci kepada kekukuhan budaya itu adalah banyak bergantung kepada penyesuaian adat yang seimbangan dengan budaya lain seperti agama Islam misalnya. Sejak zaman

KUASA pemerintahan adalah diserahkan oleh rakyat kepada raja dengan mencurahkan ketaatsetiaan mereka kepada baginda. Sebagai bangsa Melayu kita juga harus insaf keutuhan dan keunggulan bangsa Melayu itu adalah kerana Rajanya yang berketurunan Melayu. Jadi dalam mengakui kepimpinan raja itu ia hanya akan sempurna dan bermanfaat jika kita mampu meletakkan baginda di tempat yang sewajarnya.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lagi dalam membentuk kerajaan Islam, kedudukan adat setempat pada waktu itu juga diambil kira. Sikap adat dan istiadat menghadapi pelbagai proses sepanjang sejarah Islam, daripada diterima sebagai peraturan selepas hukum syarak, kepada keadaan toleransi secara perlahan-lahan.

ADAT SEBAGAI PENGAWAL KEBUDAYAAN BANGSA

"Hidup dikandung adat, adat mengandung adab"

Peribahasa di atas adalah tumbuh daripada kekuatan budi yang mempunyai nilai-nilai hidup masyarakat yang mempunyai keperibadian hidup yang mereka percayai dan hormati dalam pengolahan hidup masyarakat itu sehari-hari pada zamannya.

Pada masyarakat Adat Pe-patih, adat itu adalah peraturan: Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah. Yang menjadi tujuan adat ialah kebaikan - adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat - adat sentosa di dalam negeri.

Dengan teguhnya adat, disukai dan dihormati, ia adalah membayangkan dan melahirkan peradaban masyarakat yang dapat melakukan sopan santun dan bahasa yang beradab yang mengandungi adab.

Lahirnya adat itu sudah tentu ada akan tumbuh dan membesar dan seterusnya akan menempuh perubahan ataupun transformasinya, sesungguhnya adat tidak sanggup dipisahkan daripada masyarakat dan masyarakat tidak

dapat dipisahkan daripada adat, antara aur (masyarakat) dengan tebing (adat) ini jika diadakan sempadan garis pemisahannya hanyalah akan melahirkan sebuah masyarakat yang sudah tentu pudar dan runtuh. Dengan menyedari akan perhubungan rapat dan padat dalam kehidupan adat dan masyarakat, kita sebagai bangsa yang bukan sahaja ingin berada tetapi sanggup mengawal dan menghormati adat dan mempertahankan kehormatan adat sebagai pengawal kebudayaan bangsa.

Dilihat daripada adat orang-orang Brunei yang menitikberatkan konsep 'siapa tua dituakan', dan salah satu takrif konsep tersebut ialah menuakan siapa sahaja yang tua daripada kita. Amalan berawar galat juga tetap dipelihara oleh kita.

PERANAN ADAT DALAM PENTADBIRAN NEGARA

Menurut adat Negara Brunei Darussalam ini pentadbiran negara adalah dikendalikan oleh pembesar-pembesar negara yang terdiri daripada Wazir, Cheteria dan Manteri-Manteri. Mereka adalah orang-orang yang digelar atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan kewajipan terhadap negara mengikut taraf gelaran. Dalam hubungan ini elok juga diketahui bahawa sebutan untuk mengurniakan gelaran pembesar diraja itu adalah mengikut peringkat gelaran dalam adat bergelar menjadi iaitu Wazir termasyhur dengan sebutan 'Mengerak', Cheteria termasyhur dengan sebutan 'Mengangkat' dan Pehin-Pehin Manteri Berciri dan Man-

teri Hulubalang termasuk Manteri Darat termasyhur dengan sebutan 'Menyampiri' menunjukkan bahawa adat bergelar itu penting dalam pengurniakan gelaran ke atas pembesar-pembesar negara.

Dalam bidang pentadbiran, adat itu adalah satu media bagi melaksanakan pelbagai urusan yang berkaitan dengan pemerintah. Tanpa adat, komunikasi antara pemerintah (sultan) dengan para pembesar dan pegawai mungkin tidak berjalan dengan lancar. Apa tidaknya kerana segala urusan adalah memerlukan aturan yang mengandungi adat. Adat dikuasai oleh elit. Oleh itu bagi kita yang nanti akan memikul tanggungjawab kenegaraan perlulah dari sekarang melengkapi diri dengan pengetahuan mengenai adat istiadat khususnya adat istiadat Diraja.

Pada keseluruhannya pemerintahan tradisi yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam sejak dahulu lagi telah menjadi sesuatu yang teradat semata-mata untuk mengukuhkan kesetiaan rakyat kepada raja. Bagi orang Brunei, raja adalah teras dan tonggak negara. Raja menjadi lambang dan kuasa yang tertinggi bagi menjalankan pemerintahan yang berdasarkan pada kanun, syarak, adat dan resam. Dengan hal yang demikian lahiriah perasaan kesatuan dan perpaduan di kalangan rakyat untuk menyerahkan kuasa mereka kepada raja iaitu raja tidak boleh zalim kepada mereka. Maknanya bahawa persyaratan timbal balik inilah yang memungkinkan wujudnya jiwa 'promodial loyalty' yang selama ini belum lagi tercemar.

Bersambung

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Brunei mainkan peranan aktif

SEBAGAI sebuah negara merdeka lagi berdaulat, Negara Brunei Darussalam mula menempatkan dirinya dalam arus perkembangan dunia antarabangsa dengan menjadi anggota ASEAN pada 7 Januari, 1984. Kemasukan negara sebagai anggota ketujuh dalam pertumbuhan serantau itu adalah petanda negara sudah siap siaga memikul tanggungjawab dan memainkan peranan demi untuk sama-sama mencapai matlamat ASEAN.

Atas dasar ASEAN dan dari beberapa Deklarasi

ASEAN tahun 1967 hingga tahun 1997 - Deklarasi Hanoi, negara telah menyatakan sokongan dan pendiriannya. Dasar hormat-menghormati dan tidak campur tangan dalam hal-hal ehwal sesebuah negara ASEAN adalah juga menjadi dasar negara yang ingin berbaik-baik dan bersahabat dengan negara ahli.

Negara Brunei Darussalam turut memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk serta penglibatan dalam pelbagai projek dan kerjasama ASEAN. Negara juga mampu menyumbang buah fikiran dalam me-

nangani isu-isu yang melibatkan kestabilan dan keharmonian ASEAN.

Penyertaan negara dalam pelbagai mesyuarat dan persidangan serta pelbagai peringkat kerjasama ASEAN jelas menunjukkan kemampuan tersendiri negara dalam memainkan peranannya. Ini terbukti dengan kepercayaan yang diberikan kepada negara untuk menjadi tuan rumah pelbagai peringkat mesyuarat dan persidangan. Negara juga berkeyakinan untuk menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN akan datang.

Melihat kepentingan ASEAN kepada negara dari pelbagai aspek, kita telah mampu memanfaatkannya terutama dalam meningkatkan imej negara. Kita juga berjaya dalam menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara anggota. Perjanjian demi perjanjian terus dimeterai untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama dua hala dan pelbagai hala. Kita juga telah membuka pejabat-pejabat perwakilan di semua negara ASEAN untuk meningkatkan hubungan mesra dan setia kawan.

Atas dasar konsensus dan kesepakatan ASEAN, negara turut memberi sumbangan demi keharmonian ASEAN. Isu-isu global, sosial, ekonomi, politik dan keselamatan turut sama difikirkan.

Secara menyeluruh, negara turut menyokong hasrat menjadikan ASEAN sebuah zon bebas, aman dan berkecuali. Negara mementingkan kerjasama dan menangani masalah ASEAN secara bersama. Kita juga terus menyokong dalam hubungan ASEAN dengan negara-negara dialog ASEAN. Sebagai anggota kepada beberapa pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti OIC, NAM, APEC, UN, negara tidak mengabaikan kerjasama dan kesejahteraan ASEAN, kerana sebahagian negara ASEAN juga menganggotai pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Dan hari ini, setelah 17 tahun berada di dalam ASEAN, negara meraih imej terbaik dan mampu melakukan apa yang terbaik untuk ASEAN. Di alaf baru ini negara turut mencanangkan Tahun Melawat ASEAN 2002 dan negara terus bekerjasama untuk mencapai Visi ASEAN 2000.

Awang Abd. Wahab bin Haji Abdullah,
No: 21'G' Kampong Burong Pingai Ayer.
No. k/p: 058132.

Negara memberikan peranan terbaik terhadap ASEAN

PADA tanggal 7 Januari, 1984, adalah hari yang bermakna dan bersejarah kepada negara kita, Negara Brunei Darussalam. Sejak saja mengadakan atau menyambut Hari Kebangsaan negara kita iaitu pada 1 Januari, 1984. Setelah itu negara kita telah menganggotai ASEAN. Jadinya dengan sebulat suara dari kelima-lima buah negara ASEAN iaitu Malaysia, Republik Thailand, Republik Singapura, Indonesia dan Republik Filipina. Dengan kemasukan negara kita Negara Brunei Darussalam di dalam sama-sama menganggotai ASEAN atau nama sepenuhnya adalah 'The Association of South East Asia Nation' dan dalam peralihan bahasa Melayu kita ialah 'Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara'.

Negara kita telah diberikan kepercayaan dan penghormatan untuk bekerjasama dalam ASEAN. Tujuannya adalah memberikan komitmen yang terbaik serta kesefahaman antara satu negara dengan negara yang lainnya. Ini juga atas dasarnya dalam mewujudkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu dan juga dalam pembangunan kebudayaan serta juga meningkatkan keamanan dan kestabilan keselamatan ASEAN. Jadinya, selain meningkatkan kerjasama dan saling bantu-membantu baik dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan, teknikal, saintifik dan juga dalam pentadbiran, ASEAN juga menyediakan bantuan anggota-anggota dalam memberikan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam kemahiran pembelajaran. ASEAN juga mewujudkan bidang pertanian dan juga perusahaan. Ini juga untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat masing-masing.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam mempunyai inisiatif dan juga memberikan peranan yang berkesan serta diberikan peranan yang penting dalam menganggotai ASEAN ini, negara kita juga ada kerjasama yang erat dan juga tali persahabatan yang kukuh. Bak kata pepatah 'seperti isi dengan kuku' dan daripada persahabatan pula dapat diberikan gambaran bagaikan aur dengan tebingnya. Jadi dengan yang demikian negara kita tidaklah sia-sia di dalam menyertai serta menganggotai ASEAN, kerana sifat yang negara kita hadiahkan berupa tenaga manusia yang saling tolong-menolong antara satu dengan yang lain.

Apa yang penting sekarang adalah negara kita mula lebih peka dan efektif dengan menyediakan serta menyelesaikan pelbagai program yang telah dilancarkan di negara kita. Apa yang menarik

adalah keupayaan negara kita memberikan komitmen yang terbaik kepada ASEAN. Sebagai contohnya, pada tahun lepas saja kemampuan negara kita di dalam mengendalikan Mesyuarat APEC tahun lalu, ini daripada hasil kerjasama sumber tenaga manusia yang begitu cekal di dalam sama-sama memberikan peranan yang baik terhadap negara-negara yang terlibat terutamanya negara-negara ASEAN.

Apa yang lebih menarik adalah negara kita memberikan peranan yang terbaik. Sebagai contohnya di antaranya adalah memberikan jaminan keselamatan dalam negara, serta memberikan layanan yang sempurna dan juga teratur lagi baik dan juga memberikan penginapan yang begitu selesa. Memberikan komunikasi yang tersusun dan teratur dan juga sempurna dan memberikan pengenalan terhadap adat resam negara kita serta juga peradaban orang-orang kita sebagai contohnya adap dan sopan santun yang diperlihatkan. Ini termasuklah cita rasa para negara yang terlibat memberikan kepuhan yang di-pinta. Selain itu juga menyediakan media-media baik daripada media elektronik dan juga media cetak. Jadinya dari apa peranan-peranan yang diberikan itu adalah memberikan kepuhan terhadap negara yang terlibat. Dari situlah juga nyatanya bahawa negara kita tidak mempercuai apabila saja negara-negara luar yang membuat sesuatu lawatan atau mesyuarat yang diadakan. Dari itulah juga negara kita memberikan peranan yang bersepadu terhadap ASEAN.

Jadinya negara kita juga memberikan peranan yang baik terhadap ASEAN setelah negara kita menganggotai ASEAN sebagai negara

yang keenam. Antaranya dalam memberikan keutamaan dasar luarnya terhadap keanggotaannya dalam ASEAN. Negara Brunei Darussalam juga sedaya upayanya memberikan sumbangan yang berkesan demi mencapai matlamat ASEAN di dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan juga kemajuan ekonomi di rantau tersebut. Kemasukannya adalah perkembangan yang logik di antara negara-negara anggota dari beberapa segi ilmu alam, sejarah, budaya dan juga dalam bahasa yang saling berkaitan antara satu dengan lain. Dari apa peranan yang telah ditaburkan itu negara kita akan tidaklah bersendiri di dalam rangka keselamatan negara. Dalam hal ini juga menjadikan fokus yang utama adalah berasaskan kepada kepentingan politik dan juga keselamatan dan kemakmuran negara.

Ini juga amatlah sesuai di dalam titah seorang pemimpin negara kita yang adil dan juga bijaksana di dalam memberikan peranan negara kita menganggotai ASEAN.

Antaranya menekankan adalah "Brunei mendapat banyak faedah menjadi ahli ASEAN dan kami melihat terhadap masa depan, penuh percaya yang ASEAN akan terus berusaha menjadi rantau yang selamat dan aman di samping meningkatkan ekonomi rakyat Negara Brunei Darussalam." Dari sanalah kita juga dapat mengambil atau mengetahui bahawa titah tersebut seolah-olah memberikan motivasi yang bersemangat lagi padu kepada rakyat agar lebih yakin dan bersemangat dan terus maju ke hadapan dalam memberikan tumpuan yang sempurna dan juga teratur, agar peranan yang diberikan akan lebih meningkat dari sehari ke sehari atau dari masa ke semasa serta mencabar di waktu-waktu yang akan datang.

Dapatlah disimpulkan bahawa Negara Brunei Darussalam dengan menganggotai ASEAN ini bukan saja dapat membuka eras baru dalam pentadbiran ke dunia luar malah juga memberikan manfaat pada rakyat di Negara Brunei Darussalam serta dapat menunjukkan kewibawaannya ASEAN.

Awang Mohd. Saidin bin Haji Julai,
No. 104 'G' Kampong Setia 'A'.
No. k/p : 277928.

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Peranan Brunei Dalam ASEAN Sejak Menjadi Anggota 7 Januari, 1984'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Brunei terus beri sumbangan

NEGARA Brunei Darussalam telah menjadi anggota pertubuhan ASEAN 17 tahun yang lalu, yang mana ia merupakan satu tempoh, bukan sahaja merupakan pencapaian dari segi usia malahan juga memang patut kita banggakan dengan pencapaian negara dalam membawa rakyat dan penduduk menikmati kehidupan yang aman dan makmur serta kewibawaan negara dapat mengangkat martabat negara menjadi terkenal di mata dunia.

ASEAN yang kini menjelang usia 17 tahun adalah merupakan sebuah pertubuhan dan perkumpulan yang begitu mantap dan stabil di dunia. ASEAN kini semakin bertambah ahlinya, menjadi kuat dan disegani oleh pimpinan dunia yang juga berteraskan zon bebas, aman yang selain itu juga negara kita telah dapat mewujudkan semangat setia

kawan yang tinggi di kalangan anggotanya.

Dengan pemimpin yang berpandangan jauh, berkelibar dan sentiasa mementingkan semangat musyawarah dan kesepakatan dalam setiap tindakan, telah menjadikan negara selaku anggota pertubuhan ASEAN mengesap pelbagai kemajuan dan perkembangan yang sungguh membanggakan yang cemerlang, serta negara mempunyai makna yang besar dalam usaha bagi merangka strategi yang paling ampuh terutama sekali memfokuskan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam memperingati hari yang amat bermakna ini, di mana negara rantau ini pada masa kini menjadi perhatian dunia, terutama dari segi aspek yang amat membanggakan iaitu dengan adanya pertumbuhan ekonomi negara yang amat menggalakkan. Dalam

pada itu juga keyakinan memang perlu kita kukuhkan agar ianya akan terus maju memandangkan negara pada masa kini melangkah ke suatu tahap yang amat membanggakan.

Meskipun kita boleh berbangga dengan kejutuan negara menganggotai pertubuhan ASEAN, namun kita belum boleh berpuas hati kerana jalan masih panjang di hadapan kita. Wawasan kita 17 tahun yang lalu ialah mengarah supaya meneruskan perjuangan ke arah membina kemakmuran, keamanan, kemajuan, keselamatan serta persefahaman yang lebih mantap.

Apa yang kita harapkan negara akan mendapati laluan untuk meneruskan perjuangan bagi membangunkan negara dan hubungannya dengan anggota pertubuhan ASEAN yang menjadi rakan kongsi perdagangan dan hubungan dua hala akan lebih mudah dan

berkesan tanpa hambatan dan halangan.

Sikap hemah tinggi diharapkan akan dapat membawa negara selaku anggota ASEAN melangkah ke alaf yang lebih mencabar dengan lebih yakin dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan mendatang.

Kata pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh' biarlah menjadi satu semangat rumpun padi yang menjadi lambang negara menganggotai ASEAN itu terus mantap dan kukuh ikatannya. Biarlah kita sepakat dan bersefahaman menjadi kata kunci kepada setiap persidangan. Ini kerana kita dapati sebelum ini anggota ASEAN mampu menyatukan pendapat dalam banyak hal.

Dayang Haziqah Fakriyah binti Mohd. Daud,
No : 35 'B' Kampong Tamoi Tengah BL 2112.

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Memberigakan Hari Kebangsaan'. Tarikh tutup 10 Januari, 2001.
2. 'Huraikan Tema Hari Kebangsaan Maju Bangsa Sejahtera Negaraku'. Tarikh tutup 17 Januari, 2001.
3. 'Peniaga Melayu Menunjukkan Daya Saing Dalam Arus Perniagaan'. Tarikh tutup 24 Februari, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika menghadiri Majlis Doa Selamat bagi bakal jemaah haji di Kementerian tersebut yang menunaikan ibadat haji tahun ini. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Doa selamat bagi bakal jemaah haji

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Januari. - Seramai 12 orang bakal jemaah haji dari Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menunaikan ibadat haji, rukun Islam kelima pada tahun ini.

Mereka akan berangkat ke Tanah Suci Mekah dalam waktu lebih kurang dua minggu dari sekarang yang mana jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang mengikuti penerbangan pertama dijangka akan berlepas meninggalkan negara ini pada 14 Februari depan.

Sehubungan dengan itu Majlis Doa Selamat bagi jemaah haji daripada kementerian berkenaan telah diadakan di Kementerian tersebut di Jalan Menteri Besar di sini.

Doa selamat bagi mendoakan bakal jemaah haji di Kementerian tersebut dalam keadaan selamat dan sihat walafiat semasa pergi dan balik de-

Oleh Aliddin HM

ngan memperolehi haji yang mabrur telah dibacakan oleh Mudim Awang Haji Safar bin Haji Bolaji.

Bakal jemaah haji di Kementerian tersebut telah menerima sumbangan daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut dan telah disampaikan oleh pengarah bahagian masing-masing.

Hadir di majlis itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin serta timbalannya, setiausaha tetap, para pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut.

Majlis Perundingan Kampung bantu kesejahteraan penduduk

Oleh Abdullah HM

PENGKALAN BATU, 24 Januari. - Suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri, walaupun sudah masuk minggu terakhir tetapi ianya masih lagi diraikan dan dirasakan di sana sini di negara ini.

Suasana seumpama itu tidak terkecuali dirasakan dan diraikan yang mana satu Majlis Ramah Mesra Aidilfitri telah diadakan oleh para penduduk Kampung Panchor Murai dan Imang anjuran Majlis Perundingan Kampung dan Majlis Kejiranan Kampung berkenaan yang berlangsung di kawasan rumah kediaman Ketua Kampung Panchor Murai di sini.

Hadir di Majlis Ramah

Mesra Aidilfitri selaku tetamu kehormat ialah Guru Besar Sekolah Rendah Panchor Murai, Awang Haji Ramli bin Haji Md. Don antara lain berката bahawa Majlis Perundingan Kampung berfungsi sebagai pembantu kepada ketua kampung dalam memeduli hal-ehwal kemajuan, kesejahteraan, kebajikan, sosial para penduduk di kampung berkenaan.

Majlis pada hari itu diselenggarakan dengan majlis penyampaian hadiah sukan ria tahun 2000 yang lepas dan ianya telah

diadakan buat kali keempatnya berturut-turut dan menjadi projek tahunan bagi Majlis Perundingan Kampung dan Majlis Kejiranan Kampung Panchor Murai dan Imang.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Perundingan Kampung Panchor Murai dan Imang ialah makan doa arwah sekampung, membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam dan sukan ria.

Seterusnya majlis doa arwah dan tahlil telah dibacakan oleh Bilal Masjid Kampung Panchor Murai, Awang Haji Mohammad Sufri bin Abdullah.



MAJLIS Ramah Mesra Aidilfitri anjuran Majlis Perundingan Kampung dan Majlis Kejiranan Kampung Panchor Murai dan Imang. - Gambar oleh Aliddin HM.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin telah berkesudian hadir menyaksikan pameran Forum 'Galakkan Membaca Di Alaf Baru' yang telah berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka di Ibu negara. Bilakah tarikh majlis berkenaan dilangsungkan?
a). 28 November, 1999.
b). 29 November, 1999.
c). 30 November, 1999.
2. Bilakah Tajuk Cerpen 'Gerimis Mengundang' diterbitkan di Akhbar Rasmi Kerajaan iaitu PELITA BRUNEI?
a). 1 Disember, 1999.
b). 10 Disember, 1999.
c). 15 Disember, 1999.
3. Apakah Tajuk 'Menuju Keredaan Allah' keluaran PELITA BRUNEI pada 15 Disember, 1999?
.....
.....
.....

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Pat-pat Gulambir keluaran 17 Januari, 2001, 1. A 2. A 3. Islam Haramkan Pentipuan.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 461

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNE 17 JANUARI, 2001

NURHUSNA AFIAH BINTI MOHD. SALLEH
NO.19, JALAN 1,
RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
LAMBAK KANAN BG 2715,
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH DATO MARSAL

HAJAH NORADIANA BINTI HAJI MD
YUSSOF,
NO. 208, KAMPONG PINTU MALIM,
JALAN KOTA BATU BD 1317,
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH DATO MARSAL

NUR HAZIMAH BINTI HAJI MOHD YUNOS
NO.838, KAMPONG PARIT
PENGKALAN BATU BH 1123,
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PENGKALAN BATU

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 461,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Harun ketika merasmikan Produk dan Acara-acara Tempatan Bagi Promosi Pelancongan Sempena Tahun Melawat Brunei Bagi Daerah Tutong. Majlis berlangsung di Pantai Seri Kenangan, Tutong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Industri pelancongan menjana hasil negara

TUTONG, 28 Januari. - Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun berkata perindustrian pelancongan adalah sebagai 'menjana hasil' kepada negara melalui pertukaran-pertukaran wang asing.

Usaha bagi mengenalkan dan mempromosikan negara kepada dunia luar adalah perlu diusahakan dan ditani dengan sebaik mungkin bukan sahaja oleh kerajaan.

Malah jelasnya, penglibatan pihak swasta adalah asas ke arah mencapai kejayaan itu, yang mempunyai kesan berbagai-bagai terhadap pertumbuhan ekonomi, sekali gus dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk negara ini.

Beliau yang merasmikan Produk dan Acara-acara Tempatan Promosi Pelancongan Tahun Melawat Brunei Bagi Daerah Tutong, turut menekankan negara-negara ASEAN dan antarabangsa menggalakkan pengunjung datang ke negara mereka masing-masing dengan konsep perindustrian pelancongan adalah sektor perusahaan global dan antarabangsa yang tidak mengenal sempadan bagi tujuan memantapkan perkembangan ekonomi negara dan menawarkan peluang-peluang pekerjaan.

Oleh Haji Ahmad HS

Dalam ucapannya beliau juga menyeru rakyat dan penduduk negara ini akan memberikan komitmen dan sokongan yang padu serta sumbangan yang bersungguh-sungguh dan cemerlang terhadap kejayaan perindustrian pelancongan di negara ini.

"Negara Brunei Darussalam adalah negara yang bertamadun yang mempunyai tatasusila, kebudayaan, ramah mesra, saling hormat-menghormati dan tegur sapa," terangnya.

Dilihat daripada kaca mata kita jelasnya, Daerah Tutong tidak ketandusan dengan tempat-tempat yang menarik serta alam sekitar yang semula jadi yang unik dan indah.

"Apa lagi Daerah Tutong juga disulami dengan keperibadian, kebudayaan dan kesenian serta kesusilaan, hormat-menghormati sebagai calak orang-orang Brunei yang lemah-lembut, ramah mesra, sopan santun dan berperibahasa. Maka sudah tentunya ciri-ciri yang saya sebutkan tadi akan menambahkan lagi kemegahan, keceriaan dan kemandirian kita sebagai warisan Negara Brunei Darussalam," katanya.

Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat berkesudian melepaskan belon berwarna-warni menandakan pelancaran Produk dan Acara-acara Tempatan Promosi Pelancongan Tahun Melawat Brunei Bagi Daerah Tutong bermula.

Di majlis perasmian bagi Daerah Tutong itu turut dihadiri oleh pelancong-pelancong dari Republik Rakyat China yang kebetulan berada di negara ini sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang baru lalu dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pelbagai acara telah disusun oleh jawatankuasa bagi memberikan Tahun Melawat Brunei 2001 bagi Daerah Tutong termasuk Pelancaran Rasmi Bahagian Produk dan Acara-acara Tempatan Promosi Pelancongan Tahun Melawat Brunei 2001 yang dilangsungkan pada hari tersebut dengan mempamerkan pelbagai kraf tangan dan persembahan oleh kaum-kaum Daerah Tutong.

Di samping itu acara persembahan kesenian dan kebudayaan juga turut memeriahkan lagi majlis dengan mengetengahkan persembahan dan kesenian dan kebudayaan seperti persembahan puak Dusun iaitu anchayau, puak Kedayan dengan persembahan alai bubu, aduk-aduk, masyarakat Iban mempersembahkan adat ngambi indu perkahwinan puak Iban, puak Tutong dengan adat perkahwinan orang-orang Tutong dan kaum Tionghoa dengan tarian bunga dan tarian payung.

Semasa hari pelancaran sehari itu juga diadakan peraduan kikir dan Pesta Tamu dan sukan kecil.



PEGAWAI Daerah Tutong menyertai salah satu puak di Daerah Tutong mempersembahkan tarian tradisional. Juga menari bersama-sama ialah para pelancong dari Republik Rakyat China yang melancong ke negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PARA jemputan khas, ejen-ejen pelancongan di negara ini serta para pelancong dari Republik Rakyat China, Thailand dan lain-lain lagi menyaksikan acara perasmian sempena Tahun Melawat Brunei 2001 bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Pantai Seri Kenangan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



Kenal pasti punca turunnya pencapaian keputusan P.C.E

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

LUMUT, 18 Januari. - Bahagian Pelajaran Rendah dan pihak sekolah diingatkan supaya membuat penganalisaan yang lebih terperinci untuk mengenal pasti punca turunnya pencapaian keputusan PCE tahun lalu.

Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam mengingatkan perkara tersebut di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan PCE dan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait yang diadakan di Sekolah Rendah Sungai Tali di sini.

Katanya, dengan mengetahui dan mengenal pasti masalah itu, usaha yang bersesuaian boleh dirancang dan dilaksanakan seawal-awal yang boleh ke arah memperbaiki apa jua kelemahan dan meningkatkan pencapaian dalam semua mata pelajaran.

Pengiran Datin Paduka selaku tetamu kehormat seterusnya berkata, usaha untuk memajukan dan meningkatkan kualiti pendidikan secara umum memerlukan kegigihan dan usaha yang berterusan dan terancang serta kecekapan dan kerjasama semua pihak.

Dari itu katanya, adalah menjadi tanggungjawab guru besar dan guru-guru untuk memastikan semua murid sekolah rendah diberi pendidikan dan kemahiran asas yang kukuh sebagai persediaan mereka mengikuti pelajaran di peringkat menengah.

Pengiran Datin Paduka seterusnya menyeru semua guru besar supaya menilai semula dan jika perlu mengubah corak dan cara kepimpinan sekolah masing-masing.

Selain itu, guru-guru pula katanya perlu menilai semula dan memperbaiki pendekatan pengajaran masing-masing ke tahap yang lebih berkesan.

"Budaya penilaian sendiri itu adalah penting jika kita ingin lebih maju," tegasnya.

Beliau penuh yakin jika pencapaian dan produktiviti sekolah dapat dipertingkatkan, mereka akan dapat menarik keyakinan dan kepercayaan ibu bapa terhadap kewibawaan guru dan seterusnya memantapkan pelaksanaan dasar pendidikan rendah.

Untuk itu katanya, guru besar selaku pengurus dan pemimpin sekolah perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam mentadbir sekolahnya, memimpin guru-guru dan mendidik pelajar-pelajar serta mempunyai wawasan ekspektasi tinggi terutama dalam pencapaian akademik.

Apa yang penting tambahnya, mereka perlu mempunyai

rancangan kerja tahunan yang bersistem dan bermatlamat, berusaha melaksanakan rancangan kerja itu sebaik mungkin dan lebih banyak menumpukan perhatian kepada aktiviti-aktiviti mengajar.

Katanya lagi, sikap keterbukaan dan ketelusan serta proaktif, jujur dan amanah dalam menjalankan tugas harian di samping sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran baru adalah juga diperlukan.

Selain itu katanya, guru pula perlu mempunyai semangat dan motivasi kerja yang tinggi, kreatif dan inovatif dalam pengajaran, bijak mengurus bilik-bilik darjah serta sentiasa berusaha menggunakan masa pengajaran yang ada dengan kegiatan-kegiatan yang boleh membantu memberangsangkan pembelajaran dan bersedia berbincang dengan guru besar dan guru-guru lain secara perkongsian maklumat dan pengalaman.

Di samping itu katanya, sikap prihatin dan pemedulian terhadap perkembangan dan masalah pelajar-pelajar terutama dalam hal-hal pembelajaran juga penting diamalkan oleh pemimpin sekolah dan guru-guru.

"Rasa tanggungjawab dan bekerja sebagai satu pasukan mestilah dipupuk di kalangan warga sekolah," katanya.

Menurutnya apa jua permasalahan yang dihadapi oleh pihak sekolah akan dapat diatasi dengan adanya kerjasama yang padu dan saling bermaafkat.

Beliau berharap, dengan adanya peralihan paradigma itu akan membawa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan sekolah.

Majlis tersebut merupakan rancangan tahunan anjuran pegawai-pegawai, guru-guru besar, penolong guru besar dan guru-guru sekolah-sekolah rendah Daerah Belait bertujuan untuk memberi penghargaan di atas usaha gigih yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah dan guru-guru khususnya guru-guru darjah enam.

Ianya juga sebagai pendorong kepada guru-guru supaya akan memberikan komitmen yang tinggi kepada semua murid khususnya mereka yang akan menduduki peperiksaan PCE nanti.

Seramai 15 murid daripada enam buah sekolah rendah di daerah ini yang memperolehi 5A dan 17 yang lain daripada sepuluh buah sekolah rendah di daerah ini yang mendapat 4A dalam peperiksaan PCE tahun lalu menerima sijil dan hadiah penghargaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Sekolah Rendah Rampayoh dan Sekolah Rendah Melilas mencapai 100 peratus lulus dalam peperiksaan PCE tahun lalu, sementara Sekolah Rendah Muhammad Alam, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof, Sekolah Rendah Panaga, Sekolah Rendah Labi dan Sekolah Rendah Merangking merupakan sekolah yang melebihi sasaran kebangsaan (80 peratus) dan sekolah yang meningkat selama

lima tahun berturut-turut dan melebihi sasaran kebangsaan ialah Sekolah Rendah Muhammad Alam dan Sekolah Rendah Melilas.

Tetamu kehormat juga menyampaikan sijil dan hadiah penghargaan kepada 40 orang guru darjah enam daripada sembilan buah sekolah rendah kerajaan di daerah ini.



PENGARAH Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam ketika menyampaikan sijil dan hadiah penghargaan kepada seorang pelajar yang memperolehi 5A dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (PCE). Majlis berlangsung di Sekolah Rendah Sungai Tali. - Gambar oleh Amat HM.



PENGARAH Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam ketika menyampaikan sijil dan hadiah penghargaan kepada seorang guru darjah enam dari salah sebuah Sekolah Rendah Kerajaan Daerah Belait. - Gambar oleh Amat HM.

HSBC sumbangkan tiga buah komputer

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Januari. - Sekolah Menengah Sayyidina Ali hari ini menerima sumbangan tiga buah komputer yang disumbangkan oleh Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (HSBC) yang berlangsung di Bangunan Ibu Pejabat HSBC di sini.

Hadir menyempurnakan sumbangan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning kepada Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Dayang Marina Chek binti Bujang.

Dengan mempunyai kemudahan komputer tersebut akan dapat membantu penuntut-penuntut sekolah tersebut melayari laman web dan internet dengan mudah di samping memudahkan mereka untuk mendapatkan rujukan maklumat lebih cepat berhubung dengan mata pelajaran mereka.

Set-set komputer yang disumbangkan itu akan ditempatkan di bahagian perpustakaan sekolah berkenaan dan merupakan set komputer yang telah dipakai semasa berlangsungnya Sukan SEA Ke-20 lalu dan merupakan sumbangan bank berkenaan yang pertama di tahun 2001 dalam misinya membantu ke arah pembangunan pendidikan melalui internet.



PEGAWAI Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning ketika menyampaikan sumbangan set-set komputer kepada Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Dayang Marina Chek binti Bujang. Majlis berlangsung di Bangunan Ibu Pejabat HSBC. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Mencantikkan kawasan sekolah

MUARA, 27 Januari. - Sempena Tahun Melawat Brunei 2001, beberapa agensi sama ada kerajaan atau bukan kerajaan berusaha untuk memberikan gambaran yang baik mengenai Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Ke Arah Kecantikan dan Keindahan Persekitaran Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah di negara ini.

Pelancaran kempen berkenaan diadakan di Sekolah Rendah Kapok di sini. Hadir bagi menyempurnakan pelancaran majlis ini ialah Pengarah Sekolah-Sekolah, Pengiran Datin Paduka Hajjah Mariam.

Dalam ucapan ringkasnya di majlis ini, Pengiran Datin Paduka berharap sekolah-sekolah lain di negara ini membuat aktiviti susulan dalam usaha mencantikkan kawasan sekolah masing-masing.

Selepas melancarkan kempen berkenaan, tetamu kehormat berserta beberapa pegawai

kanan dari Kementerian Pendidikan juga diberikan penghormatan untuk menanam pokok bunga-bunga bagi mengindahkan kawasan sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Kapok dipilih sebagai lokasi pelancaran kempen memandangkan ianya sebuah sekolah yang baru digunakan. Dengan pelancaran tersebut, setiap sekolah diharapkan akan menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan sekolah masing-masing khususnya bagi sama-sama menyahut kempen Tahun Melawat Brunei 2001.

Oleh
Siti Muslihat HS

Terdahulu dari itu, Pengerusi Bersama Majlis, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dalam ucapan alu-aluannya menyifatkan keindahan dan kebersihan persekitaran sebagai salah satu aset terpenting dalam industri pelancongan.

Dalam hubungan ini pelbagai institusi katanya, masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri dalam mendukung, me-

mastikan kebersihan, kecantikan dan keindahan terlaksana yang mana ini setentunya bermula dari sekolah lagi, tambahnya.

Beliau juga percaya bahawa murid-murid dan pelajar yang berpendidikan adalah juga aset strategik bagi membantu pembangunan negara.

Pelancaran kempen kebersihan ini juga diselenggarakan dengan peraduan mewarna bagi murid-murid sekolah yang hadir.



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Pengiran Datin Paduka Hajjah Mariam ketika hadir menyempurnakan Pelancaran Kempen Ke Arah Kecantikan dan Keindahan Persekitaran Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah di negara ini. Majlis berlangsung di Sekolah Rendah Kapok, Muara. - Gambar oleh Hamadi HM.



Anak yatim dan orang kurang upaya diraikan

MENTIRI, 24 Januari. - Majlis Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim serta orang-orang kurang upaya dianjurkan oleh Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampong, Gerakan Ibu Bapa serta penduduk kampung Kawasan II, Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri di sini.

Majlis tersebut dilangsungkan di rumah Ketua Kampung Kawasan II, Rancangan Perpindahan Negara Kampong Mentiri, Awang Haji Sulaiman bin Jafar dan menjadi tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Ahmad.

Tetamu kehormat di majlis

Oleh Haji Ahmad HS

itu berkesudahan untuk menyampaikan derma kepada anak-anak yatim serta orang-orang yang kurang berupaya dan turut menyaksikan persembahan-persembahan tarian, nyanyian yang dipersembahkan oleh zon-zon yang terdapat dalam Kawasan II, Rancangan Perpindahan Negara Kampong Mentiri.

Acara yang menarik pada malam tersebut ialah cabutan angka bertuah, di mana hadiah-hadiah yang menarik turut disediakan oleh jawatankuasa pengendali majlis hasil sumbangan daripada penduduk Kawasan II.

PESURUHJAYA Buruh, Awang Haji Ahmad ketika hadir di Majlis Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri anjuran Majlis Perundingan Kampong, Gerakan Ibu Bapa serta Penduduk Kampung Kawasan II, Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri. - Gambar oleh Hamadi HM.



SEROMBONGAN pelancong dari Taiwan ketika berpeluang hadir menyaksikan berbagai persembahan kebudayaan masyarakat di Mukim Berakas 'A'. - Gambar oleh Halim HS.

Hasil produk kampung tambat hati pelancong

BERAKAS, 25 Januari. - Sempena kempen Tahun Melawat Brunei 2001 pelbagai sektor di negara ini telah mengambil bahagian dalam sama-sama memberigakan serta memeriahkan sambutan yang julung-julung kali serta yang pertama dikendalikan secara peringkat nasional.

Salah sebuah mukim yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara yang sama-sama mengambil bahagian serta tidak mahu melepaskan peluang tersebut ialah kampung-kampung yang terdapat di Mukim Berakas 'A'.

Sempena Tahun Melawat Brunei ini, mukim tersebut telah mengadakan persembahan produk-produk kampung dan kebudayaan yang berlangsung di Dewan Muhibbah di sini selama 3 hari bermula 23 haribulan yang lalu.

Dengan mengetengahkan hasil produk kampung serta mempersembahkan pelbagai kebudayaan asli mukim tersebut, telah berjaya menambat hati serombongan pelancong Taiwan yang tiba ke negara ini buat pertama kali.

Rombongan seramai 25 orang itu meng-

adakan pakej pelancongan ke negara ini selama tiga hari dan antara tempat yang menjadi tumpuan mereka ialah keindahan Kampong Ayer dan Taman Permainan Jerudong.

Menurut seorang jurupandu pelancong dari negara Taiwan, Dayang Wang Ching Chu, menjelaskan rombongan tersebut berada di negara ini termasuk dirinya merupakan kunjungan yang pertama diadakan.

Beliau melahirkan perasaan gembira terutama ketika melihat keadaan sekeliling yang aman dan bersih serta keindahan dan keunikan budaya dan adat resam orang Brunei.

Sewaktu berada di Dewan Muhibbah tersebut mereka telah dipersembahkan pelbagai persembahan daripada pelbagai lapisan masyarakat yang terdapat di Mukim Berakas 'A' termasuk penduduk kampung hingga membawa kepada penglibatan penuntut-penuntut sekolah yang terdapat di dalam mukim berkenaan.

Oleh Abu Bakar HAR



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bergambar ramai bersama penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung sejarus mempengerusikan mesyuarat yang berlangsung di Dewan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung diseru Laksanakan tugas dan t'jawab dengan sepenuhnya

Oleh Samle Haji Jait

BERAKAS, 27 Januari. - Penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang diberikan amanah oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anak buah kampung perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sepenuhnya.

"Mesyuarat-mesyuarat yang telah dilaksanakan oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung perlu ada tindakan susulan dan bukan saja hanya tinggal keputusan saja," jelas Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani di Mesyuarat Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Dewan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), hari ini.

Katanya, melalui mesyuarat-mesyuarat yang lalu, beliau telah menekankan hanya keputusan-keputusan yang konkrit saja yang perlu dibuat kerana dengan adanya ketentuan tertentu itu akan memberi lebih jelas lagi tindakan yang akan diambil.

Mesyuarat kali pertama pada tahun ini bagi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara itu juga diselenggarakan dengan penyampaian sivil lantikan dua orang ketua kampung baru yang dilantik.

Awang Haji Nor Hashim bin Haji Nor kini dilantik menjadi ketua kampung baru bagi Kampong Sungai Hanching dan Salambigar, sementara Awang Haji Tengah bin Ibrahim dilantik selaku Ketua Kampong Pancha Delima.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah itu mengimbas kembali peristiwa-peristiwa penting yang telah dilalui sepanjang tahun lalu selain menerangkan usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Daerah bagi meningkatkan pentadbiran, pengurusan dan tugas-tugas penghulu dan ketua-ketua kampung.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan beberapa panduan pentadbiran untuk memberikan lagi keberkesanan pentadbiran penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung termasuk mengadakan mesyuarat di setiap mukim setiap bulan secara bergilir yang diharap sebagai satu usaha untuk mengambil perhatian anak buah kampung.

Di samping itu, jabatan berkenaan juga mengeluarkan format minit mesyuarat agar dapat dicontohi dan diseragami serta disebarluaskan supaya kejayaannya dapat dikongsikan bersama oleh mukim dan kampung yang lain.

Mesyuarat yang dihadiri oleh seramai 16 buah mukim di daerah ini antara lain mengesahkan minit mesyuarat lalu di samping membincangkan beberapa isu terutama bagi kemajuan kampung masing-masing selain merangka projek-projek yang melibatkan kegiatan nasional.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani menyampaikan surat lantikan kepada Ketua Kampong Sungai Hanching dan Salambigar yang baru, Awang Haji Nor Hashim bin Haji Nor. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PRESIDEN British Community Link (BCL), Puan Sibella Lang yang juga isteri Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke negara ini ketika menyampaikan sumbangan kepada seorang kanak-kanak dari Unit Pendidikan Khas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Anak-anak yatim diseru BELAJAR BERSUNGGUH- SUNGGUH

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

PANDAN, 19 Januari. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani berharap anak-anak yatim di daerahnya supaya belajar bersungguh-sungguh sebagai bekal kebahagiaan dan kejayaan mereka di masa hadapan.

Dato Paduka menjelaskan, masyarakat di daerah ini tanpa mengira bangsa, puak dan agama bersatu padu memeduli kebahagiaan anak-anak yatim dan golongan yang kurang bernasib baik.

Dengan adanya sikap bersatu padu telah memberikan semangat kepada masyarakat untuk meneruskan dan memantapkan usaha mereka, kata Dato Paduka selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Anak-anak Yatim Daerah Belait yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Ali di sini.

Katanya, cita-cita dan hasrat untuk menubuhkan jawatankuasa masyarakat penyayang akan diusahakan hingga berjaya.

Dari itu, Dato Paduka menyuarakan jawatankuasa yang bertugas menggubal peraturan dan perlembagaannya supaya meneruskan usaha mereka.

Pengerusi majlis, Jurutera Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Modin berkata, anak-anak yatim merupakan aset negara yang perlu diambil perhatian tentang kebajikan mereka.

Katanya, keberhasilan mereka dalam kehidupan akan menguntungkan semua pihak, seterusnya dapat menyumbang kepada kemajuan, pembangunan bangsa dan negara.

Lembaga Tabung Derma Anak-Anak Yatim daerah ini melalui jawatankuasa kegiatan anak-anak yatim Daerah Belait telah merancang aktiviti-aktiviti sepanjang tahun bagi merapatkan anak-anak yatim kepada masyarakat.

Di samping itu ianya bagi mempertingkatkan kewangan tabung yang lazimnya diagihkan kepada anak-anak yatim menjelang hari lebaran setiap tahun.

Bagi merealisasikan perkara tersebut katanya, tindakan aktif anak-anak yatim dan bantuan ibu dan para penjaga mereka diperlukan ke arah masyarakat yang prihatin dan bersimpati dengan nasib mereka.

Majlis tersebut merupakan projek tahunan Lembaga Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait dalam menunjukkan keprihatinan terhadap kebajikan anak-anak yatim daerah ini di samping menghiburkan bagi mengurangkan kesedihan mereka menyambut hari lebaran.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian, syair, sajak, lakonan pendek dan peraduan uji minda serta penyampaian hadiah daripada tetamu kehormat kepada anak-anak yatim yang diraikan.

BCL menderma k'pada Unit Pendidikan Khas

Oleh
Samle HJ

GADONG, 26 Januari. - British Community Link (BCL) telah memberi sumbangan berupa peralatan pembelajaran kepada kanak-kanak masalah penglihatan, Unit Pendidikan Khas.

Sumbangan yang disampaikan oleh Presiden BCL, Puan Sibella Lang yang juga isteri Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke Negara Brunei Darussalam itu dihasratkan bagi membantu murid-murid yang bermasalah penglihatan untuk mengikuti pembelajaran mereka sehari-hari.

Timbalan Ketua Unit Pendidikan Khas, Dayang Hajah Norjum binti Haji Mohammad Yusof telah menerima sumbangan berkenaan di majlis penyerahan sumbangan, di Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, di sini.

Di majlis itu, Unit Pendidikan Khas menerima derma ikhlas bagi kanak-kanak berkeperluan khas daripada seorang hamba Allah yang disalurkan melalui Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan.

Peralatan berkenaan merupakan alat-alat geometri dan kertas yang menimbulkan rajah-rajah dan akan digunakan bagi membuat reka bentuk, kalkulator saintifik dan peralatan pendidikan yang lain.

Ketika ini, seramai 30 orang murid bermasalah penglihatan berada di sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

TRING tring tring

Aku terkejut daripada lamunanku terus kukecapai telefon yang dari tadi menunggu jawapan.

"Hello Assalamualaikum!"

Kedengaran suara seorang lelaki membalas salamku.

"Walaikumsalam. Boleh saya cakap dengan Wati?"

"Ya! Wati cakap, boleh saya tahu siapa di sana?" Tanyaku kehairanan.

"Saya Azlan! Tujuan saya telefon ini untuk berkenalan dengan awak boleh tak?"

"Boleh apa salahnya." Balasku.

Sejak dari itu aku dan Azlan sering berhubung melalui telefon, walaupun kami belum bersua muka namun hubungan kami semakin rapat. Aku dapat rasakan dirinya seorang yang bertanggjawab.

Setelah genap satu bulan kami berhubung melalui telefon, Azlan berhasrat untuk menemui, itulah yang aku nantikan selama ini. Azlan ingin menemui aku di taman dengan pakaian serba hijau. Malam sebelum bertemu aku tidak dapat melepaskan mata sebab inilah kali pertama akan bersua muka.

Keesokan harinya aku bersiap terlebih awal, dapat juga aku menghiasi diriku dengan lebih rapi. Kutatapi wajahku di cermin yang sentiasa kutengok setiap hari. Fikiranku melayang sejenak hatiku sering bertanya adakah Azlan akan terus berkawan denganku setelah kami bertemu.

Tok tok

Pintu biliku diketuk, aku tersentak lalu terus membuka pintu.

"Emak! Apa hal."

"Ada panggilan untuk kau, katanya dia sahabatmu, Ana."

"Hello Ana ... Kau apa khabar?"

"Kurang baiklah Wati."

"Apa pasal pula kau sakit, Ana?"

"Tak." Jawabnya.

"Aku tahu kau nak cakap yang kau boring, kalau tidak takkanlah kau ingatkan aku sekarang, bukannya aku tidak tahu kau tu bila dah boring ke-seorangan baru ingatkan kawan."

"Alah Wati janganlah kau cakap macam tu, aku ada problemlah Wati."

"Kan betul apa yang aku katakan tadi, waktu dia sedih telefon aku mengadulah tu, tapi bila dia gembira langsung tidak ingatkan aku."

"Oklah Wati aku salah, aku minta maaf banyak-banyak." Balasnya dengan seribu harapan.

"Baiklah aku maafkan kau. Apa pula problem kau Ana?"

"Biasalah pasal si Nordin. Aku rasa nak putus hubungan dengannya."

"Kau memang selalu cakap macam tu. Dulu kau juga pernah cakap nak putus dengannya tapi kau masih juga berkawan dengannya. Alah gaduh-gaduh saja tapi kau sayang dan rindu jugakan. Bukannya kau tak tahu adat dalam bercinta, Ana. Bila bergaduh berselisihan faham mulalah nak putus. Kalau kau buat salah apa salahnya kau minta maaf dengannya kau lebih elok kalau macam tu, bertolak ansur. Bukan aku tidak tahu kau tu degil sangat, asyik nak menang saja."

"Dulu kau kata si Nordin tu baik orangnya, kalau dah tahu baik pandai-pandai menjaga hatinya."

"Itu dulu Wati! Tapi sekarang dia sudah banyak berubah."

"Alah ... kau pandai-pandai lah pujuk dia, aku sudah lewat ni, aku ada temu janji dengan kawan nanti lewat pula."

"Siapa kawan kau tu Wati?"



Aku kenal tak? Kalau boleh aku nak ikut."

"Kau ni buat kacau sajalah, aku baru nak jumpa dengannya, nanti aku kenalkan dia dengan kau."

"Siapa dia tu Wati?" Tanyanya lagi.

"Janganlah kau nak perli aku pula, Ana. Aku baru saja nak jumpa dengannya, aku cuma kenal suaranya tapi belum orangnya."


"Ana! Nanti kita sambung lagi kau pergilah pujuk Nordin tu nanti dikebas orang merana kau."

"Dia tak adalah Wati, aku tak tahu dia pergi ke mana." Keluhnya.

"Oklah Wati kau pergilah dulu kalau dah dapat si dia tu jangan lupa kenalkan dia pada aku."

"Baiklah Ana engkaulah orang pertama nanti yang aku kenalkan dengannya. Bye"

Ana adalah sahabatku sejak dulu lagi, kami sudah lama



KURELAKAN SEGALANYA

berkawan. Dulu, aku masih ingat lagi pada waktu sekolah, ramai lelaki ingin mendekati kami tapi aku buat tidak tahu, inilah aku tak kenal. Lagipun Nordin anak kepada kawan ayah Ana, mereka akan dijodohkan oleh kedua-dua orang tua mereka. Ana setuju sebab katanya Nordin tu lawa.

Semua kawan lakinya dikenalkannya padaku, biasalah suruh aku beri komen. Cuma Nordin ini saja aku tak kenal. Entahlah mungkin kami jarang berjumpa akhir-akhir ini, sebab itulah aku tak kenal. Lagipun Nordin anak kepada kawan ayah Ana, mereka akan dijodohkan oleh kedua-dua orang tua mereka. Ana setuju sebab katanya Nordin tu lawa.

Aku teringatkan Azlan mungkin dia sudah lama menunggu. Aku terlambat setengah jam daripada yang dijanjikan. Aku harap Azlan masih di situ.

Setiba saja di taman, matakutaku terus melihat di sekeliling, tiba-tiba kedengaran suara memanggil namaku, aku pastikan itu suara Azlan. Kucari dari mana datangnya suara itu.

Azlan berada di sebuah pondok di sebelah sana yang tidak ada ramai orang. Hatiku berdebar, semakin aku hampir semakin kuat lagi hatiku berdebar.

Berdepanlah aku dengannya.

"Assalamualaikum Azlan," pembuka kata dariku.

"Walaikumsalam," balas Azlan. Kami bersalam-salaman.

"Sejuk tangan kau Wati, mengapa ni! Kau takut denganku, aku tak makan orang sama macam kau makan nasi."

Aku tersenyum mendengar kata-kata Azlan.

"Apalah Azlan ni ke situ pula," balasku manja.

Pandangannya tertumpu padaku, dia memegang erat tanganku. Hatiku kembali berdebar, mukaku menjadi merah kerana malu, lemah rasanya seluruh badan ini.

"Wati kau sungguh cantik, tak kusangka kau secantik ini."

Perbualan kami semakin rancak, maluku semakin hilang mungkin kami sudah biasa berbual melalui telefon. Aku cuma ingin menanyakan latar belakang Azlan tapi tak berkesempatan, Azlan terlalu asyik dengan ceritanya lalu kubiarkan saja.

"Lan hari sudah senja kita balik dulu," ajakku.

"Baiklah tuan puteri, apa kata aku hantar kau balik boleh

kan?"

Aku hanya tersenyum menandakan bersetuju dengan cadangannya sebab itu juga yang kuantikan.

Dalam perjalanan pulang aku biarkan tangan Azlan memegang erat tanganku. Ingin saja kutatap wajahnya tapi apakan daya aku malu untuk berbuat begitu, kalau boleh aku ingin lama di sampingnya. Dalam ketika itu sempat juga aku melamun di sisinya.

"Wati Wati" Namaku disebut beberapa kali.

"Kenapa ni, apa yang kau fikirkan itu Wati sudah sampai depan rumah ni, tak nak turun. Wati nak ikut Azlan balik boleh apa salahnya, kalau Wati sudi Azlan lagi sudi."

Aku tersenyum menahan malu.

"Terima kasih Lan hantar Wati balik jangan lupa telefon Wati esok."

"Baiklah sayang Lan akan telefon esok, tidur awal ye ... jaga-jaga masuk rumah tu nanti jatuh."

Sejak Azlan memanggil aku sayang, aku tidak dapat menahan rinduku padanya, rasanya ingin kubertemu dengannya se-

lalu tetapi kesibukannya membuatkan kami jarang bertemu. Dia insan yang pertama yang berjaya mencuri hatiku.

Hari berlalu begitu pantas. Hubunganku dengan Azlan semakin mesra, kini Azlan telah menjadi kawan lakiku sudah hampir sembilan bulan. Aku masih ingat lagi waktu dia melamar aku menjadi 'girl friend-nya' dalam suasana yang penuh romantik.

"Sayang sudikah kau menjadi kekasihku," sambil dipegang erat tanganku matanya menatapku dengan seribu harapan, tatapan matanya membuatkan aku menjadi lemah.

"Sudikah engkau sayang?" Tanyanya lagi.

"Wati sudi." Balasku.

Azlan mencium dahiku, dipeluknya aku dengan erat, aku dapat rasakan Azlan terlalu gembira dengan jawapanku itu.

Itulah hari yang tidak dapat kulupakan. Ia merupakan hari yang penuh kegembiraan pada diriku.

Bulan depan Ana menjemput aku ke rumahnya, katanya

PUISI PUISI PUISI PUISI

KESETIAAN

*Kekal karar sumpah setia janji rakyat
bersatu padu menuju ke arah alaf baru
siap siaga wawasan masa depan negara
maju ke hadapan berdiri teguh kukuh
mendukung pemimpin yang adil bijaksana
di bawah naungan lindungan payung mahkota.*

*Pembangunan luas berkembang hasil negara
pertumbuhan ekonomi pesat sumber utama
di persekitaran merata-merata tempat di ibu negara
megah memuncak tinggi mencakar langit yang indah
lambang kebanggaan, kemerdekaan, kedaulatan negara
mahir berinformasi dalam profesionalisme.*

*Falsafah MIB keharmonian rakyat
adil saksama aman sejahtera jentera penggerak utama
kesetiaan rakyat kekal abadi pimpinan raja mulia
berganding bahu memikul kepentingan negara
harapan rakyat negara aman makmur sentiasa.*

Basirah HB

DALAM WANGIAN KASIH

*Kelelahan kita semakin parah
titik pertemuan menjadi tentangan
yang bakal menempuh belantara hidup
tiada siapa mahu beralah
mengatasi kekejaman mencari kedamaian.*

*Setiap pembicaraan tanpa persatuan
kejujuran mati di mata hati
dalam kebodohan manusia bermuka dua
kehidupan nanti atas mayat bergelimpangan.*

*Hati ini tak payah bertanya
nadi berdenyut dalam gegaran alam
jantung berdetik dalam wangkan kasih
ketuaan dunia akan tenggelam juga.*

*Ingatkah pada musim kematian
bahawa perantau asing masih kelaparan
kembara rebah di perjalanan
hanya kesejahteraan pembawa terang.*

DARI KAMAR KEHIDUPAN

*Dari kamar hidupku yang sempit
kulepaskan pandangan
merenung angkasa yang rancak berbicara
menentukan corak kehidupan.*

*Aku mengerti kini
melalui jendela, mata dan hati
kulepaskan pandangan
merenung awan mendung yang tersedu-sedu
mencari kebahagiaan hidup.*

*Aku berlari mendakap sebuah kepastian
apakah itu panorama kehidupan hakiki
dengan mata yang layu
sendu menggoncang dada.*

Alwi. S.M

Dari muka 12

ia akan bertunang dengan Nordin, akhirnya sampai juga hajat kau Ana.

Sayang juga kau dengannya, aku mesti datang, ingin juga aku nak lihat bakal tunangnya dapat juga aku kenalkan Azlan padanya. Nak buat surprise.

Hari yang bermakna buat Ana sudah tiba. Aku ingin datang bersama Azlan tapi dia kata sibuk ada urusan penting jadi aku datang seorang saja.

Aku datang lambat sebab ada pergilah masuk sudah lama dia menunggu kau."

"Makcik Ana mana?" Tanyaku kepada emaknya.

"Dia ada dalam biliknya, kau pergilah masuk sudah lama dia menunggu kau."

"Hai Ana kau nampak cantik hari ini, apa tidaknya orang tersayang nak jadi tunang," ejekku kepadanya.

"Ha Wati kenapa datang lambat, kau datang seorang! Aku sudah lama menunggu, kufikir tak nak datang."

"Maaf Ana ada kemalangan jalan raya. Nordin sudah sampai kah Ana?"

"Belum! Kejap lagi sampai lah tu, mungkin dalam perjalanan."

Tok ... tok ... Pintu bilik diketuk.

"Ana Nordin sudah sampai, bersiaplah."

Aku mengiringi Ana keluar bilik, kulihat wajah Ana berseri-seri aku dapat rasakan betapa gembiranya dia. Aku teringatkan Azlan mungkinkah dapat aku rasakan seperti Ana rasakan sekarang.

Setiba saja di ruang di mana ramai tetamu menunggu kedatangan Ana, ramai yang terpegun melihat kecantikannya. Ana memakai baju gaun yang begitu cantik dengan hiasan dan dandanan pada dirinya. Suasana di rumah Ana begitu meriah sekali.

"Ana yang mana satu bakal tunang kau, di mana dia, terlalu ramai orang."

"Alah ... Wati lelaki yang berdiri di sebelah sana tu yang asyik bercerita itu, jom aku kenalkan pada kau."

"Nordin ..." Ana memanggilnya, lalu Nordin menoleh.

Rasa lemah saja seluruh badan ini apabila ia menoleh. Rupa-rupanya tunang Ana ialah Azlan, patutlah bila aku ajak dia katanya ada urusan penting. Ingin rasanya aku menangis tapi apakan daya orang ramai, apatah lagi di depan Ana sahabatku yang kini telah menjadi tunangnya.

Azlan menghampiri kami, wajahnya berubah mungkin dia tidak menyangka aku berada di sana dan di samping Ana.

"Nordin kenalkan ini sahabat Ana, Wati Sarmilawati. Ana rasa Nordin tentu tahu orang yang selalu Ana ceritakan inilah dia orangnya."

Kami bersalaman bakaikan

tak kenal antara satu sama lain.

Kutatap wajahnya begitu juga dengan Azlan. Ingin rasanya tangan ini hinggap di pipinya. Selama sembilan bulan aku tertipu oleh kata-kata dan pujuk rayunya.

"Ana aku balik dulu."

"Kenapa ni Wati kan upa-cara ni belum habis, kau tunggulah sehingga Nordin sarungkan cincin ke jari aku, takkanlah kau tak ingin lihat. Tolong, Wati."

Aku mengikut saja kata Ana. Tak ingin aku menghampakan permintaannya itu. Jadi terpaksa juga aku tunggu kerana dialah satu-satunya sahabatku.

Kini tibalah masa untuk menyarungkan cincin. Azlan menyarungkan cincin ke jari Ana. Sempat juga Azlan menoleh padaku. Aku cuba tabahkan hati, orang yang kusayang dan kuanggap jujur dan ikhlas terhadapku telah bertunang dengan sahabatku sendiri. Aku tak sanggup lagi melihatnya, lalu kumeluru ke luar dan terus pulang tanpa memberitahu Ana.

Setiba saja di rumah, air mataku yang kutahan dari tadi keluar aku tak dapat menahan lagi. Semua barang yang diberikan oleh Azlan kubuang, gambarnya kukoyak tidak ada satu pun yang tertinggal. Aku tak dapat melepaskan mata, hatiku sedih, terlalu sakit hati ini dibuatnya.

Esoknya Ana menelefon aku, Ana tanya mengapa aku balik malam itu tanpa memberitahunya dahulu. Alasanku hanya ingin balik awal tak sedap badan. Ana dipercayai alasanku itu kerana selama ini Ana sememangnya dipercayai aku.

Sejak dari hari itu aku menjadi pendiam dan hanya menghabiskan masa di rumah dan berkurung dalam bilik.

"Wati ... ada orang telefon

"Mudah bagimu melepaskan maaf, tahukah kau betapa hancurnya hati ini hanya Tuhan saja yang tahu."

"Wati aku disuruh bertunang oleh kedua-dua orang tua-ku, Ana adalah orang pilihan mereka, aku hanya mencintai kau."

"Begitu tajam mulutmu Azlan, kau kata mencintai aku, dasar lelaki tidak cukup pada yang satu."

"Wati sampai hatimu berkata begitu."

"Ana memang sudah menjadi tunangku sekarang, tapi hatiku tak pernah kuserahkan padanya. Aku hanya mencintaimu, selama ini aku tak pernah mencintainya. Aku hanya mengikut kehendak kedua-dua orang tua-ku. Tak terdaya aku menghalangnya. Aku tak berniat menipu dirimu."

"Sebab itulah kau curang padanya. Kau tahu betapa setianya Ana padamu! Aku faham benar dengan sikapnya, dia sahabatku sejak dulu lagi."

"Aku tahu Wati, Ana selalu ceritakan pasal dirinya padaku. Aku banyak tahu tentang dirimu dengannya, kalau tidak aku tidak akan mengenal dirimu. Aku tidak berbohong padamu. Nama sebenarku ialah NORDIN AZLANI."

"Cukup Azlan! Aku tidak mahu dengar apa-apa lagi. Sampai sini saja perhubungan kita berdua. Aku tak ingin kehilangannya dialah satu-satunya sahabatku. Aku harap kau faham, sayangilah dia sebaik-baiknya. Jangan kau ganggu aku lagi."

Tup ... telefon kuhempaskan sekuat hatiku. Walaupun perit untukku terima namun kutabahkan hati ini, air mataku keluar mengenang nasibku.

Hari demi hari sedikit sebanyak aku sudah dapat melupakan peristiwa itu. Aku menerima kad jemputan bahawa Ana dan Azlan akan berkahwin

"CUKUP Azlan! Aku tidak mahu dengar apa-apa lagi. Sampai sini saja perhubungan kita berdua. Aku tak ingin kehilangannya dialah satu-satunya sahabatku. Aku harap kau faham, sayangilah dia sebaik-baiknya. Jangan kau ganggu aku lagi."

kau," emak memberitahuku. Aku angkat telefon di bilikku.

"Hello."

"Hello Wati ..."

"Azlan apa lagi yang kau mahu. Tak puaskah lagi kau menipu diriku." Air mataku keluar bercucuran.

"Wati dengar dulu penje-lasan aku."

"Apa lagi nak kau jelaskan Azlan. Kini kau sudah menjadi tunang orang."

"Maafkan aku Wati aku tak berdaya." Dalihnya.

minggu ini.

Aku tak ingin datang ke majlis perkahwinan mereka, sakit hati ini bila melihat Azlan, tapi aku tabahkan hati. Aku tak ingin Ana kecewa kerana hari itulah hari yang penuh bermakna baginya.

Tibalah hari perkahwinan mereka, aku lihat Ana sungguh gembira di samping Azlan. Walaupun harapanku tak disampaikan dengannya, kudoa-kan semoga mereka hidup bahagia selamanya dan kuharap Azlan tidak akan menceritakan hal aku dengannya.



سنتياسا برسام بيسكيتا
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

RABU 7 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : FERDY/ZIRKOS KIDS
5.00	JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.45	BERITA
5.55	AKSI SI MO MO - Ulangan
6.33	AZAN MAGHRIB
6.37	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	FLORIST JEJARI HIJAU - Ulangan
7.44	AZAN ISYAK
7.47	FLORIST JEJARI HIJAU - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.10	DRAMA CO PRODUCTION: DANG AYANG
9.40	MODERN MANAGEMENT
10.00	NEWS AT 10
10.30	MODERN MANAGEMENT - Sambungan
11.00	MARTIAL LAW - 'Honor Among Strangers'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 8 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/BEAST WARS
5.00	MANSION : GREAT HOUSE OF EUROPE
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI
6.20	DARI MAHKAMAH KADI
6.33	AZAN MAGHRIB
6.38	AL-QURAN
6.45	DARI MAHKAMAH KADI - Sambungan

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.44	AZAN ISYAK
7.50	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50	DRAMA: LAILA LILI PUTIH
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10-50	WAYANG PILIHAN - 'Missing In Action 2: The Beginning'
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 9 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	TRAP TRIP
11.30	BERITA
11.40	THE GUERRILLA GARDENER
12.15	DISCOVER ISLAM: KHAMEES ABDULLA
12.30	SEBHAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Asian Connection: Road To Mandalay'
3.56	AZAN ASAR
4.01	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON: THE THIRD DIMENSION/TAMAN KANCIL
5.30	SYIAR MASJID
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID - Sambungan
6.10	UNDERSEA EXPLORER - 'Shark Frenzy'
6.33	AZAN MAGHRIB
6.37	UNDERSEA EXPLORER - Sambungan
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	RITMA
7.44	AZAN ISYAK
7.50	RITMA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB: PERTEMBUNGAN
9.30	FIT FOR THE WILD
10.00	ADAPTED TO AFRICA
10.30	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT

11.45	TELEDRAMA- 'Kunang-Kunang'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 10 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/ALIF
10.55	LITTLE STAR
11.20	RITMA - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	RITMA - Sambungan
12.00	ON LINE
12.30	DOKUMENTARI
12.36	AZAN ZUHUR
12.41	DOKUMENTARI : - Sambungan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'A Day In A Life'
2.40	TINJAUAN - Ulangan
3.10	FROM THE EARTH TO THE MOON - 'More Transquillitas'
3.57	AZAN ASAR
4.01	TOYOTA WORLD OF WILD - 'Outside And Inside'
4.30	ANIMATION HOUR : GROUNDLING MARSH/ TUAH
5.15	RAK SI MO MO
5.45	BERITA
5.55	DRAMA RTB - PERTEMBUNGAN - Ulangan
6.25	BIMBINGAN MUKMIN
6.33	AZAN MAGHRIB
6.40	BIMBINGAN MUKMIN - Sambungan

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	UNEARTHED - Siri Baru
7.44	AZAN ISYAK
7.50	UNEARTHED - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	VARIASENI
9.50	TAYANGAN GAMBAR - 'Octagon'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 11 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'The Last Winter'
12.36	AZAN ZUHUR
12.41	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30	GEMA TV - Siaran Langsung
3.00	PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTB/TVRI
3.30	RIMALOKA - Ulangan
3.56	AZAN ASAR
4.05	RAILWAY ADVENTURES ACROSS EUROPE - 'Shore To Summit'
4.35	NEW WOODY WOODPECKER
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.34	AZAN MAGHRIB
6.37	AL-QURAN

MALAM

7.00	PINTAR-PINTAR - Ulangan
7.45	AZAN ISYAK
7.50	PINTAR-PINTAR - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Sintom Terlajak'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	CODE NAME: - ETERNITY - 'Making Love'
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 12 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION - 'Maria Nirabela'
5.00	MEKAR
5.15	WILD ASIA: NATURAL HISTORY OF NEW ZEALAND

5.45	BERITA
6.25	WILD ASIA: NATURAL HISTORY OF NEW ZEALAND - Sambungan
6.34	AZAN MAGHRIB
6.38	AL-QURAN
6.40	THAHARAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	PERSPECTIVE
7.45	AZAN ISYAK
7.50	PERSPECTIVE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	ERTI KEMERDEKAAN
9.05	DRAMA CO PRODUCTION: UDANG GALAH LIMAU MANIS
9.35	ALUNAN GEMALAI
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 13 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DRAGON TALES/ MONSTER BY MISTAKE
5.00	ECHO CHALLENGE
5.45	BERITA
5.55	ECHO CHALLENGE - Sambungan
6.00	DRAMA CO PRODUCTION - AZAM Ulangan
6.34	AZAN MAGHRIB
6.38	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Spirit'
7.25	DOKUMENTARI: DESTINASI
7.45	AZAN ISYAK
7.50	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	ERTI KEMERDEKAAN
9.05	TINJAUAN
9.25	E.R - 'Masquerade'
10.00	NEWS AT 10
10.30	E.R - Sambungan
10.45	SNOOPS - 'Slipped Disc'
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali menyampaikan cenderamata kepada salah seorang pemimpin Pengakap Kelana Maktab SOAS Kumpulan 1024 sejour melancarkan penubuhan pengakap tersebut. - Gambar oleh Amat HM.

Pengakap disaran taati arahan pemimpin

BERAKAS, 20 Januari. - Anggota Pengakap 1024 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (MSOAS) disarankan agar sentiasa mentaati setiap arahan ketua, di samping mempunyai

Oleh
Haji Ahat HI

sikap yakin dan percaya kepada prinsip berpengakap.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali berkata, dengan mentaati ketua dan yakin terhadap kebolehan diri sendiri, akan menjadikan seseorang pengakap itu maju dan berjaya.

"Jangan kira siapa yang dilantik sebagai pemimpin. Kita mesti patuh kepadanya. Ikut segala arahnya dan hormatilah dia sebagai pemimpin," terang Yang Dimuliakan ketika berucap melancarkan penubuhan Pengakap Kelana Maktab SOAS Kumpulan 1024.

"Sebagai anggota pengakap kita seharusnya mematuhi segala arahnya. Kita juga satu hari nanti akan jadi pemimpin dan jika sekiranya kita tidak

menghormati pemimpin itu, apatah rasanya jika kita menjadi pemimpin dan tidak pula dihormati? Segalanya akan jadi kucar-kacir," tambah Yang Dimuliakan.

Sehubungan itu Yang Dimuliakan menegaskan, anggota pengakap perlu taat kepada pemimpin dan sentiasa mempunyai keazaman untuk mencapai kemajuan selain disiplin setiap masa tanpa mengira siapa yang menjadi pemimpin.

Yang Dimuliakan yang juga selaku Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam selanjutnya menyatakan, keazaman untuk mencapai kemajuan itu juga perlu disokong dengan disiplin yang kuat dalam diri masing-masing.

"Sikap dan semangat beginilah yang dikehendaki serta mengikuti apa saja perintah atau arahan dari Scout Master pada bila-bila masa," ujar Yang Dimuliakan.

Ibu bapa bertanggungjawab melindungi kanak-kanak

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Januari. - Ibu bapa atau keluarga bertanggungjawab mengasuh, mendidik, menyediakan kebajikan dan perlindungan ke atas diri kanak-kanak kerana mereka adalah merupakan aset kepada keluarga tersebut dan lebih jauh lagi mereka juga aset kepada sesebuah negara itu.

Sikap ibu bapa atau keluarga dan masyarakat yang kurang prihatin, kurang menyedari sepenuhnya akan tanggungjawab mereka dalam memberikan pendidikan yang sempurna dan perlindungan dan penjagaan ke atas kanak-kanak sehingga ada setengahnya tergamak menganiaya dan melakukan penderaan ke atas kanak-kanak di negara ini adalah suatu perbuatan yang keji dan tidak ada perikemanusiaan langsung.

Perkara ini adalah di antara yang telah menjadi topik perbincangan dalam Majlis Forum Mengenai Perintah Kanak-Kanak 2000 dan Forum Mengenai Laporan Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Majlis forum itu telah dipengerusikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Haji Omar dan disertai oleh lima orang ahli panel yang dijemput khas dari pelbagai agensi kerajaan yang memberikan tumpuan ke atas kes kanak-kanak di negara ini.

Naib Canselor UBD, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon adalah salah seorang ahli panel forum telah memberikan pandangananya dari sudut Islam.

Menurutnya, Al-Quran dan Hadis sudah sekian lama memberikan pengiktirafan kepada hak asasi kanak-kanak

Oleh Aliddin HM

yang disifatkan sebagai aset kepada keluarga, tambahan pula anak-anak itu adalah amanah Allah kepada ibu bapanya atau keluarga anak itu sendiri.

Ibu bapa jelasnya, selaku pemegang amanah tersebut wajib memastikan yang anak-anak mereka mendapat didikan yang sempurna dan berfaedah untuk dunia dan akhirat.

Beliau menambah, Allah Subhanahu Wataala telah memberi tazkirah (peringatan) dalam Surah Al-Tahrim ayat 6 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka."

Dalam konteks ini katanya, anak-anak juga boleh mengheret kita ke Syurga atau Neraka jika kita betul-betul menjalankan dan melaksanakan apa yang dituntut oleh Islam. Begitu juga sebaliknya jika kita cuai dan lalai akan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah kepada kita.

Kanak-kanak perlu dan berhak diberikan perlindungan dan penjagaan daripada sebarang perbuatan penderaan atau penganiayaan. Dr. Lim Meng Kheng, Pakar Kanak-kanak di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mengulas beberapa kes penderaan kanak-kanak dan mengingatkan kepada masyarakat tentang peranan mereka dalam membantu mencegah kanak-kanak daripada dianiaya dan dipukul.

Beliau juga meminta orang ramai agar melaporkan sebarang kejadian penderaan kanak-kanak kepada pihak berkuasa.

Ketua Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajjah

Zaleha menjelaskan bahawa di negara ini kita masih beruntung kerana kerajaan memberi perhatian berat ke atas hal-ehwal kebajikan, pendidikan, kesihatan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang terbiar di negara ini.

Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berkata bahawa mendidik kanak-kanak itu tanggungjawab kita semua bukannya tertumpu kepada guru yang mengajarnya di sekolah.

Tambahnya, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang di

perkenalkan di setiap sekolah sekurang-kurangnya boleh membimbing kanak-kanak daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Pengiran Hajjah Zabaidah, Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan, memberikan penjelasan dari segi undang-undang di negara ini yang antara lain menerangkan mengenai Perintah Kanak-Kanak 2000 itu yang telah digubal bagi menjamin keselamatan dan melindungi diri kanak-kanak daripada penderaan dan penganiayaan.



FORUM Mengenai Perintah Kanak-Kanak 2000 dan Mengenai Laporan Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak dipengerusikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

45 anggota ABDB tunaikan rukun Islam

BERAKAS GARISON, 26 Januari. - Sejumlah 45 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan menunaikan rukun Islam yang kelima, fardu haji di Mekah tahun ini.

Bakal-bakal jemaah itu telah membuat pelbagai persiapan bagi menunaikan ibadah tersebut termasuk kursus-kursus asas rohani dan jasmani manakala Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran untuk

mereka juga telah dilangsungkan di Surau Berakas Garrison.

Atur cara majlis termasuklah bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan ucapan nasihat dari Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Sahri bin Ahmad yang juga menyampaikan sumbangan derma serta cenderahati kepada bakal-bakal haji ABDB.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

BAFA rancang liga kebangsaan



BERSIDANG Ahli-ahli Majlis BAFU mengadakan sidang Mesyuarat Agung bagi melantik Ahli-ahli Majlis BAFU yang akan menerajui hala tuju BAFU bagi sesi 2001 - 2003. - Gambar Haji Masmaleh HMA.

Oleh Haji Ahat Haji Ismail

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFU) merancang untuk menganjurkan semula Kejohanan Liga Bola Sepak Kebangsaan (National League).

Perkara itu kata Yang Berhormat, masih dalam perancangan dan penyelidikan memandangkan ianya melibatkan bantuan dan kerjasama pihak-pihak tertentu khususnya persatuan-persatuan bola sepak dan pihak swasta.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat, liga-liga kebangsaan yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Daerah yang berakhir dengan peringkat kebangsaan telah berjaya diadakan.

Menyatakan perkara itu di Mesyuarat Agung BAFU 2001 di Hotel L. R. Asma, Jerudong, Yang Berhormat selaku Presiden BAFU menjelaskan bahawa dalam perancangan pembangunan bola sepak BAFU bukan saja menumpukan usaha kepada Pasukan Kebangsaan malah juga membuat perancangan bagi pembangunan peringkat awal termasuk Pasukan Belia.

"BAFU juga membuat perancangan bagi pembangunan bola sepak dari peringkat yang lebih awal selaras dengan pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Pasukan Belia juga diberi perhatian berat kerana inilah harapan kita pada masa akan datang," terang Yang Berhormat.

Selain daripada itu, BAFU menurut Yang Berhormat telah membuat perubahan kepada skim kebajikan bagi pemain-pemain Pasukan Kebangsaan dan dengan penyertaan pemain-pemain import, pemain tempatan juga diberikan elaun-elaun yang setimpal selaras dengan kemampuan BAFU.

"Alhamdulillah, usaha ini telah berjaya dan menjadi perangsang kepada pemain-pemain tempatan untuk lebih 'committed' dan hasilnya telah pun dapat kita saksikan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menyatakan, BAFU dari masa ke semasa juga menyertai kejohanan-kejohanan bola sepak anjuran Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Persatuan Bola Sepak Asia (AFC), Persatuan Bola Sepak ASEAN (AFF) dan bukan hanya tertumpu bagi pasukan senior, tetapi juga pasukan belia.

Dalam kancas Liga Perdana Malaysia dan Piala Malaysia, Yang Berhormat berkata, orang ramai sering mengukur pencapaian daripada keputusan kejohanan tersebut memandangkan sebahagian besar tumpuan kepada kejohanan tersebut.

Namun demikian, Yang Berhormat menjelaskan, Pasukan

Kebangsaan juga terlibat dengan kejohanan yang lebih besar seperti menyertai pusingan kelayakan Piala Dunia dan Piala Asia.

"Mudah-mudahan dengan penglibatan ini, Pasukan Kebangsaan dan sukan bola sepak tanah air akan lebih menyerlah pada masa-masa akan datang," kata Yang Berhormat.

Mengenai kejayaan Pasukan Kebangsaan menjuarai Piala Malaysia 1999 yang lalu, Yang Berhormat menyatakan bahawa kejayaan tersebut adalah berkat ketabahan dan keazaman semua pihak termasuk para penyokong setia pasukan negara.

Dalam meningkatkan kemahiran mentadbir dan mengurus pula, ahli-ahli gabungan BAFU menurut Yang Berhormat, telah berkesempatan menghadiri beberapa kursus pentadbiran, kejuruteraan dan pengadilan.

Menyentuh mesyuarat agung serta perantukan Jawatankuasa Tertinggi BAFU, Yang Berhormat berharap, mereka yang dilantik akan dapat menunaikan tanggungjawab serta memperjuangkan kepentingan terbaik bola sepak di negara ini.

Ahli-ahli baru dan muda jelas Yang Berhormat, akan lebih aktif dan mempunyai idea-idea baru demi meningkatkan lagi imej BAFU, manakala ahli-ahli gabungan juga akan dapat memainkan peranan proaktif dalam mengembangkannya bola sepak negara.



AH United (jersi cerah) mencatatkan kemenangan di perlawanan pembukaan Piala HMYC 2001 menundukkan Sengkang F.C. 1 - 0. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Empat muka baru dilantik

EMPAT muka baru yang terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Hakeem, Awang Haji Mohd. Shukri bin Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Cikgu Saidin bin Haji Alim dan Awang Haji Mohd. Saupi telah dilantik menduduki kerusi Ahli Majlis Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFU) bagi musim 2001 - 2003.



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Hakeem dilantik menduduki jawatan Naib Presiden I BAFU.

Perlantikan empat anggota baru itu dipilih oleh Ahli-ahli Gabungan BAFU dalam sidang Mesyuarat Agung BAFU 2001 - 2003 yang dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, selaku Presiden BAFU.

Di mesyuarat itu juga, Yang Berhormat sebulat suara disokong mengekalkan teraju jawatan Presiden BAFU bagi tempoh 2001 - 2003.

Bagi jawatan empat muka baru itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Hakeem dilantik menduduki jawatan Naib Presiden I; Awang Haji Mohd. Shukri dilantik menduduki jawatan Timbalan Setiausaha Agung; Cikgu Saidin bin Haji Alim dilantik Setiausaha Perlawanan (jawatan baru) dan Awang Haji Mohd. Saupi menganggotai Ahli Jawatankuasa Kerja.

Pengiran Haji Ali Hassan bersama Awang Haji Alidon kekal menduduki jawatan Naib Presiden, manakala bekas Bendahari Agung, Pengiran Haji Mohd. Yusof dinaikkan pangkat ke Naib Presiden.

Setiausaha Agung, Pengiran Haji Metussin dan Pendaftaran, Awang Haji Abdul Razak juga dilantik mengekalkan jawatan masing-masing, manakala jawatan Bendahari Agung pula akan diputuskan perantukannya oleh Ahli Majlis BAFU.

Sementara itu, enam orang Ahli Jawatankuasa Kerja yang lalu juga telah dilantik semula menduduki jawatan tersebut bersama empat orang wakil daripada Persatuan-persatuan Bola Sepak Daerah dan Wakil Persatuan Pengadilan.

AH United tundukkan Sengkang F.C. 1 - 0

AH United mencatatkan kemenangan pertama pada hari pembukaan Kejohanan Bola Sepak Piala Haji Mohd. Yusof Mohd. Daud (HMYC 2001) apabila menundukkan tuan rumah Sengkang F.C. 1 - 0 di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Hassanali Bolkiah, Berakas.

Jaringan kemenangan itu diperolehi di perlawanan separuh masa kedua melalui sepakan penalti yang dilakukan oleh Awangk Salluhuddin Pengiran Haji Damit.

Di separuh masa pertama, kedua-dua pasukan gagal menjaringkan sebarang gol meskipun masing-masing telah memperolehi beberapa peluang untuk menjaringkan gol.

Terdahulu sebelum perla-

wanan bermula, acara pembukaan bermula dengan penaja kejohanan diperkenalkan kepada semua pasukan yang menyertai dan diikuti dengan penyerahan piala oleh Awang Haji Mohd. Yusof kepada pengerusi penganjur, Cikgu Saidin bin Haji Alim.

Penaja selanjutnya diberikan penghormatan untuk mencabut undian bagi memulakan perlawanan pembukaan dan selanjutnya melafazkan ucapan perasmian kejohanan.

Menurut penganjur, kejohanan julung kali dianjurkan itu bertujuan untuk meningkatkan mutu permainan bola sepak di negara ini selain menghubungkan ikatan persahabatan serta silaturahmi di kalangan para pemain dan penganjur.



TAHUN 46

BILANGAN 6

RABU 7 FEBRUARI, 2001

1421 رابو 13 ذوالقعدة،

PERCUMA

**JABATAN RADIO DAN
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : RTB/04/01 : Tajuk Tawaran : REPAIR, REFURBISHMENT AND SAFETY MAINTENANCE OF STUDIO LIGHTING HOISTS.
Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan).
Tarikh tutup : 5 Mac, 2001.

Syarat-syarat tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, ejen-ejen dan pengedar-pengedar bagi tawaran-tawaran tersebut.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8810, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan).
3. Pembayaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.
4. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong. Bagaimanapun bilangan nombor rujukan tawaran (tender reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
5. Tarikh tutup tawaran ialah hari **Isnin 5 Mac, 2001** jam 2.00 petang.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beramat seperti di atas.
7. Bagi pembekalan barang daripada syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, barang tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Radio Televisyen Brunei daripada pihak pembekal atau pembuat luar negeri, oleh yang demikian mestilah memasukkan cukai import (jika dikenakan cukai).
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**KEMENTERIAN KESIHATAN****Syarat-Syarat Tawaran :**

- 1) Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dilampirkan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8710
- Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau kat-alog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam dokumen tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 26 Februari, 2001 jam 2.00 petang.
 - DOKB/02/2001 - MENINGGIKAN TARAF JALAN TANAH TUMPANG SEMENTARA TOL TERSUSUN KAMPONG SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT.
 - DOKB/03/2001 - MEMBINA BARU 1 BATANG JALAN KECIL DI KAMPONG SUNGAI TERABAN, MUKIM KUALA BELAIT.
 - DOKB/04/2001 - MENINGGIKAN TARAF JALAN TANAH TUMPANG SEMENTARA TOL TERSUSUN KAMPONG LUMUT, MUKIM SUNGAI LIANG.
 - DOKB/05/2001 - MENINGGIKAN TARAF JALAN SINGAP, MUKIM BUKIT SAWAT.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sarung surat yang tertutup dengan rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantarkan kepada alamat di para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah didapati di Bahagian Teknikal, Pejabat Daerah Belait semasa waktu bekerja.
- Cagaran bagi DOKB/02/2001 - \$100.00; DOKB/03/2001 - \$100.00; DOKB/04/2001 - \$100.00; DOKB/05/2001 - \$100.00.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran dengan jujur (bona-fide tender).
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- BILANGAN TAWARAN : JPB/1/2001 - MEMBEKALKAN BARANG-BARANG MAKANAN BAGI CATUAN PUSAT PEMULIHAN DADAH RUMAH AL-ISLAH MUARA.
- BILANGAN TAWARAN : JPB/2/2001 - MEMBEKALKAN BARANG-BARANG MAKANAN BAGI CATUAN PUSAT PEMULIHAN BAHAN-BAHAN YANG MENGHAVALKAN MUARA.
- BILANGAN TAWARAN : JPB/3/2001 - MEMBEKALKAN BARANG-BARANG MAKANAN BAGI CATUAN PENJARA JERUDONG.

Syarat-Syarat Tawaran :

- Keterangan lanjut dan borang mengenai dengan tawaran bolehlah diperoleh dari Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.
- Mutu barang-barang yang dibekalkan mestilah memuaskan hati Pengarah Penjara, Negara Brunei Darussalam. Jika barang-barang itu tidak memuaskan, maka hanya akan dikembalikan kepada Pemborong dan diganti dengan yang baru atau yang lebih baik dengan harga yang sama.
- Kontrak ini bolehlah diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.
- Semua barang makanan mestilah sampai di Pusat Pemulihan Dadah



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 26 Februari, 2001 jam 2.00 petang.
 - Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (specification) bagi kenderaan tersebut bolehlah diperoleh dari Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait pada bila-bila masa waktu bekerja.
 - Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam dua salinan dalam sampul surat yang bertutup dan beriak (sealed) dan ditulis dengan a) bilangan & tajuk tawaran dan b) tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar seperti alamat di para (1) di atas.
 - Penawar/pemender yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) jenis kenderaan yang ditawarkan berserta dengan butir-butir berikut.
 - Tempoh lama pembekalan setelah menerima pesanan (Inden).
 - Harga C.I.F. Brunei termasuk cukai.
 - Lama dalam jaminan.
 - Hal-hal lain jika ada.
 - Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan diatas tidak akan dilayan.
 - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.
- Bilangan Tawaran : JDB/T/01/2001 : MEMBEKAL SATU (1) UNIT BAS. Cagaran : \$100.00.



JABATAN IMIGRESAN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : IMMB/2/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk menghantar tawaran-tawaran membekal lebih kurang 600 Pasang Bagi Kasut Kulit Berwarna Hitam berbagai-bagai saiz untuk Pegawai Imigresen lelaki dan perempuan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam bagi semua peringkat sepanjang tahun 2001 - 2002.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 19 Februari, 2001 jam 2.00 petang.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang bertutup, ditulis dengan alamat dan nama tawaran : TAWARAN MEMBEKAL KASUT PEKAWAI IMIGRESAN LELAKI DAN PEREMPUAN JABATAN IMIGRESAN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan identiti pemohon.
- Wang taruhan/deposit hendaklah dibayar ke Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Bandar Seri Begawan sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit).
- Pemohon yang berjaya akan menjalankan perkhidmatan dalam tempoh 2 tahun mulai dari tarikh syarat-syarat perkhidmatan dipersetujui.
- Penerangan lanjut atau syarat-syarat tawaran mengenai perkara ini boleh diperoleh daripada Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, di Bahagian Pentadbiran/Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

Rumah Al-Islah, Pusat Pemulihan Bahan-Bahan Yang Menghidayalkan Muara dan di Penjara Jerudong tidak lewat jam 7.30 pagi pada tiap-tiap hari.

- Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Pamiagaan, surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara di Bangunan Islamic Bank of Brunei (IBB), Tingkat 8, Bandar Seri Begawan dan ditujukan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup bagi kesemua tawaran tersebut ialah pada hari Isnin 28 Februari, 2001 jam 2.00 petang.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tawaran diatas adalah sebanyak sepuluh ringgit (\$10.00) dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (tidak dikembalikan). Bayaran ini hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penjara pada waktu-waktu berikut : Isnin-Khamis jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 1.30 petang hingga 2.30 petang. Manakala hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah ataupun lain-lain tawaran.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

No. 47/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Mohiddin bin Dulamait @ Haji Mardin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajah Nizam binti Laksamana Bugal yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 78/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Lim Hong Muat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Lim Kian Seng yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 79/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah Seifiah binti Haji Ibrahim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hulu Balang Asgar Haji Mohammad Almyer bin Abdullah @ Anil bin Pili yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

No. 98/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Md. Jas bin Nangkak kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Nangkak bin Burut yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 107/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Ghani bin Haji Moktar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Moktar bin Ibrahim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 111/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mohammad bin Haji Gemok kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajah Sapiah binti Hashim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 134/2000

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Jamil bin Nayan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Nayan bin Pakar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 08/2001 (A)

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Tiah Enn Toh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Tiah Tian Tong yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

No. 8/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah Dayang Noriah binti Awang Besar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Asmat bin Garing yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas. Sesapa yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/X/3014 : TYRE 1400 - 20 - XL (RENAULT). Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Y/3001 : UPGRADE BLASTING ROOM FACILITY EXTRACTION SYSTEM. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/83 VOL III : SERVICES AND MAINTENANCE OF LIFERAFTS AND LIFE JACKETS (KONTRAK 3 TAHUN). Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 26 Februari, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 26 Februari, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.
- Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau kat-alog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran Jabatan Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.

**DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET KUALA BELAIT**

SAMAN BIL : 38/2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ... Plaintiff

DAN

NOOR AS'SIAHWATI BINTI HAJI AKOP ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Noor As'siahwati binti Haji Akop, Blik 2, Room 5, Berek Polis Panaga, Seria KB 4533, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Plaintiff bagi wang sebanyak \$211.72 iaitu jumlah terhutang oleh kamu pada Plaintiff bagi bayaran telefon dan kos dan satu perintah telah dibuat bahawa penyiaran bagi memasukkan tindakan tersebut di dalam PELITA BRUNEI hendaklah dianggap sebagai penyampalan yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Kuala Belait, pada 28 Februari, 2001 jam 2.15 petang dan pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada 13 Disember, 2000.

Radin Safiee Radin Mas Basiuni - Majistret

SAMAN BIL : 44/2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ... Plaintiff

DAN

LEE HEE MIN ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Lee Hee Min, No. 47, Jalan Badas, Seria KB 2133, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Plaintiff bagi wang sebanyak \$652.71 iaitu jumlah terhutang oleh kamu pada Plaintiff bagi bayaran telefon dan kos dan satu perintah telah dibuat bahawa penyiaran bagi memasukkan tindakan tersebut di dalam PELITA BRUNEI hendaklah dianggap sebagai penyampalan yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Kuala Belait, pada 28 Februari, 2001 jam 2.15 petang dan pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada 9 Oktober, 2000.

Radin Safiee Radin Mas Basiuni - Majistret

Notis Penyampalan Ganti ini dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang dinamakan di atas, yang alamat penyampalannya di Pejabat Peguam Negara, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin 19 Februari, 2001.

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
- Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
- Segala kehendak dalam borang ini mestilah tulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran Kecil, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$100.00 dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.

DAK/SSP/03/2001 - MEMBEKAL DAN MENGANTAR ALAT-ALAT PERKAKAS (MASTER ROLL & INK) UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB KERAJAAN BAGI TEMPOR DUA (2) TAHUN, JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, BAHAGIAN 'B'. \$100.00.

WAKTU-WAKTU MENEMPAH WANG CAGARAN
ISNIN - KHAMIS : 8.00 PAGI - 11.30 PAGI. 1.30 PETANG - 2.30 PETANG.
SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 PAGI.

**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

TAWARAN BAGI KONSULTASI BAGI PENYEDIAAN DERAH AKTA HUTAN DAN PERATURAN HUTAN YANG DIKEMASKINI (JPH/STAW/127)

AKTA Hutan yang sedia ada dan Peraturan-Peraturan Hutan yang berkaitan telah digubal pada tahun 1934. Seperti Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang lainnya, ianya telah melalui beberapa perubahan kecil pada tahun 1984 apabila negara mencapai kemerdekaan.

Akta dan Peraturan-Peraturan yang dimaksudkan telah direvisi oleh pakar penunding pada tahun 1998. Pakar Perunding tersebut telah menghasilkan satu laporan yang menganalisa Akta yang sedia ada dan mengenalpasti kelemahan yang terkandung di dalamnya antara lain seperti status pengurusan hutan yang sedang dipraktikkan sama ada secara domestik dan global. Laporan tersebut juga mengandungi cadangan-cadangan yang akan menjadi asas dalam proses mengemaskinikan Akta tersebut.

TERMS OF REFERENCE UNTUK KONSULTASI

- Menghuraikan dengan cara mendalam isu-isu yang telah dikenalpasti sewaktu membuat rebui terhadap Akta Hutan dan Peraturan-Peraturan Hutan yang sedia ada.
- Membuat perhubungan lanjut dengan pihak-pihak yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam terhadap cadangan-cadangan yang dihidangkan.
- Mengenalpasti dan menghuraikan apa saja isu-isu yang difikirkan bersesuaian dengan proses mengemaskinikan Akta Hutan dan Peraturan-Peraturan Hutan tersebut.
- Menyediakan draf awal undang-undang bagi Akta Hutan dan Peraturan-Peraturan Hutan Negara Brunei Darussalam, dengan memikirkan sama ada perlu untuk membuat undang-undang yang berasaskan bagi pengurusan taman-taman rekreasi hutan dan taman negara;
- Berincang dengan Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam mengenai draf awal undang-undang, dan untuk memasukkan sebarang perubahan-perubahan yang bersesuaian yang mungkin timbul melalui perbincangan tersebut;
- Menghasilkan satu draf akhir bagi Akta Hutan dan Peraturan-Peraturan Hutan Negara Brunei Darussalam yang telah dikemaskini; dan
- Mengadakan kursus latihan bagi kakitangan-kakitangan Jabatan Perhutanan yang bersesuaian melalui bengkel mengenai penterjemahan, implikasi dan pelaksanaan Akta Hutan dan Peraturan-Peraturan Hutan yang telah dikemaskini.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB 3910, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran bagi projek ini bolehlah didapati dari alamat yang tersebut di atas pada waktu-waktu dan hari bertugas biasa dengan membayar yuran sebanyak \$10.00 (Ringgit Brunei Sepuluh Sahaja) setiap set dokumen. Cagaran sebanyak \$200.00 (Ringgit Brunei Dua Ratus Sahaja) juga akan dikenakan bagi setiap tawaran bona-fide yang tidak berjaya sahaja.

Taklimat mengenai projek ini akan diadakan pada hari Isnin 12 Februari, 2001 9.00 pagi di Bilik Rimbawan bertempat di alamat di atas. Kehadiran syarikat-syarikat yang menyertai projek ini adalah sangat penting.

Tarikh tutup untuk menghantar tawaran adalah tidak lewat hari Selasa 20 Februari, 2001 jam 2.00 petang. Kesemua tawaran dan dokumen-dokumen sokongan mestilah dimasukkan di dalam sampul surat yang ditutup rapat dengan hanya menyatakan tajuk projek dan nombor rujukan projek, dan dimasukkan di dalam kotak tawaran yang disediakan di alamat berikut : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/03/2001

Tajuk Tawaran : TAWARAN BAGI MENDAPATKAN SATU (1) UNIT RUANG KEDAI DI PUSAT PERDAGANGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : JKP/03/2001.

Lokasi : Di Pusat Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Jumlah ruang yang ditawarkan : 1 unit ruang kedai.

Sewa setiap bulanan : \$100.00 (Satu Ratus Ringgit Brunei) sebulan.

Keluasan bagi setiap unit : 200 meter persegi.

Tempoh penyewaan : 5 tahun.

Dokumen tawaran : Boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan JPE/JKP, (Jabatan Perkhidmatan Elektrik/Jabatan Kemajuan Perumahan), Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh buka tawaran : 31 Januari, 2001.

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran : 24 Februari, 2001 (Sabtu) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tarikh tutup tawaran : 26 Februari, 2001 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup tawaran : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : \$100.00 (Satu Ratus Ringgit Brunei) tunai - dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya dan yang telah menghantar tawaran yang jujur.

Bayaran Dokumen tawaran dan lukisan : \$15.00 (Lima Belas Ringgit Brunei) tidak dikembalikan kepada penawar.

Waktu pembayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. 1.30 petang hingga 2.30 petang. dan Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Syarat-Syarat Tawaran :

- SEMUA syarikat-syarikat perniagaan Daerah Brunei/Muara untuk memberikan tawaran bagi mendapatkan unit/ruang kedai di Kompleks Perdagangan Kampong Anggerek Desa, seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.
- Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mestilah membawa bersama kad pengenalan asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) sijil pendaftaran syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan jabatan ini.
- Cagaran tawaran dikenakan sebanyak \$100.00 dan akan dikembalikan kepada setiap syarikat yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur. Bayaran dokumen tawaran dikenakan sebanyak \$15.00 dan tidak dikembalikan. Resit pembayaran berserta sijil pendaftaran syarikat hendaklah ditunjukkan kepada Bahagian Pentadbiran Kontrak sebelum borang dan dokumen tawaran dapat diserahkan. Penawar yang telah mengambil dokumen tawaran tetapi gagal untuk menghantar tawaran atau menghantar lewat daripada masa yang ditetapkan atau tersalah alamat maka cagaran tawarannya tidak akan dikembalikan dan menjadi hak kerajaan.
- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan jam yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
- Borang tawaran mestilah diisi dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
- Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair pemadam seperti blanco, Tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran penawar hendaklah menggaris harga yang salah dan mencatat harga betul di atasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan tawarannya dikira tidak sah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup yang telah disediakan oleh jabatan ini tanpa menunjukkan identiti syarikat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang cagaran sebanyak tiga (3) bulan sewa sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan dibenarkan memulakan perniagaan.
- Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran tutup. Bagi mereka yang menarik diri akan dikenakan denda masa (diharamkan mengikuti sebarang tawaran di jabatan ini sehingga tarikh yang dinyatakan) dan wang cagaran (\$100.00) tidak akan dikembalikan.
- Harga tawaran dari penawar adalah bayaran premis bagi kelayakan untuk mendapatkan satu unit ruang perusahan dan tidak termasuk perkara-perkara berikut :
i) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak \$100.00 sebulan.
ii) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak tiga (3) bulan sewa dibayar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani perjanjian kontrak.
- Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau cagaran penyewa dalam tempoh yang telah ditetapkan Jabatan adalah dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda masa iaitu diharamkan dari mengikuti sebarang tawaran di Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.
- Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos perbelanjaan bagi membeli unit kedai yang ditawarkan tersebut dan digalakkan supaya melawat tempat perusahan tersebut untuk memastikan keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki tersebut.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.

**MAKLUMAT JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BILANGAN 343001 - 343100 DAN 343501 - 343600**

BUKU INDEN KERAJAAN

ADALAH dimaklumkan kepada orang ramai, terutama syarikat-syarikat yang membuat pembekalan peralatan pejabat dan alat tulis khususnya kepada pihak Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan bahawa penggunaan Inden-Inden bilangan tersebut telah hilang dan dengan ini tidak sah digunakan dan perakukan.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. JURUTERA KERJA (BILANGAN KOD: 104 02 212) (DI KEMENTERIAN PERTAHANAN) TANGGAGAJI: B3 \$ 3,880 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Kejuruteraan Awam/Struktur/Bangunan/Mekanikal/Elektikal/Arkitek/Juruukur Bahan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Jurutera/Jurutera Awam/Arkitek/Juruukur Bahan dalam tanggagaji B2 EB 3 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun dalam kerja pengawasan dan pengendalian projek-projek kejuruteraan awam, bangunan dan yang berkaitan.
- Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengiktirafan sebagai Jurutera Berkanun dan menjadi ahli penuh kepada Institution of Civil Engineer (ICE), Institute of Chartered Builders (ICOB), Member of Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Architectural Association Final Examination (RIBA Part II) dan yang sebanding dan mempunyai pengetahuan dalam pengendalian Personal Computer (PC).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Mengawal Bahagian Projek (Pengurusan dan Pembahagian Kerja).
- Menyediakan peruntukan tahunan bagi projek jabatan dan Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara.
- Mengawasi perjalanan serta mengawal peruntukan projek jabatan dan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha.

2. PEGAWAI INSURANS (BILANGAN KOD: 102 44 336) (DI KEMENTERIAN KEWANGAN) TANGGAGAJI: B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Insurans/Kewangan/Akauntansi atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang bersesuaian dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun.
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Insurans atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Mengawal segala aktiviti dan operasi syarikat insurans serta mengatualisasikan undang-undang, peraturan-peraturan garis pandu yang telah ditetapkan.
- Mengendalikan pengawasan melalui off-site dan on-site seperti memeriksa dan mengaji perangkaan, membuat pemeriksaan di tapak, menganalisa akaun-akaun dan membuat langkah-langkah susulan ke atas laporan Juruat.
- Memproses permohonan syarikat-syarikat insurans dan pengambilan pekerja asing dalam bidang insurans.
- Menerima dan menyelesaikan aduan-aduan orang ramai mengenai hal ehwal insurans.
- Bekerjasama dengan pegawai-pegawai atasan dalam pengawasan mutu kerja, disiplin dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan.

3. KETUA PEGAWAI MIGRESEN KANAN (BILANGAN KOD: 044 31 197) (DI JABATAN MIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI) TANGGAGAJI: B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Pegawai Migresen atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Pegawai Migresen atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun.

4. PEGAWAI PENYELIDIK (BILANGAN KOD: 072 19 513) (DI JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI) TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang politik, penyelidikan, teknologi maklumat, perhubungan antarabangsa atau perancangan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi dan/atau kebolehan dan pengalaman tentang penyelidikan adalah merupakan satu kelebihan.
- iii) Hendaklah fasih bertutur, menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Cina dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Memproses sebahagian laporan-laporan rahsia yang mempunyai kepentingan negara khususnya dari masyarakat atau golongan yang tertentu.
- Menyelia dan membimbing kakitangan bawahan yang menjalankan tugas-tugas Bahasa Cina dan Inggeris dan membuat terjemahan atau rumusan yang berkaitan dengan artikel/buku-buku yang mengandungi unsur-unsur kontroversi.
- Menyediakan kertas-kertas penyelidikan dan analisa yang berkaitan dengan perkembangan politik serantau dan antarabangsa, khususnya tindak

tanduk negara komunis dan implikasinya terhadap negara ini.

- Menjalankan apa jua arahan pembahagian kerja yang diberikan dari masa ke semasa oleh Ketua Jabatan atau Timbalannya dan Ketua Bahagian.

5. PENOLONG PENGUASA PELAJARAN UGAMA (BILANGAN KOD: 112 14 172) (DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA) TANGGAGAJI: G 11 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
- iii) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 atau yang sebanding dengannya selama 5 tahun termasuk 3 tahun pengalaman dalam pertandingan hal ehwal ugama.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU

6. PENOLONG PUSTAKAWAN (BILANGAN KOD: 079 19 114) (DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN) TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Sains Perpustakaan/Pengajian Islam/Pengajian Bahasa Arab/Health Science atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pegawai Perpustakaan Kanan dalam tanggagaji C1 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun.
- iii) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Arab/Inggeris dengan baik.
- iv) Berpengalaman dan/atau kelulusan dalam bidang perpustakaan/teknologi maklumat adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menjalankan kerja-kerja iktisaf perpustakaan (professional library work) seperti pemilihan, pemesanan buku, mengkatalog, rujukan, penyimpanan akaun, kutipan statistik dan lain-lain.
- Melatih dan mengawasi kakitangan sokongan.

7. KETUA PEMBANTU TEKNIK (BILANGAN KOD: 027 03 991) (DI JABATAN DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI) TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
- iii) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan pengawasan luar bandar adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab memastikan tugas-tugas bahagian dan unit di bawahnya dilaksanakan dengan baik dan sempurna mengikut spesifikasi tugas masing-masing dan selaras dengan matlamat jabatan dan general order.
- Meneliti dan menilai sama ada kerja-kerja yang dijalankan oleh unit-unit di bawahnya menepati sasaran, misi dan matlamat jabatan.
- Menyelayar kerja-kerja dengan lain-lain bahagian dan unit.
- Merancang projek-projek pembangunan untuk diteliti oleh Ketua Pejabat untuk dilaksanakan sama ada oleh jabatan atau diserapkan dalam Rancangan Kemajuan Negara.
- Membuat laporan tentang pencapaian masalah dan prestasi unit-unit kepada Ketua Pejabat.
- Membuat laporan tentang disiplin dan kepatuhan mengikut peraturan kerja (GO) semasa menjalankan tugas (office hours).
- Membantu untuk mengenalpasti keperluan latihan/kursus bagi kakitangan, keperluan tenaga mesin/ jentera keperluan tambahan tenaga manusia dan lain kemustahakan.
- Membuat penilaian prestasi Pembantu Teknik Kanan, Pembantu Teknik, Pegawai Luar, Pengawal Kencil dan Mandur.
- Memeriksa semula (Final Check) dan membuat pengesahan tentang kesilapan dan kesempurnaan projek-projek pembangunan.
- Menghadiri mesyuarat di mana-mana bagi pihak Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah.
- Membuat penilaian dan penelitian sama ada kaedah strategi/cara pelaksanaan kerja yang digunakan adalah praktikal dan berkesan bagi mencapai sasaran dan matlamat jabatan.
- Sebagai contoh kepada semua kakitangan, ke arah kerja bekerja mengikut etika dan disiplin kerja untuk mencapai budaya kerja cemerlang.

8. PENYELIA MESIN DAN PERKAKAS PEJABAT (BILANGAN KOD: 133 31 146) (DI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN) TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Komputer/Kejuruteraan Elektronik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji C2 selama 3 tahun atau tanggagaji C1 selama 5 tahun.
- iii) Calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah diberi keutamaan:
 - Mempunyai kebolehan yang baik dalam komunikasi lisan dan tulisan;
 - Mempunyai pengalaman praktikal dalam pengendalian pelbagai:
 - projek dan perkhidmatan Teknologi Maklumat;
 - platform Teknologi Maklumat terkini;
 - Mempunyai pengetahuan dalam pelbagai:
 - sistem-sistem kualiti pejabat;
 - peraturan kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan Teknologi Maklumat.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu pengendalian projek-projek Teknologi Maklumat (rangkai dan praserasi) dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang diarahkan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam projek dan perkhidmatan berkenaan.
- Membantu memantau dan memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan pengendalian projek dan perkhidmatan berkenaan dijalankan dengan amanah, sempurna dan selaras dengan peraturan, dasar, kaedah dan kehendak jabatan dan kerajaan termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan.
- Membantu menganalisa masalah dan keperluan projek dan perkhidmatan

berkenaan dan mengendali tindakan-tindakan yang perlu diambil mengennainya mengikut bidang kuasa diberikan. Jika perlu mengemukakan sokongan kepada Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) untuk kebenaran.

- Membantu mengaji dan membuat sokongan pembekalan yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya.
- Membantu kajian dan pelaksanaan dalam proses re-engineering dan sistem-sistem kualiti melibatkan Teknologi Maklumat.
- Tugas dan tanggungjawab membantu pengendalian projek-projek Teknologi Maklumat yang diarahkan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) di antaranya meliputi perkara-perkara berikut:
 - Urusetia/ahli Jawatankuasa Pandu Projek;
 - Memulakan (initiate) dan memperkembangkan inisiatif-inisiatif baru untuk membantu fungsi pengguna meningkatkan produktiviti kerja perkhidmatan awam;
 - Merangka keperluan pelanggan, membuat analisis SWOT dan strategi dan, jika perlu, membuat kajian kemungkinan dan prototyping;
 - Menyediakan cadangan dan rancangan Teknologi Maklumat untuk mendapatkan peruntukan dengan kaedah selective sourcing;
 - Menyediakan spesifikasi-spesifikasi sistem dan tawaran mengikut rangka keperluan pelanggan yang dipersejuti;
 - Menilai tawaran pemroses sistem-sistem, perkhidmatan-perkhidmatan, rangkaian dan praserasi Teknologi Maklumat mengikut spesifikasi tawaran; dan menyediakan kontrak perbekalan dan/atau pemeliharaan mengikut spesifikasi tawaran dituliskan;
 - Mernantau dan memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan pengendalian kontrak para pembekal dan perkembangan projek mengikut spesifikasi-spesifikasi sistem dan tawaran, dan memenuhi rangka keperluan pelanggan yang dipersejuti;
 - Dan memberi nasihat dan bantuan kepada pengguna.
- Bergantung kepada tahap Teknologi Maklumat perlu dikendalikan, tugas dan tanggungjawab membantu pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang diarahkan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) di antaranya meliputi perkara-perkara berikut:
 - Pengendalian pertandingan sistem, penjadualan sistem, perbekalan dan pemeliharaan aset untuk mewujudkan suasana operasi yang optimum;
 - Pengendalian bantuan keselamatan untuk merangka piawai-piawai dan prosedur-prosedur bagi penggunaan, keselamatan, integriti maklumat, disaster recovery, data retention dan pengauditan aset maklumat;
 - Pengendalian operasi memenuhi perkhidmatan-perkhidmatan dan jadual-jadual kerja yang dipersejuti;
 - Pengendalian bantuan komunikasi untuk pemeliharaan rangkaian dan praserasi komunikasi dalam teknologi maklumat mengikut konfigurasi-konfigurasi dan tahap-tahap perkhidmatan yang dipersejuti;
 - Pengendalian pemeliharaan sistem-sistem aplikasi;
 - Pengendalian bantuan pengguna untuk memberi nasihat, bimbingan dan melatih pengguna kepada penggunaan sumber teknologi maklumat yang terdapat dan membantu perkembangan aplikasi tahap pengguna.

9. PEGAWAI KERJA (BILANGAN KOD: 027 31 013) (DI JABATAN DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI) TANGGAGAJI: C3 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang pendidikan/pengurusan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Kerja dalam tanggagaji C1 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun atau jawatan-jawatan dalam tanggagaji C2 selama 3 tahun.
- iii) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- iv) Berkebolehan menggunakan komputer dengan baik adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah dalam mentadbir dan mengurus hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal jabatan.
- Membantu Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah dalam perancangan projek-projek jabatan.
- Bertindak sebagai wakil Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah dalam mana-mana mesyuarat, persidangan, perjumpaan dan sebagainya.
- Bertindak sebagai Pegawai Perhubungan (PRO).
- Memberikan taklimat yang berhubungkait dengan hal ehwal jabatan dan Daerah Temburong amnya.

10. PENOLONG PEGAWAI EKONOMI (BILANGAN KOD: 135 09 046) (DI JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI, KEMENTERIAN KEWANGAN) TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramisan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C2 selama 3 tahun.
- iv) Calon-calon yang berkebolehan dalam mengendalikan komputer adalah menjadi satu kelebihan.
- v) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyediaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara.
- vi) Mempunyai sikap bekerja yang fleksibel terhadap tugasnya dan keupayaan perhubungan yang berkesan dengan sektor swasta dan lain-lain organisasi kerajaan.
- vii) Berminat dan bersedia untuk menjalankan tugas luar (field work).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu Pegawai Ekonomi dalam kerja-kerja perancangan, pernyelidikan dan penilaian pelaksanaan/perkembangan Rancangan Kemajuan Negara.
- Membantu dalam membuat penyelidikan ke atas dasar serta perkembangan sektor swasta termasuk yang mendapat bantuan di bawah Skim Pinjaman Kerajaan.

11. PENOLONG KANAK-KANAK CACAT TERLATIH (BILANGAN KOD: 113 07 633) (DI KEMENTERIAN KESIHATAN) TANGGAGAJI: C1-2 EB \$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam jurusan melatih kanak-kanak cacat atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) Mempunyai Sijil Pembantu Jururawat yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- iii) Mempunyai pengalaman selama 5 tahun dalam kerja-kerja melatih kanak-kanak cacat.
- iv) Mempunyai latihan-latihan mengenai dengan kanak-kanak cacat (special needs children) adalah satu kelebihan.

Dari muka 6

12. IMAM TINGKAT IV (BILANGAN KOD: 104 14 113)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: D4-5 EB 6 \$ 1,225 - \$ 1,785 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Berumur tidak kurang dari 21 Tahun.
- Hendaklah lulus Darjah VI Sekolah Agama atau sekurang-kurangnya lulus peringkat rendah sekolah Agama Dewasa.
- Hendaklah mahir membaca dan menulis Jawi.
- Hendaklah mahir membaca Al-Quran.
- Hendaklah mahir dalam menyempurnakan jenazah.
- Hendaklah mahir bertahil dan membaca doa.
- Hendaklah mahir menyampaikan Khutbah.
- Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.
- Hendaklah tahu hukum-hukum mengenai dengan nikah kahwin.
- Hendaklah pandai berdir dan berzanji. ATAU
- Mana-mana Imam Tingkat V yang telah ditetapkan dalam jawatan mereka dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun, yang tidak mempunyai kelayakan seperti di (b) di atas tetapi memenuhi syarat-syarat yang lain di (a), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i), (j) dan pengetahuannya sebanding dengan pengetahuan Imam Tingkat IV atau sebanding dengan Kelas Darjah VI Sekolah Agama atau kelulusan Peringkat Rendah Kelas Dewasa Agama yang diakui oleh Pejabat Pegawai Hal Ehwal Agama adalah diutamakan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menjadi Imam sembahyang lima waktu, sembahyang Hari Raya, sembahyang Tarawih dan Witir dan sembahyang-semahyang lain yang diadakan di masjid.
- Mengawal dan menjalankan segala perkara yang berkenaan dengan masjid, termasuklah menjaga dan memelihara perkara-perkara berikut:
 - Keselamatan dan kebersihan bangunan masjid.
 - Keselamatan harta benda masjid, termasuk menyimpan segala kenyataan yang lengkap mengenai harta benda, wang tunai dengan kunci kira-kira yang lengkap.
 - Kebersihan dan kebersihan kawasan masjid.
- Menyempurnakan jenazah yang dituntut oleh syarak mengenai dengan hal ehwal kematian dalam Kementerian Pertahanan seperti memandikan, mengatankan dan menyembahyangkan jenazah, membaca talim dan bertahil.
- Memberi laporan kepada Pegawai Agama Kanan, Kementerian Pertahanan segala perkara yang berlaku dalam Perkhemahan berhubung dengan agama.
- Membaca Khutbah dan Hari Raya.
- Menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut yang ditentukan Bab (65) dari Undang-Undang Masjid Agama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955.
- Pada umumnya Imam hendaklah sentiasa menjaga maruah dan kehormatan agama, dan Imam hendaklah menaruh ingatan dan perhatian yang berat bahawa jawatannya adalah pekerjaan dan perkhidmatan bagi menjalankan suruhan agama.

13. PENTERJEMAH (BILANGAN KOD: 000 19 530)

(DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN)
TANGGAGAJI: D3 EB4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Sijil Kebangsaan Biasa (ONC) dalam bidang yang bersesuaian termasuk matapelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji D1 selama 3 tahun dalam bidang yang berkaitan.
- Calon-calon yang mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang penterjemahan adalah mendapat keutamaan.

14. TEKNISIYEN KAPAL TINGKAT I (BILANGAN KOD: 104 03 593)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: D3 EB 4 \$ 900 - \$ 1,465 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 6 atau yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Teknisiylen Kapal Tingkat II dalam tanggagaji E3 selama 5 tahun.

15. PRANDIYAH (BILANGAN KOD: 106 17 224)

(DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang karamian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Mempunyai anggota fizikal yang sempurna.
- Mempunyai ukuran tinggi tidak kurang dari 5 kaki dan berat badan tidak lebih dari 49.9 kg (110 paun).
- Mempunyai pengalaman yang terbukti di bidang seni tari merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab dalam memperkembangkan seni budaya.
- Mengetahui semua aspek dalam kerjaya bagi menangani tugas meningkatkan seni budaya ke peringkat yang lebih tinggi.
- Membuat penyelidikan tentang seni budaya terutama sebagai bahagian tarian.
- Memberi bingkai tarian kepada yang memerlukan seperti pihak-pihak sekolah, jabatan-jabatan Kerajaan, pihak swasta, persatuan-persatuan dan kumpulan persendirian.
- Membuat persembahan budaya di dalam negeri atau pun di luar negeri.
- Mengikuti seminar budaya dan menyertai program bahagian ASEAN.

16. TUKANG PELAN (BILANGAN KOD: 096 03 293)

(DI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk matapelajaran Lukisan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tukang Lukis atau satu jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membuat pelan tapak, projek rancangan kerajaan/gantian tanah/loi dan lain-lain tugas yang diarahkan.
- Membuat pelan skim perancangan setempat dan skim-skim perancangan yang lain.

17. JURUTAIP (BILANGAN KOD: 104 32 140)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang

diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

b) Mempunyai Sijil Menaip Peringkat Menengah.

18. JURUGAMBAR (BILANGAN KOD: 106 16 311)

(DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun atau dalam tanggagaji F1 selama 8 tahun dalam kerja-kerja yang berkaitan.
- Mempunyai pemahaman yang luas kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan 35mm dan 23/4 gambar pegun (still photography).

SYARAT-SYARAT LAIN:

a) Setiap pegawai sebelum ia layak ditetapkan dalam jawatannya, hendaklah lulus peperiksaan jabatan dalam salah satu perkara-perkara berikut:

- Undang-undang atau peraturan-peraturan yang dikawal oleh Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan bidang tugas atau profesian masing-masing.
- Susunan organisasi dan fungsi Kementerian atau jabatan.
- Dasar-dasar, peraturan dan prosedur-prosedur pentadbiran Kementerian atau jabatan.
- Subjek-subjek lain yang ditetapkan oleh Kementerian atau jabatan masing-masing.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Mengambil gambar-gambar di upacara-upacara yang sesuai di sekitar perayaan, majlis-majlis rasmi dan lain keperluan untuk dimasukkan dalam Newsletter "Canang" dan keperluan lain-lain penerbitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

19. IMAM TINGKAT V (BILANGAN KOD: 104 14 114)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: D2-3 EB 4 \$ 650 - \$ 1,465 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Berumur tidak kurang 21 tahun.
- Hendaklah lulus Darjah VI Sekolah Agama atau sekurang-kurangnya lulus peringkat rendah Sekolah Agama Dewasa.
- Hendaklah mahir membaca dan menulis Jawi.
- Hendaklah mahir membaca Al-Quran.
- Hendaklah mahir dalam menyempurnakan jenazah.
- Hendaklah mahir bertahil dan membaca doa.
- Hendaklah mahir menyampaikan Khutbah.
- Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.
- Hendaklah tahu hukum-hukum mengenai dengan nikah kahwin.
- Hendaklah pandai berdir dan berzanji.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menjadi Imam sembahyang lima waktu, sembahyang Hari Raya, sembahyang Tarawih dan Witir dan sembahyang-semahyang lain yang diadakan di masjid.
- Mengawal dan menjalankan segala perkara yang berkenaan dengan masjid, termasuklah menjaga dan memelihara perkara-perkara berikut:
 - Keselamatan dan kebersihan bangunan masjid.
 - Keselamatan harta benda masjid, termasuk menyimpan segala kenyataan yang lengkap mengenai harta benda, wang tunai dengan kunci kira-kira yang lengkap.
 - Kebersihan dan kebersihan kawasan masjid.
- Menyempurnakan jenazah yang dituntut oleh syarak mengenai dengan hal ehwal kematian dalam Kementerian Pertahanan seperti memandikan, mengatankan dan menyembahyangkan jenazah, membaca talim dan bertahil.
- Memberi laporan kepada Pegawai Agama Kanan, Kementerian Pertahanan segala perkara yang berlaku dalam Perkhemahan berhubung dengan agama.
- Membaca Khutbah dan Hari Raya.
- Menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut yang ditentukan Bab (65) dari Undang-Undang Masjid Agama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955.
- Pada umumnya Imam hendaklah sentiasa menjaga maruah dan kehormatan agama, dan Imam hendaklah menaruh ingatan dan perhatian yang berat bahawa jawatannya adalah pekerjaan dan perkhidmatan bagi menjalankan suruhan agama.

20. BILAL TINGKAT II (BILANGAN KOD: 104 14 109)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: D1-2 EB 3 \$ 530 - \$ 1,125 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Berumur tidak kurang dari 20 tahun.
- Hendaklah lulus Darjah VI Sekolah Agama atau sekurang-kurangnya lulus peringkat rendah Sekolah Agama Dewasa.
- Mana-mana Marbut yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas tetapi ditetapkan dalam jawatannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas yang sebanding dengan kelulusan Darjah VI Sekolah Agama atau sekurang-kurangnya kelulusan peringkat Sekolah Agama Dewasa yang diakui oleh Pejabat Pegawai Hal Ehwal Agama adalah layak untuk dipertimbangkan.
- Hendaklah tahu membaca dan menulis Jawi.
- Hendaklah tahu membaca Al-Quran.
- Hendaklah tahu dalam menyempurnakan jenazah.
- Hendaklah tahu dalam bertahil dan bacaan doa yang tertentu.
- Boleh menyampaikan azan dan iqamah dengan baik.
- Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.
- Pernah mengikuti Kursus Bilal atau Imam yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama dan diakui kebolehannya.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menyempurnakan Azan, Qamat, takzir dan tarhim.
- Menjadi sandaran bagi majlis sukaudak yang berlaku di dalam perkhemahan di mana dia bertugas terutama apabila dikehendaki untuk bertahil dan membaca doa.
- Bekerjasama rapat dengan Guru Agama dan Imam untuk meninggikan syiar agama Islam di dalam Kem ABDB di mana dia bertugas.
- Lain-lain tugas yang diarahkan dan berkebalikan (merujuk Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1977 yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei, Oktober 1977).

21. PENOLONG PUSAT PERKHIDMATAN PEMBASMIAH KUMAN

(BILANGAN KOD: 113 05 255)
(DI KEMENTERIAN KESIHATAN)
TANGGAGAJI: M2 \$ 550 - \$ 930 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji F1 dalam kerja-kerja yang berkaitan selama 3 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bagi menjalankan tugas-tugas harian di Pusat Perkhidmatan Pembasmian Kuman.
- Mengendalikan "Mesin Sterilizer".

22. TUKANG KAYU (BILANGAN KOD: 104 95 413)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: E2-3 EB 4 \$ 590 - \$ 875 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 3 dalam bidang Carpentry atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU

iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji F1 selama 4 tahun dalam kerja-kerja pertukangan kayu.

b) Kecakapan dalam menggunakan perkakas Tukang Kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik serta mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenai adalah merupakan satu kelebihan.

23. PENGENDALI MESIN PENGAMBIL PRUFLETTERPRESS

(BILANGAN KOD: 078 92 283)
(DI JABATAN PERCETAKAN, JABATAN PERDANA MENTERI)
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji F1 dalam bidang yang berkaitan selama 3 tahun.

b) Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kerja-kerja pengendali mesin cetak dan grafik adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Calon-calon yang dipilih akan ditempatkan di bahagian mesin cetak di Jabatan Percetakan sebagai Pengendali Mesin Pengambil Pruf Letterpress.
- Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja yang diberikan serta arahan-arahan dari Pengarah atau Ketua Bahagian.

24. TUKANG PATERI/TUKANG BESI (BILANGAN KOD: 104 87 210)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 3 dalam bidang Welding and Fabrication atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai 3 tahun pengalaman sebagai Tukang Pateri serta hendaklah dapat membuktikan kebolehannya di dalam kerja-kerja yang berkenaan.

25. PENGAWAS KECIL (BILANGAN KOD: 104 70 108)

(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Mandur dalam tanggagaji F2 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.

26. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I

(BILANGAN KOD: 112 98 156)
(DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA)
TANGGAGAJI: F3-4-5 EB 6 \$ 550 - \$ 700 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Mempunyai Sijil Kecakapan Pegawai Laut Kelas 9 terhad yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.
- Mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motor sangkut Tingkat II dalam tanggagaji F2 selama 3 tahun dan mempunyai kebolehan untuk membaiki kerosakan kecil serta pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin motor sangkut.
- Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Negara Brunei Darussalam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menjadi pemandu bagi perahu-perahu motor sangkut dan bertanggungjawab terhadap keselamatan enjin dan perahu motor sangkut.
- Membawa penumpang-penumpang yang dibenarkan oleh Kementerian dari masa ke semasa.

27. PEMANDU O/B DAN MEKANIK TINGKAT I DAN II

(BILANGAN KOD: 114 98 162)
(DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN)
TANGGAGAJI: F3-4-5 EB 6 \$ 550 - \$ 790 SEBULAN.
ATAU

F2-3-4 EB 5 \$ 495 - \$ 700 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Mempunyai Sijil Kecakapan Pegawai Laut Kelas 9 terhad yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.
- Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI F3-4-5 EB 6:

- Mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motor sangkut Tingkat II dalam tanggagaji F2 selama 3 tahun dan mempunyai kebolehan untuk membaiki kerosakan kecil serta pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin motor sangkut.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI F2-3-4 EB 5:

- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pemandu motor sangkut dalam tanggagaji F1 selama 3 tahun mempunyai kebolehan untuk membaiki kerosakan kecil serta pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin motor sangkut.

28. PENJAGA (BILANGAN KOD: 112 58 939)

(DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA)
TANGGAGAJI: F1-2 EB 3 \$ 445 - \$ 590 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:

- Tahu membaca dan menulis.
- Mempunyai pengalaman dalam tugas-tugas keselamatan adalah satu keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Menjaga, mengawal dan mengawasi bangunan dan segala isi di dalamnya pada masa selepas waktu bekerja dan waktu malam termasuklah pengawasan daripada bahaya kebakaran, pencerobohan dan kecurian.

NOTA:

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sangat baik bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit 4 matapelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergiliran (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sult dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah di kembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Dua, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 07 MAC 2001

BILANGAN PENDAFTARAN: 1/2001

RUJUKAN: JPA/3.2/180/92



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa (seperti tarikh yang telah ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Satu, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu boleh diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran bagi : i) Kelas VI - \$5,000.00/\$10,000.00 ii) Kelas V - \$1,000.00 iii) Kelas IV - \$500.00 iv) Kelas III - \$200.00; v) Kelas II - \$100.00; vi) Lukisan - \$100.00.
6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar cagaran adalah seperti yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal yang diluluskan sahaja.

Hingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 10 Februari, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 12 Februari, 2001.

BIL : JKR/DWS/001/2001 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 3,600 METRIC TAN KAPUR RINGAN KE LOJI-LOJI PENAPISAN AIR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran tawaran : \$500.00. Kadar Bayaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II & III (kategori 4g, 6a, 6f, 6g & 7a).

Hingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 10 Februari, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 12 Februari, 2001.

BIL : JKR/DWS/002/2001 : KONTRAK PEMELIHARAAN BAGI KERJA-KERJA ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL DI LOJI PENAPISAN AIR TEMBURONG DAN STESAN PAM BOOSTER, JABATAN PERKHIDMATAN AIR, DAERAH TEMBURONG.

Cagaran tawaran : \$100.00. Kadar Bayaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas III, IV dan V kategori 1 sahaja.

Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 15 Februari, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 19 Februari, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).

BIL : JKR/DOR/SRM 006/2001 - T. IV : MEMBAIKI JALAN-JALAN BERLUBANG DI DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas IV, V & VI (Kategori 3 sahaja).

Hingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 17 Februari, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 19 Februari, 2001.

BIL : JKR/DWS/003/2001 : MEMASANG PAIP AIR DAN PEMBINAAN TANGKI AIR UTAMA DI TAPAK PEMBINAAN TERMASUK KERJA TANAH BAGI SKIM PENYUSUNAN SEMULA KAMPONG AYER DI KAMPONG KATOK 'A', JALAN TUNGKU.

Cagaran tawaran : \$1,000.00. Kadar Bayaran : \$250.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI di kategori 5m, 6a, 6f, 6g, 7a & 7b sahaja.

Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 3 Mac, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 5 Mac, 2001.

BIL : JKR/DOD/1/2001 (ESS) T. V : PEMASANGAN SISTEM CCTV BAGI PAGAR SEKELILING HANGAR PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA.

Nombor Projek : ESS/IV. 1/2001. Cagaran tawaran : \$1,000.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$250.00 (tidak dikembalikan).



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JKP/02/2001

Tajuk Tawaran : TAWARAN BAGI MENDAPATKAN SATU (1) UNIT RUANG KOSONG DI BLOK BERDERET KOMPLEKS PERUSAHAAN RINGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran : JKP/02/2001.

Lokasi : Di Pusat Perusahaan Anggerak Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Jumlah ruang yang ditawarkan : 1 unit ruang kedai

Sewa setiap bulanan : \$800.00 (Lapan Ratus Ringgit Brunei) sebulan.

Kelulusan bagi setiap unit : 166.72 meter persegi.

Tempoh penyewaan : 5 tahun.

Dokumen tawaran : Boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan JPE/JKP, (Jabatan Perkhidmatan Elektrik/Jabatan Kemajuan Perumahan), Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh buka tawaran : 31 Januari, 2001.

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran : 24 Februari, 2001 (Sabtu) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tarikh tutup tawaran : 26 Februari, 2001 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup tawaran : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : \$100.00 (Satu Ratus Ringgit Brunei) tunai - dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya dan yang telah menghantar tawaran yang jujur.

Bayaran Dokumen tawaran dan lukisan : \$15.00 (Lima Belas Ringgit Brunei) tidak dikembalikan kepada penawar.

Waktu pembayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. 1.30 petang hingga 2.30 petang. dan Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. SEMUA syarikat-syarikat pemiagaan Daerah Brunei/Muara untuk memberikan tawaran bagi mendapatkan unit/ruang kedai di Kompleks Perusahaan Kampong Anggerak Desa, seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Pemohon mestilah membawa bersama kad pengenalan asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) sijil pendaftaran syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan jabatan ini.
4. Cagaran tawaran dikenakan sebanyak \$100.00 dan akan dikembalikan kepada setiap syarikat yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur. Bayaran dokumen tawaran dikenakan sebanyak \$15.00 dan tidak dikembalikan. Resit pembayaran beserta sijil pendaftaran syarikat hendaklah ditunjukkan kepada Bahagian Pentadbiran Kontrak sebelum borang dan dokumen tawaran dapat diserahkan. Penawar yang telah mengambil mengisir harga yang salah gagal untuk menghantar tawaran atau menghantar lewat daripada masa yang ditetapkan atau tersalah alamat maka cagaran tawarannya tidak akan dikembalikan dan menjadi hak kerajaan.
5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
6. Borang tawaran mestilah diisi dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak pemohonan tawaran akan ditolak.
7. Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair pemadam seperti blanco, tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran penawar hendaklah mengisir harga yang salah dan mencatat harga betul di atasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah dilolak dan tawarannya dikira tidak sah.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang berutup yang telah disediakan oleh jabatan ini tanpa menunjukkan identiti syarikat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
9. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
10. Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang cagaran sebanyak tiga (3) bulan sewa sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan dibenarkan memulakan pemiagaan.
11. Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran tutup. Bagi mereka yang menarik diri akan dikenakan denda masa (diharamkan mengikut sebarang tawaran di jabatan ini sehingga tarikh yang dinyatakan) dan wang cagaran (\$100.00) tidak akan dikembalikan.
12. Harga tawaran dari penawar adalah bayaran premis bagi kelayakan untuk mendapatkan satu unit ruang perusahaan dan tidak termasuk perkara-perkara berikut :
i) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak \$100.00 sebulan.
ii) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak tiga (3) bulan sewa dibayar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani perjanjian kontrak.
13. Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau cagaran penyewa dalam tempoh yang telah ditetapkan Jabatan adalah dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda masa iaitu dihapuskan dari mengikut sebarang tawaran di Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.
14. Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos perbelanjaan bagi memulakan unit kedai yang ditawarkan tersebut dan digalakan supaya melawat tempat perusahaan tersebut untuk memastikan keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki tersebut.
15. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TAWARAN BAGI SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF AN AUTOMATED SYSTEM FOR THE TESTING OF FOODBORNE PATHOGENS USING A RAPID, PCR BASED METHOD AT FISH LANDING COMPLEX, MUARA

Bilangan Tawaran : (JPV/1/2001)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of An Automated System For The Testing Of Foodborne Pathogens Using A Rapid, PCR Based Method At Fish Landing Complex, Muara. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang betul rapi (sealed) dengan menyatakan JPV/1/2001 - SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF AN AUTOMATED SYSTEM FOR THE TESTING OF FOODBORNE PATHOGENS USING A RAPID, PCR BASED METHOD AT FISH LANDING COMPLEX, MUARA di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penender dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara tersebut tidak lewat dari hari Isnin, 5 Mac, 2001 jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BS 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak berjaya.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/56 : (JPPK/LTN/40/2000) : GRASS CUTTING AND GROUND MAINTENANCE AT TUTONG CAMP (THREE YEAR TERM CONTRACT). Wang Bayaran Tawaran : \$200.00. Wang Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan). Kelas III. Kategori : 4c.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/T/3001 : (JPPK/LTN/39/2000) : CADANGAN PENGUBAHSUAJIAN BANGUNAN TAMBAHAN BLOK 180 BOLKIAH GARISON. Wang Bayaran Tawaran : \$100.00. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (Tidak dikembalikan). Kelas I. Kategori : 2. Tempoh Penyisipan Kerja : 4 bulan.

Syarat-Syarat Tawaran :

- a) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 19 Februari, 2001. Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 16 Februari, 2001 hari Jumaat jam 10.30 pagi.
- b) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' dan 'Tender Deposit' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkliah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini sepertiimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/AT/2001/01

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi 'The Supply, Install & Commissioning Of Batteries For The U.P.S Equipment At Remote Stations, Brunei International Airport'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau Logo pembekal/pemborong ditulis dengan TAWARAN BAGI 'THE SUPPLY, INSTALL & COMMISSIONING OF BATTERIES FOR THE U.P.S EQUIPMENT AT REMOTE STATIONS, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT'. Bilangan Tawaran : JPA/AT/2001/01. Tarikh tutup : 26 Februari, 2001 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 26 Februari, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati daripada Bahagian Kewangan, Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Bandar Seri Begawan BS 2513, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran yuran sebanyak \$50.00 (tidak dikembalikan).



GUNAKAN TALI KELEDAR KESELAMATAN